

**KAEDAH PENYELESAIAN DALAM MENANGANI PERTUKARAN AGAMA  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM  
DI JOHOR, SELANGOR DAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.**

**VOT RMC  
78097**

**KETUA PROJEK  
DR. FARAHWAHIDA BT. MOHD YUSOF**

**AHLI KUMPULAN  
P.M AMINUDDIN B. RUSKAM  
AZMI SHAH B. SURATMAN  
MOHD NASIR B. RIPIN  
NUR RAIHAN BT. NORDIN  
SHARIFAH MUNIRAH BT. TIMMIATI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**KAEDAH PENYELESAIAN DALAM MENANGANI PERTUKARAN AGAMA  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM  
DI JOHOR, SELANGOR DAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.**

**DR. FARAHWAHIDA BT. MOHD YUSOF  
P.M AMINUDDIN B. RUSKAM  
TUAN HJ. AZMI SHAH B. SURATMAN  
EN. MOHD NASIR B. RIPIN  
CIK NUR RAIHAN BINTI NORDIN  
CIK SHARIFAH MUNIRAH BT. TIMMIATI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**KAEDAH PENYELESAIAN DALAM MENANGANI PERTUKARAN AGAMA  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM  
DI JOHOR, SELANGOR DAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## ABSTRAK

Kes-kes pertukaran agama sebelum ini dianggap sebagai isu yang sensitif oleh banyak pihak dan ianya tidak dibincangkan secara terbuka bahkan statistiknya juga tidak didedahkan kepada umum. Baru-baru ini Mufti Perak Datuk Seri Dr. Harussani Zakaria telah melaporkan dalam satu ceramah bahawa terdapat lebih 250,000 orang Islam telah menukar agamanya. Kes Noraisyah Bukhari misalnya, telah membuka mata masyarakat Islam bahkan menimbulkan satu polemik hingga ia dibahaskan serta mendapat reaksi spontan bukan sahaja oleh golongan masyarakat Islam bahkan para ulama dan kerajaan Malaysia. Isu ini kemudiannya surut sehingga beberapa parti politik menggesa kerajaan mewujudkan satu enakmen bagi menangani gejala pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Sehingga hari ini, enakmen yang diharapkan masih dalam draf perbincangan bahkan ia telah mengambil masa yang agak lama untuk dipersetujui seterusnya diimplementasikan di negara ini. Sementara menunggu satu undang-undang diluluskan bagi mengawal pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam ini, semakin banyak desas-desus mendakwa keterlibatan remaja Melayu-Islam yang cenderung untuk menukar agama serta terlibat dalam kumpulan yang boleh merosakkan akidah mereka seperti JIT (Jangan Ikut Tuhan) dan *Black Metal*. Mutakhir, cadangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama turut mendapat perhatian kerajaan kerana ia nyata menggugat kepentingan umat Islam di Malaysia. Ekoran daripada ini,, pihak berkuasa perlu lebih prihatin dan seharusnya mendedahkan statistik permohonan pertukaran agama oleh masyarakat Melayu-Islam ini kerana gejala ini boleh merosakkan institusi keluarga Islam bahkan ia lebih buruk daripada gejala sosial dan dadah. Di sebabkan oleh banyak pandangan, pendekatan dan cadangan yang telah dibuat sebelum ini yang masih belum menampakkan hasilnya maka dirasakan perlu dibuat satu pengkajian yang tuntas bagi mengupas kemelut ini dengan tepat. Justeru, kajian ini akan sedaya upaya membantu pihak kerajaan mengenal pasti jalan penyelesaian yang terbaik mengatasi permasalahan pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## **ABSTRACT**

Cases on conversion of religion are regarded as sensitive by many quarters and have not been discussed openly. Indeed, statistics on conversion of religion are not exposed to the public. Recently the mufti of Perak, Datuk Dr. Harunsani Zakaria were reported to have been said that about 250,000 Muslims has converted to other religions. For example, the case of Noraisyah Bukhari has opened the eye of the Muslim society and created polemics and controversy. The issue was hotly and highly debated among Muslims in the country. The responses and reactions came not only among the layman Muslims but also from intellectuals and Muslims scholar and even the Malaysian government. For the meantime the debate on the issue seemed to be gaining momentum until various quarters including a few political parties which have urged the government to craft a legislation or enactment to address the issue of Muslims conversion to other of religion especially among the Malay-Muslims. Until now, the enactment is still in pre-discussion stage and will take a long time for approval and an implementation throughout the country. In the mean time, as waiting for the approval such laws to control the conversion religion among Malay-Muslims, rumors have started to circulate saying that the involvement of Malay-Muslims youngsters or adolescents are tempted to change their religion. They include those who are involved with groups which are visibly contradicted to Islam such as the Islamic Creed, Jangan Ikut Tuhan or JIT (Do not follow God) and Black Metal. Recently, a suggestion for an establishment of Interfaith Commission also created a concerns from the government because the suggestion would obviously create a rouse among Muslims in Malaysia. In relation to the issue, the government is called upon to give due attention and expose or publicize the statistics application of conversion religion identity among the Malay-Muslims to the Malaysian society because this phenomenon will effect and jeopardize the Muslim-family institutions in the country. This is therefore a serious matter at hand and more damaging than the social illness and drugs problems thus far. Even though there are many opinions, approaches and suggestions given before, still this matter has not been materialized yet. Therefore, a thorough study should be launched to look into the problem deeply. This study will help the government to identify the best solutions to overcome the conversion of religion issues among the Malay-Muslims in Johor, Selangor and Wilayah Persekutuan and the rest of the country.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., keluarga serta sahabat Baginda. Alhamdulillah, berkat inayah-Nya, kajian ini dapat disiapkan tepat pada masa yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang telah meluluskan geran penyelidikan bagi membolehkan kajian ini dilakukan. Begitu juga kepada Universiti Teknologi Malaysia yang memberi kesempatan kepada penyelidik untuk membuat kajian ini. Seterusnya kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Perpustakaan Universiti Malaya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada orang perseorangan yang banyak membantu kajian ini iaitu Dr. Mohd Azam, Ustaz Azman (USIM), Ustaz Abdul Aziz Jusoh, Dr. Haji Hassan (Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman), Puan Faridayasmin Mohd Yusof (Jabatan Peguam Negara), wartawan Mastika dan Harian Metro. Semoga segala kerjasama dan pengorbanan masa yang telah dicurahkan mendapat balasan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Akhirnya, diharapkan semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua agensi yang terlibat serta masyarakat Islam keseluruhannya dalam mengatasi masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

## **SENARAI KEPENDEKAN**

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ACCIN	<i>Allied Coordinating Committee Of Islamic NGOs</i>
ASWJ	Ahli Sunnah wal Jamaah
a.s	<i>Alaihi Salam</i>
BADAI	Badan Bertindak Anti IFC
CITU	Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Dr.	Doktor
F.M.S.L.R.	<i>Federated Malay States Law Reports</i>
FORKAD	Front Bertindak Anti Murtad Negara
ed.	Editor
Hj.	Haji
Ibid.	(Latin: <i>Ibidem</i> ) pada tempat, kitab atau halaman yang sama
IFC	<i>Interfaith Council</i>
IIUMLJ	<i>International Islamic University Malaysia Law Journal</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ISA	<i>Internal Security Act</i> (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Wilayah Persekutuan

JI	Jemaah Islamiah
Jil.	Jilid
JIM	Jamaah Islah Malaysia
JIT	Jangan Ikut Tuhan
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN	Jabatan Pendaftaran negara
lwn	Lawan
MABIMS	Majlis Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Republik Singapura
M.L.J.	<i>Malayan Law Journal</i>
m.s	Muka Surat
MPF	<i>Muslim Professionals Forum</i>
NGO	<i>Non Govermental Organisation</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
OIC	Pertubuhan Negara-negara Islam
OKT	Orang Kena Tuduh
op.cit.	(Latin: opere citato) dalam rujukan yang telah diterangkan
OSA	<i>Official Secrets Act</i> (Akta Rahsia Rasmi)
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEMBELA	Pembela Islam
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PGSM	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
PhD	Ijazah Doktor Falsafah
PPI	Peguam Pembela Islam
PPSM	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
Prof.	Profesor
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra
r.a	<i>Radhiallahu 'Anhu</i>
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan

s.a.w.	<i>Sallallahu ‘Alayhi Wassalam</i>
S.W.T	<i>Subhanahu Wa Ta ala</i>
SIS	<i>Sisters In Islam</i>
SMS	sistem khidmat pesanan ringkas
TERAS	Teras Pengupayaan Melayu
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
t.t.	Tanpa Tahun
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
USIA	<i>United Sabah Islamic Assosiation</i>
VVIP	<i>Very Important Person</i>
WADAH	Wadah Pencerdasan Umat
YADIM	Yayasan Dakwah Islam Malaysia

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>Muka Depan</b>	<b>ii</b>
<b>Halaman Judul</b>	<b>iii</b>
<b>Abstrak</b>	<b>iv</b>
<b>Abstract</b>	<b>v</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>vi</b>
<b>Senarai Kependekan</b>	<b>vii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>x</b>

## BAB I

### PENDAHULUAN

<b>1.1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>1.2 LATAR BELAKANG</b>	<b>5</b>
<b>1.3 PENGERTIAN TAJUK</b>	<b>9</b>
<b>1.4 OBJEKTIF KAJIAN</b>	<b>12</b>
<b>1.5 KEPENTINGAN KAJIAN</b>	<b>13</b>
<b>1.6 SKOP KAJIAN</b>	<b>14</b>

<b>1.7 KAJIAN TERDAHULU</b>	<b>14</b>
<b>1.8 METODE PENYELIDIKAN</b>	<b>15</b>
<b>1.9 KESIMPULAN</b>	<b>23</b>

**BAB II**  
**LANDASAN TEORI**

<b>2.1 PENGENALAN</b>	<b>24</b>
<b>2.2 SEJARAH BERAGAMA DI KALANGAN UMAT MANUSIA</b>	<b>27</b>
<b>2.3 ISLAM AGAMA UNIVERSAL</b>	<b>29</b>
<b>2.4 SALAH FAHAM DAN CABARAN TERHADAP ISLAM</b>	<b>30</b>
2.4.1 Globalisasi	30
2.4.2 Masalah Sosial	30
2.4.3 Ajaran Sesat	31
2.4.4 Murtad	32
<b>2.5 MURTAD</b>	<b>34</b>
2.5.1 Definisi	34
2.5.2 Syarat Sah Murtad	35
2.5.3 Sebab-Sebab Murtad	53
2.5.4 Kesan daripada Murtad	67
2.5.5 Faktor-Faktor Murtad	71
2.5.5.1 Dalaman	
i. Kurang didikan agama / jahil	71
ii. Percintaan / Perkahwinan / Perceraian	73
iii. Ibu bapa	75
iv. Ekonomi Keluarga / Peribadi	77
2.5.5.2 Luaran	
i. Persekutaran	78
ii. Rakan Sebaya	79

iii.	<b>Gerakan Kristianisasi</b>	<b>80</b>
iv.	<b>Modenisasi</b>	<b>85</b>
v.	<b>Kelonggaran Undang-Undang</b>	<b>85</b>
vi.	<b>Pemerintahan / Pentadbiran Negara</b>	<b>89</b>
vii.	<b>Sistem Pendidikan</b>	<b>91</b>
viii.	<b>Dakwah Kurang Peranan</b>	<b>92</b>
ix.	<b>Diskriminasi (Saudara Baru)</b>	<b>93</b>
<b>2.6</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>94</b>

### **BAB III**

#### **KEDUDUKAN MURTAD DALAM FATWA DAN PERUNDANGAN**

<b>3.1 PENGENALAN</b>	<b>96</b>
<b>3.2 PENDAPAT ULAMA' BERHUBUNG HUKUM MURTAD</b>	<b>96</b>
<b>3.3 FATWA, PEWARTAAN SERTA HUKUM MURTAD</b>	<b>104</b>
<b>3.4 REALITI PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA</b>	<b>108</b>
<b>3.5 KAEDAH PENYELESAIAN YANG TELAH DILAKUKAN</b>	<b>116</b>
i      Undang-undang / Enakmen Negeri	116
ii     Kerajaan	133
iii    NGO	141
iv    Orang Awam	145
<b>3.6 KESIMPULAN</b>	<b>147</b>

**BAB IV**  
**ANALISIS**

<b>4.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>149</b>
<b>4.2</b>	<b>STATISTIK PERMOHONAN MURTAD BAGI TAHUN 2000 HINGGA 2006</b>	<b>149</b>
<b>4.3</b>	<b>PENILAIAN RINGKASAN TERHADAP DRAF AKTA MURTAD TERBARU</b>	<b>151</b>
<b>4.4</b>	<b>ANALISIS KAE DAH PENYELESAIAN YANG TELAH DIBUAT</b>	<b>153</b>
<b>4.5</b>	<b>PERMASALAHAN YANG PERLU PENJELASAN DARIPADA PIHAK BERTANGGUNGJAWAB SAMADA DARI ASPEK HUKUM SYARAK MAHU PUN UNDANG-UNDANG</b>	<b>167</b>
<b>4.6</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>168</b>

**BAB V**  
**PENUTUP**

<b>5.1 PENGENALAN</b>	<b>169</b>
<b>5.2 KESIMPULAN</b>	<b>170</b>
<b>5.3 CADANGAN / SARANAN</b>	<b>172</b>
<b>5.4 MODEL KADEAH PENYELESAIAN DALAM MENANGANI MASALAH MURTAD.</b>	<b>181</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>185</b>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu Islam atau turut dikenali dengan gejala murtad atau riddah semakin mencapai tahap kritikal dewasa kini. Walaupun umumnya mengetahui bahawa hukum murtad itu merupakan dosa besar dan menurut jumhur ulama ia bukan sahaja dibalas dengan hukuman yang pedih di akhirat, akan tetapi boleh dihukum sebagai jenayah menurut al-Quran dan as-Sunnah.<sup>1</sup> Ianya berpandukan kepada firman Allah S.W.T:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنِ الدِّينِ فَإِمْتُ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبْطَتْ  
أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا

خَلِدُونَ

*Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tada) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).*

(Surah al-Baqarah: 217)

---

<sup>1</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), m.s 523.

Hingga ke hari ini belum ada suatu usaha yang serius dijalankan bagi mengkaji dan mengenal pasti kaedah yang sesuai digunakan dalam menangani masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam. Jika dahulu masalah pertukaran agama lebih tertumpu di kalangan masyarakat beragama Buddha dan Hindu, namun kini ia semakin menular malah mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu-Islam.

Perbahasan kajian ini merangkumi latar belakang masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam serta kaedah penyelesaian yang telah, sedang dan akan dilakukan dalam menangani masalah ini. Kajian ini memberi tumpuan di negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kajian kes. Pemilihan tajuk ini berdasarkan masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam yang semakin menular di kalangan masyarakat Islam walaupun jelas mengetahui bahawa ianya merupakan satu dosa besar dalam agama Islam. Fenomena ini seolah-olah memperlihatkan hukum syariah tidak mempunyai autoriti dalam undang-undang di Malaysia sehingga ia boleh dikesampingkan oleh masyarakat Islam. Sekaligus menimbulkan tanda tanya dalam kalangan masyarakat Islam tentang kedudukan dan keberkesanan hukum syariah di Malaysia.

Sememangnya Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak agama. Sementara rakyat mengamalkan agama-agama yang berlainan seperti agama Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain kepercayaan, dan orang Melayu hanya menganut satu agama iaitu Islam. Adalah asing bagi pemikiran orang Melayu bahawa seorang berbangsa Melayu itu bukan beragama Islam.<sup>2</sup> Untuk menjadi seorang Melayu, maka ia mestilah beragama Islam seperti mana definisi ‘Melayu’ menurut undang-undang dan Perlembagaan.<sup>3</sup>

Sebelum kedatangan British, undang-undang Islam adalah undang-undang negara di Malaysia. Mazhab yang diikuti ialah Mazhab Syafie. Dalam kes Shaik

---

<sup>2</sup> Mohd Salleh Abas (1985), *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 10.

<sup>3</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s. 238.

Abdul Latif dll. lwn Shaik Elias Bux,<sup>4</sup> Braddel C.J.C. dalam penghakimannya berkata:

*“Sebelum triti-triti pertama, penduduk negeri-negeri ini hampir semuanya terdiri daripada orang Melayu (Islam) bersama pelombong dan pengusaha Cina. Satu-satunya undang-undang yang terpakai kepada orang-orang Melayu ialah undang-undang Islam yang diubahsuai oleh adat-adat tempatan.”*

Bertitik tolak dari evolusi sejarah masyarakat negara ini yang bermula dengan kerajaan Melayu, kemudiannya dijajah oleh kuasa-kuasa asing, selain aspek perkembangan pola kehidupan dan kependudukan masyarakat, maka tidak hairanlah jika masalah pertukaran agama berlaku di negeri-negeri di Malaysia. Sejarah telah menunjukkan proses Kristianisasi yang dilakukan oleh gerakan Missionari ini telah mula bertapak di Tanah Melayu semenjak penjajahan Portugis 1511M lagi. Ini kerana mereka berazam untuk menukar agama orang Melayu kepada agama Kristian.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun proses Kristianisasi Tanah Melayu ini kurang berjaya kerana pada masa tersebut masyarakat Melayu Islam masih kuat berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah dalam kehidupan.

Selain itu, sistem perundangan Islam juga diperuntukkan dan dilaksanakan di negeri-negeri Melayu sebelum datangnya penjajah British. Di Terengganu, perlumbagaan tahun 1911 menunjukkan adanya pengaruh undang-undang Islam.<sup>6</sup> Sebagai tambahan terdapat undang-undang mengenai penubuhan mahkamah dikeluarkan pada tahun 1885 yang membuat peruntukan bagi pentadbiran Islam di negeri itu.<sup>7</sup> Ini kerana terdapat Batu Bersurat dari abad XII M yang antara lain menyebut tentang perundangan Islam yang diamalkan pada masa tersebut. Di zaman Sultan Zainal Abidin III di Terengganu (1881-1918), hukum syarak yang telah

<sup>4</sup> (1915), I.F.M.S.L.R, 204. Lihat juga Ahmad Mohamed Ibrahim (1986), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 48.

<sup>5</sup> Mohd Salleh Abas (1985), *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlumbagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 11. Lihat juga Abdul Monir Yaacob (Jun 1992), *Reformasi Undang-Undang Islam di Malaysia*, Jurnal Kanun, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 12.

<sup>6</sup> *Laws of the Constitution of Terengganu* (1911), Malayan Constitutional Documents No.2. Lihat juga Ahmad Mohamed Ibrahim (1986), *op.cit*, m.s 48.

<sup>7</sup> Undang-undang Mahkamah, Terengganu 1885.

dilaksanakan dan hukum *hudud*, *qisas*, *diyah* dan *takzir* diperuntukkan. Mungkin di negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Kedah juga telah mengaplikasikan undang-undang ini.<sup>8</sup> Begitu juga dalam kes Ramah Iwn Laton<sup>9</sup>, Mahkamah Rayuan di Selangor telah memutuskan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang negeri dan mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang tersebut. Namun dengan kedatangan British dan diadakan Kanun Keseksaan yang mengikut undang-undang di India dan England, maka undang-undang Islam tidak lagi diikuti dan diamalkan di Tanah Melayu. R.J Wilkinson berkata:<sup>10</sup>

*“Tidak boleh diragukan lagi bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Tanah Melayu sekiranya undang-undang British tidak masuk dan menahannya.”*

Pada awalnya, kemerdekaan Malaya diharap dapat menghapuskan saki-baki gerakan missionari tersebut. Tetapi peristiwa Natrah pada tahun 1950 menggugat sentimen orang Melayu Islam. Sekali lagi maruah umat Islam tercabar. Namun masyarakat Islam pada masa tersebut sanggup merusuh dan bermandi darah bagi menyelamatkan akidah gadis tersebut. Bantahan awam yang telah dipimpin oleh almarhum Doktor Burhanudin Al-Helmi, Singapura dengan pantas ditangkap dengan perintah berkurung oleh rejim British. Bukan hanya orang awam yang membantah malah seorang anggota polis yang bernama Inspektor Taha Kalu telah menanggalkan uniform polisnya untuk bersama-sama umat Islam yang lain menyatakan sikap amarah terhadap usaha memurtadkan Natrah.<sup>11</sup>

Peristiwa yang menjadi catatan sejarah penting umat Islam itu amat melukakan hati umat Islam. Tetapi yang menyediakan apabila kerajaan Malaya ketika itu tidak menjadikannya iktibar untuk memelihara kesucian akidah umat Islam Malaya. Hari ini kesan tersebut telah mula dirasai. Generasi era kemerdekaan tidak dibekalkan pendinding iman yang kukuh, akidah Islam berpaksikan materialistik, budaya Barat menular ke dalam tumpuk pemerintahan. Kesannya, akidah umat Islam

<sup>8</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *op.cit*, m.s 38.

<sup>9</sup> (1927), 6 F.M.S.L.R. 128; 2 J. 213. Lihat juga Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *ibid*, m.s 3.

<sup>10</sup> Wilkinson, R.J.(1908), ‘Papers on Malay Subjects’ Law Part 1, Kuala Lumpur.

<sup>11</sup> Riduan Mohamad Nor (2006), *Murtad Implikasi Hukum dan Fenomena*, Selangor: MHI Publication, m.s 5.

mula goyah.

## **1.2 Latar Belakang**

Kes-kes pertukaran agama sebelum ini dianggap sebagai isu yang sensitif oleh banyak pihak dan ianya tidak dibincangkan secara terbuka bahkan statistiknya juga semakin membimbangkan. Kes Lina Joy, Noraishah Bukhari, Hartina Kamarudin misalnya, telah membuka mata masyarakat Islam bahkan menimbulkan satu polemik hingga ia dibahaskan serta mendapat reaksi spontan bukan sahaja oleh golongan masyarakat Islam bahkan para ulama dan kerajaan Malaysia.

Dari tahun 1999-2003 terdapat 750 permohonan pertukaran nama bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara. Hanya 220 permohonan diluluskan setelah permohonan mengemukakan dokumen rasmi sama ada dari Jabatan Agama Islam Negeri atau mahkamah Syariah negeri bahawa mereka bukan lagi beragama Islam. Dari jumlah tersebut, majoriti mereka yang terlibat ialah golongan mualaf (saudara baru).<sup>12</sup>

Memandangkan majoriti pengikut Islam di Malaysia berbangsa Melayu, maka kajian ini memperincikan istilah Melayu itu sendiri dalam Perlembagaan Malaysia. Bangsa Melayu khususnya di Malaysia, adalah satu-satunya bangsa di dunia yang mengguna pakai definisi yang jelas di dalam perlembagaan untuk mentakrifkan definisi perkataan Melayu serta skop yang merangkuminya. Istilah Melayu di Malaysia dijelaskan sebagai seorang yang menganut agama Islam. Islam dan Melayu pada dasarnya mengikut definisi perlembagaan sama sekali tidak boleh dipisahkan. Perkara ini diletakkan dengan jelas di dalam perlembagaan dan menjadi suatu undang-undang di Malaysia untuk Melayu iaitu seseorang yang menganuti

---

<sup>12</sup> Mohd Azam Mohamed Adil, *Bahaya Mainkan Isu Murtad di Malaysia*, Utusan Malaysia, 9 November 2006.

agama Islam,<sup>13</sup> dan Melayu serta bangsa lain yang menganut agama Islam adalah tertakluk di bawah syariat Islam dan perundangan Mahkamah Syariah di Malaysia.<sup>14</sup>

Di Malaysia, murtad semakin hangat diperkatakan apabila Mufti Kerajaan Negeri Perak, Dato' Seri Haji Dr. Harussani Haji Zakaria memberitahu terdapat hampir 250,000 umat Islam yang murtad di negara ini. Bilangan tersebut termasuklah kira-kira 100,000 orang Islam Melayu yang telah mengisyiharkan diri mereka masuk Kristian. Katanya lagi, 100,000 orang lagi sedang membuat permohonan menunggu untuk murtad. Selebihnya tegas beliau, termasuk mereka yang memohon untuk menukar nama Islam di dalam kad pengenalan kepada nama fahaman lain. Selain itu, kata beliau:

*“Ini tidak termasuk lagi individu-individu yang langsung tidak bersolat, tidak berpuasa dan menentang semua hukum Islam.”<sup>15</sup>*

Beliau yang membuat kenyataan tersebut kepada pemberita selepas menghadiri seminar ‘Dasar Aparteid Terhadap Wanita Islam di Malaysia: Satu Penilaian’ di Kuala Lumpur pada 8 Julai 2006 berkata, siasatan lengkap termasuk mengenai berapa ramai umat Islam yang dibaptiskan perlu dilakukan segera bagi mengelak kebimbangan umat Islam.<sup>16</sup>

Seterusnya pada 10 Julai 2006, Harussani mengkritik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana enggan menyiasat kes-kes murtad yang didedahkan oleh beliau. Beliau berkata, JAKIM sepatutnya bersikap proaktif dengan menjalankan kajian dan siasatan berhubung masalah murtad di negara ini kerana itu satu perkara yang serius bagi umat Islam. Katanya jabatan itu sepatutnya telah

---

<sup>13</sup> Perlembagaan Persekutuan (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 238.

<sup>14</sup> harakahdaily 17 Julai 2006.

<sup>15</sup> www.harakahdaily.net, *Mufti Perak Dakwa 250,000 murtad di negara ini?* 14 Februari 2006.

<sup>16</sup> Berita Harian, Sabtu 25 November 2006.

bertindak menjalankan kajian mengenai isu itu tanpa perlu menunggu laporan daripada mana-mana pihak. Katanya:

*“Mereka tidak serius dengan isu ini... satu kes murtad pun sudah cukup serius. Apa nak tunggu sampai 100,000 orang”*

*“Ini seolah-olah anggap perkara ini bukan masalah serius di kalangan umat Islam,” katanya kepada pemberita.<sup>17</sup>*

Selain itu, bukan hanya orang awam sahaja yang terlibat dengan pengaruh murtad ini, malah dikatakan individu yang mempunyai nama serta berpengaruh di Malaysia juga dikatakan turut terjebak dengan gejala murtad ini. Misalnya satu kenyataan yang dikeluarkan di laman web Gereja Anglican Sydney, Australia yang ditulis oleh Katrin Arnholz yang melaporkan :

*“One man who has publicly converted is the well-known yachtsman, Azhar Mansor...”<sup>18</sup>*

Lebih mengeruhkan keadaan apabila pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang dikaitkan dengan sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) itu ketika ditemui pemberita di Langkawi, Kedah enggan mengulas dakwaan beliau telah murtad dan menganut agama Kristian. Azhar enggan menjawab soalan media sama ada masih berpegang kepada ajaran Islam. Azhar hanya mengatakan beliau “enggan mengeruhkan keadaan dan mahu pihak berkuasa menyiapkan siasatan mereka terlebih dahulu.”<sup>19</sup>

Akhirnya, beliau telah membuat kenyataan bahawa beliau masih lagi menganut agama Islam pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),

---

<sup>17</sup> *Mufti Perak Kata JAKIM Tidak Serius dalam Isu Murtad*, Utusan Malaysia, 10 Julai 2006.

<sup>18</sup> [your.sydneyanglicans.net/southerncross/articles/muslim\\_women\\_who\\_share\\_a\\_secret\\_love/](http://your.sydneyanglicans.net/southerncross/articles/muslim_women_who_share_a_secret_love/)

<sup>19</sup> Norliza Abd. Rahman, *SMS: Sultan perak Panggil MB, Musa Menghadap*, Utusan Malaysia, 9 November 2006.

tempat di mana Perhimpunan Agung UMNO berlangsung pada tahun tersebut.<sup>20</sup> Namun, persoalan yang timbul ialah, mengapa wujud rasa enggan mengakui keislaman diri sedangkan perkara tersebut melibatkan faktor agama dan maruah diri.

Isu ini kemudiannya surut apabila beberapa parti politik menggesa kerajaan mewujudkan satu enakmen bagi menangani gejala pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. Namun, sehingga hari ini, enakmen yang diharapkan masih dalam draf perbincangan bahkan ia telah mengambil masa yang agak lama untuk dipersetujui seterusnya diimplementasikan di negara ini. Sementara menunggu satu undang-undang diluluskan bagi mengawal pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam ini, semakin banyak desas-desus mendakwa keterlibatan remaja Melayu-Islam yang cenderung untuk menukar agama serta terlibat dalam kumpulan yang boleh merosakkan akidah mereka seperti JIT (Jangan Ikut Tuhan) dan *Black Metal*.<sup>21</sup> Mutakhir, cadangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama turut mendapat perhatian kerajaan kerana ia nyata menggugat kepentingan umat Islam di Malaysia.<sup>22</sup>

Kajian yang dijalankan tahun 1994 hingga Mei 1997, mendapati sebanyak 60 hingga 210 permohonan bagi pertukaran nama telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran negara (JPN). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 519 permohonan bertukar nama atas alasan ingin keluar dari Islam ataupun murtad. Walau bagaimanapun 48% sahaja yang diluluskan oleh JPN manakala 52% lagi telah ditolak atau ditarik balik oleh pemohon.<sup>23</sup>

Ekoran daripada ini, pihak berkuasa perlu lebih prihatin dan seharusnya mendedahkan statistik permohonan pertukaran agama oleh masyarakat Melayu-Islam ini kerana gejala ini boleh merosakkan institusi keluarga Islam bahkan ia lebih buruk daripada gejala sosial dan dadah. Disebabkan oleh banyak pandangan, pendekatan

<sup>20</sup> *Saya Tetap Islam: Azhar Mansor*, Berita Harian, 18 November 2006.

<sup>21</sup> Wan Mohd. Hafiz Wan Hamzah, Mastika (Disember 2006), *Anak VIP Bertaubat Selepas Murtadkan 500 Orang Melayu*, m.s. 106.

<sup>22</sup> Abu Bakar Ismail, Milenia Muslim (Januari 2006), *Tolak Suruhanjaya Agama*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) m.s 6.

<sup>23</sup> Azahar bin Yaakub@Ariffin (2000) *Murtad di Kalangan Saudara Baru Keturunan India: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, m.s 78.

dan cadangan yang telah dibuat sebelum ini yang masih belum menampakkan hasilnya maka dirasakan perlu dibuat satu kajian yang terperinci bagi mengupas kemelut ini dengan tepat. Justeru, kajian ini sedaya upaya membantu pihak kerajaan mengenal pasti jalan penyelesaian yang terbaik mengatasi permasalahan pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sesungguhnya gejala murtad ini perlu dilihat sebagai satu bentuk ancaman yang sangat membahayakan akidah masyarakat dan membawa kepada kehancuran umat Islam. Firman Allah SWT:-

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ



*Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

(Surah Al-Imran: 85)

### **1.3 Pengertian Tajuk**

Istilah yang digunakan dalam penulisan ini berhubung dengan istilah-istilah spesifik berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Ini bertujuan untuk mengelak dari memahami kajian dengan perspektif yang berbeza seperti mana yang dikehendaki dalam sesuatu kajian. Ia juga bagi membantu pembaca memahami dengan lebih jelas setiap isu yang dibincangkan. Dalam kajian ini beberapa definisi digunakan dan berikut merupakan definisi kepada tajuk kajian “*Kaedah Penyelesaian dalam Menangani Pertukaran Agama di Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*”.

### **1.3.1 Kaedah**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat,<sup>24</sup> kaedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa). Dalam kajian ini, kaedah difokuskan kepada cara atau peraturan yang digunakan untuk menangani masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### **1.3.2 Penyelesaian**

Penyelesaian bermaksud perbuatan menyelesaikan (membereskan dan lain-lain) sesuatu.<sup>25</sup>

### **1.3.3 Menangani**

Menurut Kamus Za'ba, menangani bermaksud mengerjakan dengan sendiri, mengusahakan, menyelesaikan sesuatu perkara secara sendiri.<sup>26</sup> Kajian ini akan mengemukakan beberapa kaedah yang dirasakan sesuai bagi menyelesaikan permasalahan murtad di kalangan masyarakat.

### **1.3.4 Masyarakat**

Bermaksud kumpulan orang yang hidup dan bergaul bersama di suatu tempat (kampung, bandar, pinggir bandar, dan lain-lain) atau mengikut golongan bangsa (Melayu, Cina, India dan lain-lain) atau agama (Islam, Kristian dan lain-lain).<sup>27</sup>

---

<sup>24</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Kuala Lumpur terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 653.

<sup>25</sup> *Ibid*, m.s 1425.

<sup>26</sup> Kamus Za'ba (2000), Kuala Lumpur terbitan Pustaka Antara Books Sdn. Bhd, m.s 1108.

<sup>27</sup> *Ibid*, m.s 742.

### 1.3.5 Melayu

Iaitu bangsa yang mendiami di daerah nusantara di Asia Tenggara.<sup>28</sup> Menurut Kamus Dewan pula, ia bermaksud nama suatu bangsa dan bahasa (terutamanya di Semenanjung Malaysia).<sup>29</sup> Menurut Perlembagaan Persekutuan pula, Melayu<sup>30</sup> ertiannya yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan –

- a) Lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau
- b) Ia adalah keturunan seseorang yang disebut.

### 1.3.6 Islam

Pengertian Islam dari sudut bahasa ialah patuh. Sementara dari segi istilah membawa maksud ketundukan, kepatuhan dan penyerahan dengan penuh kesedaran.<sup>31</sup> Menurut Abdul Karim Zaidan dalam kitabnya *Islam dan Da'wah*,<sup>32</sup> Islam bermaksud *istislam* (menyerah diri), *khudu'* (tunduk dan patuh), *al-Inqiyad lillah* (taat kepada Allah) dan ianya berlaku dengan penuh kesedaran dan kerelaan, bukan terpaksa.

---

<sup>28</sup> *Ibid*, m.s 749.

<sup>29</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *op.cit*, m.s 1014.

<sup>30</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), International Law Book Services, Petaling Jaya, m.s 238.

<sup>31</sup> Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram ibn Manzur al-Afriqi al-Misri (1968), *Lisan al-Arab*, jilid 12, Beirut: Dar Sadir Wa Dar Beirut m.s 293.

<sup>32</sup> Abdul Karim Zaidan (2002), *Islam dan Dakwah*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd m.s 9.

### 1.3.7 Pertukaran Agama

Pertukaran agama atau turut dikenali dengan murtad menurut bahasa arab berasal daripada perkataan *riddah*. Dari segi bahasa, riddah bermakna kembali daripada sesuatu kepada selainnya.<sup>33</sup>

Dari segi istilah syara'nya pula, murtad ditakrifkan dengan pelbagai takrifan. Antaranya ialah:

- (i) menurut imam al-Husni: "keluar daripada Islam dan kembali kepada kufur serta membebaskan diri daripada Islam".<sup>34</sup>
- (ii) Menurut al-Shaykh Abd al-Qadir Awdah: "meninggalkan agama Islam dan keluar daripadanya setelah menganutnya".<sup>35</sup>
- (iii) Menurut Dr.Wahbah al-Zuhaily: "Berpaling daripada Islam dan kembali kepada kufur, sama ada dengan niat atau perbuatan yang mengkafirkan atau perkataan, dan sama ada diucapkan dengan gurauan atau penentangan atau i'tiqad".<sup>36</sup>
- (iv) Menurut Sayyid Sabiq: "Kembalinya orang Islam yang berakal dan dewasa ke kekafiran dengan kehendaknya sendiri tanpa ada paksaan dari orang lain. Baik yang kembali itu orang lelaki maupun orang perempuan".<sup>37</sup>
- (v) Menurut Dr. Abd al-Karim Zaydan: "Keluar daripada Islam".<sup>38</sup>

### 1.4 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai satu kerangka rujukan bagi

---

<sup>33</sup> Al-Razi (t.t.), *Mukhtar al sihah*, Beirut: Maktabah Lubnan, m.s 210; Lihat juga Jabran Mas'ud (1986), *al-Ra'id*, Beirut: Dar al-Ilm al-Malayin, jilid 1, m.s 725-726; Lihat juga al-Fayruz Abadi (t.t.), *al-Qamus al Muhit*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, jilid 1, m.s. 570.

<sup>34</sup> Al-Husni (1995/1416h), *kifayat al-akhyar fi hil ghayat al-ikhtisar*, Beirut: Dar al khayr, jilid 2, m.s 493.

<sup>35</sup> Awdah (1994/1415h), *al-Tashrik al-Jina'i al Islami Muqarinan bi al Qanun al wad'i*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, jilid 1, m.s 661.

<sup>36</sup> Al-Zuhaily (1989/ 1409h), *al Fiqh al islami wa adillatuhu*, Dimashq: Dar al-Fikr, jilid 6, m.s. 183.

<sup>37</sup> Sabiq (1990), *Fikih Sunnah*, Victory Agencie, Kuala Lumpur, jil. 9, m.s. 159.

<sup>38</sup> Zaydan, *al Mufassal fi ahkam al Mar'ah*, jil. 5, m.s. 300.

memastikan perlaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Justeru, penyelidik telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu:-

- 1.4.1 Mengenal pasti punca berlakunya gejala murtad di kalangan masyarakat Melayu-Islam di negara ini.
- 1.4.2 Mengenalpasti kaedah penyelesaian yang telah dijalankan dalam menangani masalah pertukaran agama di kalangan umat Melayu-Islam.
- 1.4.3 Mencadangkan model kaedah penyelesaian dalam menangani masalah pertukaran agama di kalangan umat Melayu-Islam.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Pengkaji sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin disampaikan. Antaranya ialah ianya bertujuan untuk memberi input yang besar kepada universiti dan kerajaan dalam memperolehi data yang tepat dan padat serta mengemukakan model ke arah penyelesaian untuk mengatasi masalah pertukaran agama ini. Ini kerana, sehingga permohonan ini dibuat, kerajaan mahupun pihak berkuasa masih belum memperolehi satu model untuk diguna pakai bagi menangani permasalahan pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Dengan perolehan data dan fakta yang dikumpulkan, membolehkan kerajaan menilai dan menyusun satu pendekatan baru, mengemaskini kelemahan yang sedia ada, menyediakan kepakaran serta memperlengkapannya sebagai satu bentuk persediaan untuk menghadapi situasi semasa dan akan datang. Secara tidak langsung akan membuka ruang perbincangan bagi sumbang saran, memperkasa ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan ulama, tokoh akademik, parti politik, NGO Islam dan masyarakat Islam. Bahkan yang lebih penting, penyelidikan ini mampu memberikan jalan penyelesaian untuk mengatasi kegawatan akidah umat Islam ini. Sekaligus memperkasa pendekatan Islam Hadhari yang disarankan oleh Perdana Menteri.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada kaedah penyelesaian yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan, NGO maupun orang awam dalam menangani masalah pertukaran agama di kalangan Masyarakat Melayu-Islam. Kajian ini juga turut mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah pertukaran agama walaupun telah termaktub dalam perlembagaan Islam bahawa barang sesiapa yang murtad akan dihukum bunuh. Tumpuan hanya diberikan kepada negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kajian kes. Walaupun konsep murtad itu meliputi kepercayaan umat Islam kepada ideologi ciptaan manusia, ajaran sesat serta segala yang bertentangan dengan kalimah syahadah serta rukun Iman akan tetapi kajian ini hanya menfokuskan kepada golongan yang murtad melalui permohonan yang sah di Mahkamah Syariah maupun Jabatan Pendaftaran Negara sahaja.

## 1.7 Kajian Terdahulu

Sehingga ke hari ini, terdapat beberapa kajian telah dijalankan berhubung permasalah murtad ini. Antaranya ialah buku karya Ahmad Mohamed Ibrahim yang bertajuk *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (1997) yang antaranya memperincikan tentang Konsep Perundangan Islam dan Penghayatannya di Malaysia, ke arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia, Murtad dan Kesannya dari segi undang-undang dan sebagainya.

Seterusnya karya Abdul Aziz Bari iaitu *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia* (2005) yang memperincikan tentang Islam menurut Perlembagaan Persekutuan dan beberapa senarai kes yang berkaitan. Selain itu, buku karya Farid Sufian Shuaib bertajuk *Murtad Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia* (2005) yang membahaskan tentang murtad menurut Perundangan Islam dan Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya buku tulisan Muhammad Isa Selamat yang bertajuk *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya* (1998) yang menjelaskan

tentang pengertian murtad, konsep serta kejadian murtad yang pernah berlaku di zaman nabi dan para sahabat serta langkah penyelesaian yang diambil oleh mereka dalam menangani permasalahan ini.

Selain itu, kajian yang dibuat oleh Mohd Azam Mohd Adil berkenaan *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Perbahasan* (2005). Ia menghuraikan tentang konsep kebebasan beragama menurut Islam dan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta realiti yang berlaku di Malaysia. Seterusnya, kajian bertajuk *Murtad Barah Ummah* (2007) terbitan Badan Bertindak Anti-Murtad, Pusat Penyelidikan Pas Pusat, Kuala Lumpur yang menerangkan fenomena murtad yang berlaku di Malaysia dan bahayanya jika tidak dicegah dari peringkat awal.

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Nor Azilah Abdul Ghani bertajuk *Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan* (1999) yang menghuraikan kejadian murtad yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur serta langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil oleh semua pihak meliputi kerajaan, agensi swasta serta orang awam dalam menangani permasalahan ini.

Walaupun wujud usaha-usaha membuat kajian berkaitan isu murtad di kalangan masyarakat Islam di Malaysia, tetapi kajian ini lebih memfokuskan kepada kaedah penyelesaian yang dirasakan sesuai bagi membendung gejalaini dari terus merebak di kalangan masyarakat Melayu Islam.

## **1.8 Metodologi Penyelidikan**

Umumnya kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Dalam bahagian ini penyelidik menghuraikan secara terperinci metode-metode yang digunakan dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Metodologi bererti Sains (ilmu pengetahuan) bagi mencari jawapan.<sup>39</sup> Ia berasal dari perkataan Yunani yang terdiri dari dua perkataan iaitu *metodos* bererti cara atau jalan<sup>40</sup> dan *logos* membawa maksud kajian tentang sesuatu atau ringkasnya Sains.<sup>41</sup> Oleh yang demikian, metodologi bererti ilmu tentang cara atau prosedur yang tertentu bagi memahami sesuatu penelitian dan penyelidikan<sup>42</sup> agar hasil yang diperolehi menepati kehendak ilmiah serta boleh dipertanggungjawabkan.

Kualiti sesuatu penelitian dan penyelidikan itu bergantung kepada ketepatan penggunaan metode-metode yang sesuai dengan objek dan tujuan. Peranannya amat penting dalam proses pembangunan manusia dan sumber. Ia menjadi input utama kepada sebarang cadangan perubahan yang berkesan. Pengetahuan dan penemuan-penemuan yang terkumpul boleh memungkinkan beberapa hukuman tentang pelbagai fenomena.<sup>43</sup>

Dalam ertikata yang lain, metodologi merupakan jalan yang terpenting bagi memahami objek yang menjadi sasaran penyelidikan. Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan perlu menggunakan teknik yang teliti dan bersistematik bagi menghasilkan kajian yang bermutu dan bernilai. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua lapangan penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan (*field research*) bagi membantu penyelidik untuk memahami permasalahan yang dikaji dengan lebih mudah.

Bagi kajian ini, penyelidik telah menggunakan tiga metode utama iaitu Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

---

<sup>39</sup>Ahmad Mahdzan Ayub (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 9.

<sup>40</sup>Koentjaraningrat (ed.), (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia, m.s 7.

<sup>41</sup>Rusli Abdul Ghani (November 1989), "Peristilahan Legasi Hippocrates Ars Longga, Vita Brevis", Pelita Bahasa, bil. 9, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 25.

<sup>42</sup>Peter, A. Angeles (1981), *A Dictionary Of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers, m.s 171.

<sup>43</sup>Kamaruddin Ngah et.al (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s 1.

### **1.8.1 Metode Penentuan Subjek**

Penyelidik telah menggunakan metode *sampling* dalam menentukan subjek penelitian. Perkara ini dilakukan melihat kepada besarnya populasi yang menjadi subjek penelitian ini. Ini bermaksud, seseorang penyelidik cuba memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya dan individu yang dipilih pula hendaklah mewakili keseluruhan penduduk yang lebih besar bilangannya.<sup>44</sup>

Data yang dikumpulkan pula secara relatifnya mestilah dapat memberi gambaran tentang situasi atau *universe* yang dikaji. Melihat kepada perkembangan yang berlaku di akhir-akhir ini; dengan berleluasanya masalah akidah sehingga membawa kepada penularan masalah murtad, maka penyelidik merasakan perlu dibuat satu kajian tentang kaedah penyelesaian dalam menangani permasalahan murtad ini.

### **1.8.2 Metode Pengumpulan Data**

Dalam usaha mengumpulkan data bagi penyusunan kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan data yang diperlukan. Data itu diperolehi daripada beberapa sumber. Sumber-sumber data pula pada umumnya merupakan sumber pertama di samping menggunakan data dari sumber kedua. Dengan demikian diharapkan kajian ini mempunyai nilai yang boleh dipertanggungjawabkan dari sudut objektif.

Penyelidik berusaha mencari dan mengumpulkan data seterusnya membuat penafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Untuk mendapatkan data-data yang relevan dengan tajuk kajian, beberapa metode lain digunakan seperti Metode Sejarah (*Historis*), Metode Dokumentasi, Metode Wawancara (*Interview*) dan Metode Pemerhatian (*Observation*).

---

<sup>44</sup>Wan Hashim et.al (1980), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 2.

### i. Metode Sejarah

Kajian yang menggunakan metode ini merupakan cara membuat penyelidikan terhadap perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah.<sup>45</sup> *Historik* atau sejarah bermaksud para pengkaji sejarah merujuk semula kepada perkara-perkara yang telah lalu untuk meneliti peristiwa-peristiwa atau menyelidiki tentang evolusi-evolusi pemikiran dari institusi-institusi di mana mereka melihat sesebuah penelitian mengenai satu hakikat yang telah berlaku sebagai satu kajian yang serius.<sup>46</sup> Manakala yang dimaksudkan dengan Metode Sejarah ialah sesuatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.<sup>47</sup>

Dalam hal ini, penyelidik mengkaji sejarah beragama di kalangan manusia. Di sini penyelidik perlu berhati-hati dalam menganalisis sejarah agar ianya benar-benar sahih dan dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti penyelidik mampu mengumpulkan keseluruhan fakta sejarah yang berkaitan disebabkan keterbatasan masa serta situasi yang tidak mengizinkan.

Penggunaan metode ini bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Dalam ertikata yang lain, cara penyelidikan yang menggunakan pemecahan ilmiah dari perspektif sejarah tentang masalah yang dibahaskan dalam kajian ini. Penyelidik menggunakan metode sejarah ini dalam rangka mendapatkan data-data berkaitan kajian landasan teori dalam bab II.

Untuk mendapatkan data-data yang bersifat sejarah ini, penyelidik menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung dengan permasalahan tersebut; buku-buku sejarah, majalah-majalah, keratan-keratan akhbar, kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar dan simposium serta risalah-risalah. Di samping itu, penyelidik juga melakukan temubual dengan mufti serta orang perseorangan yang mempunyai kaitan dengan isu murtad ini.

---

<sup>45</sup>Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Dan Tesis*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, m.s 77.

<sup>46</sup>Adam Kuper dan Jassica Kuper (1985), *The Social Science Encyclopaedia*, London: Routledge and Kegan Paul, m.s 358.

<sup>47</sup>Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, m.s 52.

## ii. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen<sup>48</sup> yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti.<sup>49</sup> Antara yang termasuk dalam kategori dokumen ialah gambar, potret, keputusan, pengadilan, kumpulan hukum dan peraturan,<sup>50</sup> otobiografi, surat-surat peribadi, buku catatan harian mahupun akhbar.<sup>51</sup>

Kajian yang dilakukan berpandukan dokumen-dokumen yang relevan. Penyelidik melakukan penelitian dan pengolahan serta perbandingan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu kesimpulan. Penggunaan metode dokumentasi bertujuan mengkaji latar belakang masalah dalam bab I, pengumpulan data tentang realiti murtad di Malaysia serta kaedah penyelesaian yang telah dijalankan oleh semua pihak seperti kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), masyarakat dan sebagainya diterangkan dalam bab II dan III.

Dokumen-dokumen yang digunakan oleh penyelidik kebanyakannya diperolehi dari sumber pertama manakala sebahagian yang lain merupakan sumber kedua. Dokumen-dokumen ini diperolehi berdasarkan kepada kemampuan penyelidik. Antara dokumen yang digunakan ialah al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. serta terjemahannya. (Ia digolongkan dalam bentuk dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya).

Selain itu, bahan bercetak terbitan Jabatan Perdana Menteri mahupun Majlis Agama Islam Negeri-negeri serta buku-buku, keratan akhbar, majalah-majalah, gambar-gambar, kertas kerja, bahan dari internet dan lain-lain bahan bertulis yang bersangkutan serta relevan.

Selain itu, kebanyakan dokumen untuk kajian ini diperolehi dari Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala

<sup>48</sup>Dokumen ialah benda bertulis yang dapat memberikan berbagai-bagai keterangan.

<sup>49</sup>Abdul Halim bin Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huriahan Metodologi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, m.s 115.

<sup>50</sup>Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, m.s 55.

<sup>51</sup>Koentjaraningrat (1986), *op. cit.*, m.s 65.

Lumpur, Perpustakaan Sultanah Zanariah Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dilihat dari suatu sudut, metode dokumentasi mempunyai persamaan yang hampir sama dengan metode sejarah iaitu kebanyakannya dalam bentuk dokumen. Namun demikian, metode dokumentasi tidak mempunyai nilai-nilai persejarahan sebagaimana metode sejarah. Metode ini juga lebih berbentuk teori atau fakta semata. Oleh itu, bagi melengkapkan kajian ini, penyelidik menggunakan metode wawancara.

### **iii. Metode Wawancara**

Metode wawancara atau temubual mempunyai peranan yang tersendiri di dalam sesuatu penulisan ilmiah. Ia berhubung rapat dan merupakan metode pembantu utama kepada metode observasi.<sup>52</sup> Metode wawancara merupakan satu kaedah bagi mengumpulkan data dengan menemubual tokoh-tokoh atau orang perseorangan. Ia bertujuan bagi mendapatkan keterangan secara lisan dari seorang responden dengan bercakap-cakap atau berhadap-hadap muka dengan orang tersebut.<sup>53</sup>

Metode wawancara boleh dijalankan sama ada melalui penggunaan soalan-soalan yang tersusun (*structured question*) atau soalan-soalan yang tidak tersusun (*unstructured question*). Penyelidik menggunakan metode wawancara di dalam kajian ini bagi memperolehi data-data yang memerlukan penjelasan lanjut tentang kajian ilmiah ini. Untuk kajian ini, penyelidik hanya melakukan wawancara secara tersusun serta berpusat kepada topik yang menjadi kajian penyelidikan ini.

---

<sup>52</sup>Koentjaraningrat (1986), *op. cit.*, m.s 16.  
<sup>53</sup>*Ibid.*

Penyelidik telah melakukan wawancara terhadap orang-orang yang terlibat secara langsung dalam realiti murtad ini seperti Mufti Negeri Sembilan, Sahibus Samahah Dato'Haji Mohd Murtadza B. Hj. Ahmad, Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Putrajaya iaitu Dr. Haji Hassan, Timbalan Pengarah Jabatan Akidah di JAKIM iaitu Ustaz Abdul Aziz Jusoh, pegawai Jabatan Agama Islam negeri dan para cendekiawan Islam serta wartawan-wartawan yang pernah membuat liputan tentang masalah ini. Mereka merupakan para informen dalam wawancara ini. Penyelidik juga memohon kebenaran kepada para responden yang terlibat untuk merakamkan sesi wawancara ini dengan menggunakan pita rakaman.

Metode wawancara ini penting bagi melengkapkan lagi kajian ini. Penggunaannya amat diperlukan terutamanya di dalam bab II, III. dan IV. Sebelum melakukan wawancara, penyelidik telah mengambil langkah yang penting untuk melancarkan perjalanan wawancara. Langkah tersebut ialah:

#### a. **Penyusunan *Interview Guide***

Penyelidik telah menyusun beberapa *interview guide* bagi membantu penyelidik ketika mewawancara. *Interview guide* ini disusun dan dihimpun bagi menemubual beberapa kumpulan berdasarkan kepada kumpulan-kumpulan informen yang diwawancara. Antaranya dengan tokoh-tokoh agama, cendekiawan Islam, kakitangan kerajaan yang terlibat dalam membuat dan menguatkuaskan undang-undang, tokoh-tokoh akademik serta para penyelidik yang terlibat dalam membendung permasalahan murtad ini. Temubual dilakukan secara berstruktur di mana penyelidik telah merangka beberapa set soalan untuk dikemukakan kepada responden. Manakala para informen dan responden yang diwawancara adalah terdiri daripada mufti serta cendiakawan yang mempunyai data berkenaan realiti murtad di Malaysia.

Bagi memelihara kelancaran wawancara serta untuk menghindari dari

tertinggal data-data yang penting ketika wawancara, penyelidik telah menggunakan alat perakam suara (*mp3*). Wawancara yang dijalankan secara formal dan tidak formal bagi mendapatkan keterangan dan bukti yang tepat. Ini disebabkan kekurangan bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan murtad di Malaysia.

Penyelidik melakukan wawancara ini secara tidak berstruktur (*unstructured interview*). Walau bagaimanapun, wawancara ini adalah temubual berfokus (*focused interview*) iaitu persoalan penyelidik sentiasa berpusat kepada topik yang menjadi subjek penelitian.

Data-data yang terkumpul hasil daripada wawancara ini telah disusun dan ia membantu penulisan kajian ini dengan lebih efektif.

### **1.8.3 Metode Analisis Data**

Setelah semua data yang diperlukan terkumpul, penyelidik telah mengadakan pengolahan data serta menganalisisnya. Dalam menganalisis data, penyelidik menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif.

#### **i. Metode Induktif**

Perkataan Induktif diambil dari perkataan latin “*in*” dan “*ducere*” yang diterjemahkan sebagai pimpin. Metode Induktif ialah suatu kaedah penganalisaan data melalui proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada suatu kenyataan yang bersifat umum.<sup>54</sup>

Di sini penyelidik memaparkan data yang bersifat khusus dan kemudiannya

---

<sup>54</sup>Peter A. Angeles (1981), *op. cit.*, h. 132. Lihat juga Henry L. Manheim dan Bredley A. Simon (1977), *Sociological Research: Philosophy And Methods*, t.c., Illinois: The Dorsey Press, m.s 61.

membuat kesimpulan bersifat umum. Penggunaan metode induktif dapat dilihat dalam: bahagian latar belakang masalah dalam bab pendahuluan, membuat laporan penelitian seterusnya penentuan individu tertentu yang pernah terlibat dengan gejala murtad ini terutamanya mereka yang pernah berusaha untuk murtad bagi menentukan sampel penelitian dalam bab II dan III, kesimpulan dan saranan dalam bab penutup.

## **ii. Metode Deduktif**

Deduktif berasal dari perkataan latin “*de*” yang membawa maksud dari dan “*ducere*” bererti pimpin.<sup>55</sup> Oleh itu metod deduktif ialah cara menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada ‘pola berfikir’ yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>56</sup> Penggunaan metode ini boleh dilihat dalam membuat analisis kaedah penyelesaian, bab IV.

## **1.9 Kesimpulan**

Bab ini secara keseluruhannya merupakan bab yang memperincikan tajuk kajian dan menggariskan beberapa objektif dan kepentingan kajian ini. Turut dikemukakan sub topik yang akan diperbahaskan secara mendalam di bab-bab seterusnya. Penyelidik juga menghuraikan dengan mendalam metode-metode yang digunakan dalam kajian ini agar ia benar-benar dapat dipertanggungjawabkan sebagai satu kajian ilmiah.

---

<sup>55</sup>William L. Reese (1980), *Dictionary Of Philosophy And Religion Eastern And Western Thought*, t.c., New Jersey: Humanities Press Inc., m.s 120.

<sup>56</sup>Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *op. cit.*, m.s 134.

## BAB II

### LANDASAN TEORI

#### 2.1 Pengenalan

Sejarah ketamadunan manusia sejak Nabi Adam a.s. hingga ke hari ini telah menyaksikan kepincangan dalam kehidupan manusia disebabkan kekeliruan umat di antara kekuatan dan kebenaran agama Islam. Sejarah juga telah membuktikan bahawa kekeliruan yang berlaku dalam beriktiad kepada akidah Islam mampu menyelewengkan manusia daripada ajaran Islam yang sebenar, menimbulkan huru-hara dan mengancam keselamatan negara hingga membawa kepada pertumpahan darah.

Salah faham terhadap agama Islam bukan suatu fenomena baru di Malaysia. Antaranya isu murtad atau gejala riddah yang kini kian berleluasa serta merupakan suatu permasalahan global. Murtad merupakan dosa terbesar yang dilakukan oleh seorang muslim. Dosa yang dilakukannya itu telah menghilangkan identitinya sebagai seorang Islam dan bertukar menjadi seorang yang kafir. Dosa yang dilakukannya itu adalah dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ  
يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَ إِثْمًا عَظِيمًا

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari itu (syirik), bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang sangat besar”*

(Surah al-Nisa': 48)

Masalah murtad sentiasa berlaku sepanjang sejarah beragama. Murtad pernah terjadi di zaman Rasulullah s.a.w., dan juga di zaman-zaman yang lain. Bahkan Abu Bakar r.a juga masyhur dengan kesungguhannya memerangi kaum yang riddah dengan usahanya membentuk 11 pasukan untuk memerangi nabi-nabi palsu dan orang-orang murtad yang semakin berleluasa sejak kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.<sup>1</sup> Cuma murtad yang ada di sepanjang zaman hanyalah masalah yang terpencil. Namun kebelakangan ini, ia sudah menjadi satu gejala, di mana ramai di kalangan umat Islam yang murtad. Gejala ini berlaku disebabkan kejahilan mereka tentang hakikat Islam yang sebenar. Mereka kurang mengenali Islam, bahkan ada yang langsung tidak memahami Islam. Orang yang betul-betul mengenali dan memahami Islam pasti tidak akan meninggalkan Islam, bahkan akan berjuang mempertahankannya. Namun kejahilan telah menimpa umat ini. Dan peluang inilah yang digunakan oleh orang bukan Islam untuk memurtadkan sebahagian umat Islam.

Bila berlakunya murtad, maka ia merupakan satu jenayah. Ini kerana orang yang murtad telah mengkhianati akidah kaum muslimin dan merendah-rendahkannya. Ia juga bererti mengkhianati negara Islam dan mencabar kedaulatannya. Oleh itu, menjadi tugas pemerintah negara Islam untuk mengenakan hukuman kepada sesiapa sahaja di kalangan warganegaranya yang murtad. Hukuman

---

<sup>1</sup> Muhammad Isa Selamat (1998). *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: Terbitan Darul Nu'man.

ini adalah untuk mengawal gejala penghinaan terhadap kesucian agama Islam sesudah mengenalinya.

Selain itu, konsep murtad juga mencakupi aliran-aliran kepercayaan atau ajaran sesat yang lahir hasil perancangan rapi musuh-musuh Islam. Ia bertujuan merosakkan agama Islam; mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat menerusi perbezaan dan percanggahan fahaman, mengubah cara pengamalan mereka terhadap syariah Islam serta menimbulkan syubhat dalam agama.<sup>2</sup> Ia berakar umbi dalam setiap diri manusia, tanpa mengira situasi mahupun kondisi sesuatu masyarakat.

Misalnya, Di Malaysia, sejak merdeka hingga tahun 2000, terdapat seratus dua puluh tujuh pertubuhan/ajaran yang telah dikenal pasti menyeleweng daripada ajaran Islam. Daripada jumlah itu, dua puluh dua ajaran sudah dibuktikan sesat tetapi masih bergerak aktif, lima puluh satu ajaran tidak lagi aktif (mati), lima belas ajaran didapati telah lemah dan kurang aktif, manakala tiga ajaran telah difatwakan terkeluar daripada Islam dan tiga puluh enam lagi masih dalam siasatan.<sup>3</sup> Pelbagai pendekatan telah dibuat untuk mengatasi perkembangan aliran kepercayaan ini dan setakat ini belum mencapai ke tahap yang memberangsangkan.

Terdapat aliran kepercayaan yang telah difatwakan sesat, diharamkan serta diisyiharkan murtad (terkeluar daripada Islam) oleh pihak kerajaan, tetapi masih ‘hidup’ seterusnya menjalankan kegiatan mereka seperti biasa tanpa dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa seperti al-Arqam dan Ahmadiyah Qadiani.

Nabi Muhammad s.a.w. diperintahkan oleh Allah SWT menyebarkan Islam kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT.:

---

<sup>2</sup>Mohamad Kamil b. Abd. Majid (2004). *Penyelewengan Aqidah: Punca Dan Implikasinya Kepada Umat Islam*. (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Aqidah Peringkat Negeri Selangor, 7 Ogos 2004).

Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor. ms. 2.

<sup>3</sup>Maklumat ini disediakan oleh Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sehingga 01/11/2000. Sehingga Mei 2004, maklumat ini masih belum dikemaskinikan lagi.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَفَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ

لَا يَعْلَمُونَ

*Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar).*

Surah Sabā' (34): 28

Islam sebagai agama universal; dianuti oleh berbagai lapisan etnik masyarakat termasuk di Asia Tenggara. Islam memberikan penekanan yang mendalam berhubung soal akidah bagi memelihara kesucian Islam dan menyelamatkan umatnya daripada pengaruh yang menyesatkan. Walau bagaimanapun, dalam era dunia tanpa sempadan hari ini dengan menyaksikan kehidupan manusia yang serba kompleks telah memberi ruang yang besar kepada perkembangan kelompok-kelompok kuffar yang ingin mengganggu gugat kedaulatan agama Islam di negara ini. Secara tidak langsung menyaksikan seolah-olahnya perkembangan gerakan sebegini seiring dengan kepesatan dakwah Islamiah yang dilakukan oleh agensi kerajaan maupun swasta di Malaysia.

## 2.2 Sejarah Beragama Di Kalangan Umat Manusia

Agama pada lazimnya bermakna kepercayaan kepada Tuhan, atau sesuatu kuasa yang ghaib dan sakti seperti dewa. Juga amalan dan institusi yang berkait dengan kepercayaan tersebut. Agama dan kepercayaan merupakan dua perkara yang sangat berkaitan. Tetapi agama mempunyai makna yang lebih luas, yakni merujuk kepada satu sistem kepercayaan yang kohensif dan kepercayaan ini adalah mengenai aspek ketuhanan.

Dari segi pragmatisme, seseorang itu menganut sesuatu agama adalah disebabkan oleh fungsinya. Bagi kebanyakan orang, agama itu berfungsi untuk menjaga kebahagiaan hidup. Tetapi dari segi sains sosial, fungsi agama mempunyai dimensi yang lain seperti apa yang diuraikan di bawah:

a. **Memberi pandangan dunia kepada satu-satu budaya manusia**

Agama dikatakan memberi pandangan dunia kepada manusia kerana ia sentiasanya memberi penerangan mengenai dunia (sebagai satu keseluruhan), dan juga kedudukan manusia di dalam dunia. Penerangan bagi perkara ini sebenarnya sukar dicapai melalui pancainderia manusia, melainkan sedikit penerangan daripada falsafah. Contohnya, agama Islam menerangkan kepada umatnya bahawa dunia adalah ciptaan Allah S.W.T dan setiap manusia harus mentaati Allah S.W.T.

b. **Menjawab pelbagai soalan yang tidak mampu dijawab oleh manusia**

Sesetengah soalan yang sentiasa ditanya oleh manusia merupakan soalan yang tidak terjawab oleh akal manusia sendiri. Contohnya soalan kehidupan selepas mati, matlamat hidup, soal nasib dan sebagainya. Bagi kebanyakan manusia, soalan-soalan ini adalah menarik dan untuk menjawabnya adalah perlu. Maka, agama itulah berfungsi untuk menjawab persoalan ini.

c. **Memberi rasa kekitaan kepada sesuatu kelompok manusia**

Agama merupakan satu faktor dalam pembentukkan kelompok manusia. Ini kerana sistem agama menimbulkan keseragaman bukan sahaja kepercayaan yang sama, malah tingkah laku, pandangan dunia dan nilai yang sama.

#### d. Memainkan fungsi kawalan sosial

Kebanyakan agama di dunia adalah menyarankan kepada kebaikan. Dalam ajaran agama sendiri sebenarnya telah mengariskan kod etika yang wajib dilakukan oleh penganutnya. Maka ini dikatakan agama memainkan fungsi kawalan sosial.<sup>4</sup>

### 2.3 Islam Agama Universal

Di Malaysia, majoriti penduduknya menganut agama Islam. Ini bertepatan dengan istilah melayu di dalam Perlembagaan persekutuan, Fasal 160 yang menyebut:

*“Melayu ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa melayu, menurut adat istiadat melayu dan (a) lahir, sebelum hari merdeka, di persekutuan atau di Singapura, atau ibu bapanya telah lahir di persekutuan atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau (b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut”<sup>5</sup>*

Islam sebagai agama universal; dianuti oleh berbagai lapisan etnik masyarakat termasuk di Asia Tenggara. Islam memberikan penekanan yang mendalam berhubung soal akidah bagi memelihara kesucian Islam dan menyelamatkan umatnya daripada pengaruh ajaran sesat. Walau bagaimanapun, Odalam era dunia tanpa sempadan hari ini dengan menyaksikan kehidupan manusia yang serba kompleks telah memberi ruang yang besar kepada perkembangan berbagai aliran kepercayaan di negara ini. Secara tidak langsung menyaksikan

---

<sup>4</sup> ms.wikipedia.org/wiki/Agama. 12 Jun 200. 11.50 am

<sup>5</sup> \_\_\_\_\_ (2008). *Perlembagaan Persekutuan (hingga 5hb Mac 2008)*. Kuala Lumpur : Terbitan International Law Book Services. ms. 238.

seolah-olahnya perkembangan aliran kepercayaan seiring dengan kepesatan dakwah Islamiah yang dilakukan oleh agensi kerajaan maupun swasta di Malaysia.

## **2.4 Salah Faham Dan Cabaran Terhadap Islam**

### **2.4.1 Globalisasi**

Pembangunan era globalisasi menyebabkan nilai-nilai Barat yang masuk tanpa dapat dibenung ketika ini menghakis kepercayaan agama dan menjelaskan benteng kerohanian manusia, yang akhirnya matlamat hidup hanya melihat kepada dunia semata-mata. Ringkasnya dalam persekitaran hidup yang ditentukan oleh falsafah sosial Barat, anggota masyarakat akan terdorong mengenepikan soal haram dan halal bahkan sanggup mengenepikan agama.<sup>6</sup>

Satu tanggapan tentang Islam menyatakan bahawa dengan memeluk islam itu bererti seseorang itu terpaksa kembali ke zaman manusia Badwi. Ini adalah satu tanggapan yang salah kerana selama ini islam tidak pernah menjadi batu penghalang kemajuan dan tamadun.<sup>7</sup>

### **2.4.2 Masalah Sosial**

Kerancakan kemasukan nilai-nilai barat menyebabkan sodial masyarakat berkembang pesat di kalangan masyarakat dunia. Keadaan ini menyebabkan timbul kehidupan yang mengosongkan perkiraan dan pertimbangan daripada kehidupan beragama. Matlamat keduniaan menguasai pemikiran dan tingkah laku yang mengikut nafsu semata-mata yang menyebabkan kehilangan aspek kawalan moral dan mudah terjebak kepada perkara yang negatif.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Abdullah bin Sulong. (2005). *Islam dan Isu-isu Semasa*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. ms.9.

<sup>7</sup> Muhammad Qutb (1977). *Salah Faham Terhadap Islam*. Gabungan Persatuan Mahasiswa Islam Antarabangsa. ms.211.

<sup>8</sup> \_\_\_\_\_ (2005). *Islam dan Isu Semasa*. Johor: Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia. ms. 6.

### 2.4.3 Ajaran Sesat

Ajaran sesat<sup>9</sup> bukan suatu fenomena baru di negara kita Malaysia. Ia merupakan suatu permasalahan global yang perlu ditangani oleh setiap lapisan masyarakat secara bersepada.

Aliran-aliran kepercayaan atau ajaran sesat ini lahir hasil perancangan rapi musuh-musuh Islam. Ia bertujuan merosakkan agama Islam; mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat menerusi perbezaan dan percanggahan fahaman, mengubah cara pengamalan mereka terhadap syariah Islam serta menimbulkan syubhat dalam agama.<sup>10</sup> Ia berakar umbi dalam setiap diri manusia, tanpa mengira situasi maupun kondisi sesuatu masyarakat.

Di Malaysia terdapat banyak pertubuhan/ajaran yang telah dikenal pasti menyeleweng daripada ajaran Islam. Pelbagai pendekatan telah dibuat untuk mengatasi perkembangan aliran kepercayaan ini dan setakat ini belum mencapai ke tahap yang memberangsangkan.

Terdapat aliran kepercayaan yang telah difatwakan sesat, diharamkan serta diisyiharkan murtad (terkeluar daripada Islam) oleh pihak kerajaan, tetapi masih ‘hidup’ seterusnya menjalankan kegiatan mereka seperti biasa tanpa dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa seperti al-Arqam dan Ahmadiyah Qadiani.

---

<sup>9</sup>Menurut pengertian yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), secara ringkasnya ajaran sesat bermaksud: ‘Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan yang dibawa berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Lihat Bahagian Penyelidikan (1991), ‘Mengenal Ajaran Sesat Di Malaysia’, (Kertas Kerja di Pusat Islam Malaysia, 3 September 1991), ms. 4-5. (Selain Malaysia, definisi ini turut disepakati oleh Majlis Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Republik Singapura (MABIMS)). Dalam ertikata lain, sesat atau salahnya sesuatu ajaran itu dirujuk kepada pola amalannya yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islam yang sebenar sama ada dari segi isi kandungan, bentuk pemikiran maupun ciri-ciri amalannya. Ini termasuklah segala ideologi atauisme yang menjadi ikutan dan pegangan manusia hari ini serta semua fahaman yang membenarkan segala bentuk kemungkaran atau kegiatan yang bersalah dengan Islam (seperti judi, arak, zina, mendedahkan aurat, percampuran lelaki serta wanita dan sebagainya) di atas muka bumi ini sama ada secara terang-terangan maupun tersembunyi. (pen.)

<sup>10</sup>Mohamad Kamil b. Abd. Majid (2004), “*Penyelewengan Aqidah: Punca Dan Implikasinya Kepada Umat Islam*”, (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Aqidah Peringkat Negeri Selangor, 7 Ogos 2004), anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor, ms. 2.

Nabi Muhammad s.a.w. diperintahkan oleh Allah SWT menyebarluaskan Islam kepada seluruh umat manusia. Firman Allah S.W.T

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلِكُنَّ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا



*Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar).*

(Surah Saba' : 28)

#### 2.4.4 Murtad

Murtad menurut syarak berpaling dari Islam kepada kekufturan atau keluar daripada cahaya dan kebenaran Islam kepada kegelapan dan kekufturan. Murtad adalah perbuatan yang dimurkai Allah S.W.T dan ianya merupakan perbuatan jenayah terhadap agama Islam. Di Malaysia, isu murtad mula menggemparkan negara apabila Mufti Kerajaan Negeri Perak, Dato' Seri Haji Dr. Harussani Haji Zakaria memberitahu kini terdapat hampir 250,000 umat Islam yang murtad di negara ini. Bilangan tersebut termasuklah kira-kira 100,000 orang Melayu yang telah mengisyiharkan diri mereka memeluk agama Kristian<sup>11</sup>

Katanya lagi, 100,000 orang lagi sedang membuat permohonan menunggu untuk murtad. Selebihnya tegas beliau, termasuk mereka yang memohon untuk menukar nama agama Islam di dalam kad pengenalan kepada nama fahaman lain. “Ini tidak termasuk lagi individu-individu yang langsung tidak bersolat, tidak berpuasa dan menentang semua hukum Islam.”<sup>12</sup>

<sup>11</sup> [www.harakahdaily.net](http://www.harakahdaily.net). 14Februari 2006. “Mufti Perak Dakwa 250,000murtad di negara ini?”

<sup>12</sup> ibid

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Mustafa Abdul Rahman, wanita dipercayai menjadi golongan paling ramai murtad di negara ini.<sup>13</sup> Antara individu tersebut ialah Azlina Jailani yang bertukar nama kepada Lina Joy dan menganut agama Kristian. Begitu juga kes Hartinah Binti Kamarudin (No KP 740315-08-5824) bertukar ke agama Hindu dan menukar namanya ke Nivashiny Rajeswaran dan telah berkahwin dengan Rajeswaran a/l Jeyaraman di Malaysia Hindu Sangam, Wilayah Persekutuan pada 24 Mac 1996.<sup>14</sup>

Seterusnya kes Siti Mariam binti Mohamed Ismail (No KP 750307-06-5048) seorang wanita Islam yang bertudung labuh yang telah bertukar agama ke agama Hindu melalui surat akuan bersumpah bertarikh 14 Oktober 1997 dan menukar namanya kepada M. Tarini dan telah berkahwin dengan Kalaicheleven a/l Alagapan di Malaysia Hindu Sangam, Wilayah Persekutuan pada 15 Februari 1999. Ibu kepada Siti Mariam, Zubeydah binti Sheikh Mohd telah memfaikkan kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendapatkan pengisytiharan beliau masih beragama Islam kerana belum diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebagai murtad dan perintah membatalkan perkahwinannya pada 11 November 2002. Yang Arif Hakim Dato' Raus Sharif telah memutuskan bahawa beliau masih Islam dan perkahwinannya hendaklah dibatalkan. Siti Mariam telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan dan kes masih di Mahkamah Rayuan.<sup>15</sup>

Selain itu, terdapat juga kes yang telah diluluskan permohonan pertukaran agamanya. Antaranya ialah Siti Salmiah binti Abdul Halim (No Kes R1-24-10-98) yang telah bertukar ke agama Kristian dan bertukar nama kepada Catherine Josephine melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' K.C Vohrah pada 9 November 1998. Seterusnya kes Hajee Ismail bin Suppiah @ Salim (No Kes R1-24-31-95) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar agama kepada Ganesan a/l Suppiah melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato (sekarang Tan Sri) Ahmad Fairuz bin Dato Sheikh Abdul Halim pada 26 September 1995. Selain itu kes Fadzilah binti Mustafa (No. Kes MT2-21-108-98) yang telah bertukar ke agama

<sup>13</sup> Utusan Malaysia. 8/11/2006. “Kebanyakan yang Murtad Wanita”

<sup>14</sup> \_\_\_\_\_ (t.thn). *Murtad Barah Ummah*. Kuala Lumpur: Terbitan Badan Bertindak Anti-Murtad, Pusat Penyelidikan Pas Pusat. ms. 2.

<sup>15</sup> *Ibid.* ms.2.

Hindu dan menukar nama kepada Risha Sonia a/p Lingam melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' Wira Haji Mohd Noor bin Haji Ahmad pada 18 November 1998. Seterusnya kes Othman Narasiman bin Abdullah (No Kes MT4-21-109-98) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar nama kepada Narasiman a/l Kaveri melalui perintah mahkamah oleh Yang Arif Dato' Chin Fook Yen pada 7 Disember 1998. Begitu juga kes Habibamma binti Abdul Jabar (No Kes R1-24-11-98) yang telah bertukar ke agama Hindu dan menukar nama kepada Habimai Rao melalui perintah Mahkamah oleh Yang Arif Dato' K.C Vohrah pada 9 September 1998.<sup>16</sup>

Ini merupakan sebahagian daripada kes yang telah dibawa ke mahkamah dan dibicarakan, sedangkan masih terdapat banyak lagi kes yang masih belum selesai serta tertangguh melibatkan mereka yang ingin keluar dari agama Islam.

## 2.5 Murtad

Dalam bahagian akan membincangkan berkaitan dengan definisi muratd, syarat sah murtad, sebab-sebab murtad, kesan daripada murtad dan faktor-faktor berlakunya murtad.

### 2.5.1 Definisi

Murtad menurut bahasa Arab berasal daripada perkataan *riddah*. Dari segi bahasa, *riddah* bermakna kembali daripada sesuatu kepada selainnya.<sup>17</sup> Oleh itu dari sudut bahasa, murtad bermakna orang yang kembali daripada sesuatu kepada selainnya.

---

<sup>16</sup> *Ibid.* ms.2.

<sup>17</sup> al-Razi. (t.thn). *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Maktabah Lubnan. ms. 210; Lihat juga Jabran Mas'ud. (1986). *al-Ra'id*. jil.1. Beirut: Dar al-Ilm al-Malayin. ms. 725-726; Lihat juga al-Fayruz Abadi. (t.thn). *al-Qamus al-Muhit*. vol 1. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi. ms. 570.

Dari segi istilah syaraknya pula, murtad ditakrifkan dengan pelbagai takrifan. Antaranya ialah:

- (i) menurut Imam al-Husni: “keluar daripada Islam dan kembali kepada kufur serta membebaskan diri daripada Islam.<sup>18</sup>”
- (ii) Menurut al-Shaykh Abd al-Qadir Awdah: “meninggalkan agama Islam dan keluar daripadanya setelah menganutnya.<sup>19</sup>”
- (iii) Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaily: “Berpaling daripada Islam dan kembali kepada kufur, sama ada dengan niat atau perbuatan yang mengkafirkan atau perkataan, dan sama ada diucapkan dengan gurauan atau penentangan atau iktiqad.<sup>20</sup>”
- (iv) Menurut Sayyid Sabiq: “Kembalinya orang Islam yang berakal dan dewasa ke kekafiran dengan kehendaknya sendiri tanpa ada paksaan dari orang lain. Baik yang kembali itu orang lelaki maupun orang perempuan.<sup>21</sup>”
- (v) Menurut Dr. Abd al-Karim Zaydan: “ Keluar daripada Islam.<sup>22</sup>”

### 2.5.2 Syarat Sah

Murtad sebagaimana yang ditakrifkan membawa maksud seseorang yang keluar daripada agama Islam lalu memeluk agama lain atau tidak menganuti mananya agama. Seseorang yang hendak dikategorikan sebagai seorang murtad hendaklah memenuhi syarat-syarat tertentu. Ini bermakna sekiranya syarat tersebut tidak dipatuhi, maka seseorang itu tidak bergelar murtad dan tidak dihukum dengan hukuman orang yang murtad. Syarat-syarat tersebut ialah berakal, baligh dan berkehendak.

---

<sup>18</sup> Al-Husni. (1995). *Kifayat al-Akhyar Fi Hil Ghayat al-Ikhtisar*. Jil.2. Beirut: Dar al Khayr. ms. 493.

<sup>19</sup> Awdah. (1994). *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami Muqarinan bi al-Qanun al-Wadi'i*. Jil.1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. ms. 661.

<sup>20</sup> al-Zuhaily. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Jil.6. Dimashq: Dar al Fikr. ms. 183.

<sup>21</sup> Sayid Sabiq. (1990). *Fikih Sunnah*. Jil. 9. Kuala Lumpur: Victory Agencie. ms. 159.

<sup>22</sup> Abdul al-Karim Zaydan. (1994). *Al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'assasah al Risalah. ms. 300.

### i. Berakal

Hanya orang yang berakal sahaja sah murtadnya. Orang yang melakukan perkara-perkara yang boleh menjadikan murtad sama ada bimbang kepercayaan, perkataan, perbuatan ataupun meninggalkan sesuatu perbuatan (tinggalan) perlu mempunyai akal yang waras dan boleh berfikir dengan baik untuk digelar murtad dan dijatuhkan ke atasnya hukuman murtad. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai akal yang waras, misalnya kanak-kanak, orang gila dan orang pengsan, maka mereka ini tidak murtad walaupun telah melakukan perkara-perkara yang menyebabkan murtad.

Dalil yang mengesahkan bahawa berakal menjadi syarat sah murtad ialah *khabar* daripada Saidina Ali r.a.<sup>23</sup>

**قال علي لعمر رضي الله عنهم: عما علمت أن القلم رفع عن المجنون  
حتى يفيق، وعن الصبي حتى يدرك، وعن النائم حتى يستيقظ؟**

*Maksudnya: Saidina Ali r.a telah berkata kepada Saidina Umar r.a.: “Tidaklah engkau mengetahui, sesungguhnya pena diangkat (tidak ditaklif) daripada orang gila sehingga sedar, kanak-kanak sehingga dia mengetahui dan orang yang tidur sehingga terjaga?”*

Berdasarkan hukum syarak, akal yang waras tidak menjadi mukallaf dan segala perkataan dan perbuatannya tidak dikira dan tidak dikenakan ke atasnya apa-apa hukuman. Sekiranya seseorang itu dalam berkeadaan mabuk, maka ulamak membahagikannya kepada dua kategori<sup>24</sup>

Kategori 1 : Orang yang mabuk itu hilang ingatan dengan sebab meminum (termasuk ubat) yang memabukkan sedang dia tidak mengetahui bahawa minuman itu memabukkan. Jika dengan sebab mabuk itu dia melakukan perkara-perkara yang menyebabkan murtad, maka dia

<sup>23</sup> Menurut Abu Daud, Ibn Hibban dan al-Nasa'i hadis ini *marfu'* dan paling tepat menurut al-Nasa'i ia *mawquf*, dan hadis ini menurut hukum adalah *marfu'*. Lihat: al-Asqalani. (1989) *Fath al-Bari Sharh Sohib al-Bukhari*. Jil. 12. Beirut: Dar al Kutub al-Ilmiyah. ms. 145.

<sup>24</sup> Arieff Salleh Rosman. (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. ms. 9

tidak murtad. Dalam kes ini tiada perbezaan pendapat dari segi hukum di kalangan ulamak.

Kategori 2 : Sekiranya seseorang minum minuman yang memabukkan dan dia mengetahui minuman itu memabukkan lalu hilang ingatannya, kemudian dia melakukan perkara-perkara yang menyebabkan murtad, adakah dia menjadi murtad?

*Pendapat pertama:* sebahagian ulamak mazhab Hanbali, Shafi'i, Maliki dan ja'fariyah berpendapat bahawa orang itu menjadi murtad.<sup>25</sup> Pendapat ini berasaskan dalil berikut:

- (i) para sahabat bercakap tentang orang yang mabuk: sekiranya seseorang itu mabuk maka dia akan berkata dengan perkataan yang tidak logik, dan sekiranya dia berkata dengan perkataan yang tidak logik maka dia akan menuduh seseorang dengan tidak benar, maka hukumlah dia dengan hukum menuduh (*qazaf*). Para sahabat mewajibkan ke atas orang itu hukum menuduh terhadap apa yang telah diperkatakan semasa dia mabuk dan didasarkan perkataan tersebut dengan keadaan dia tidak mabuk; kerana orang seperti ini sah talaknya, maka sahlah juga murtadnya seperti orang yang sedar.<sup>26</sup>
- (ii) Pendapat yang mengatakan bahawa orang seperti ini tidak *mukallaf* adalah disangkal. Sesungguhnya solat adalah wajib ke atasnya dan begitu juga dengan semua kewajipan yang lain. Dia juga berdosa jika melakukan perkara yang haram dan ini adalah atas taklif; kerana mabuk tidak menghilangkan ingatan seseorang secara keseluruhan. Contohnya dia akan mengelak sekiranya ada bahaya, dia akan suka dengan perkara yang menggembirakan dan dia bersedih

---

<sup>25</sup> al-Maqṣidi. (1367H). *Al-Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarat al-Manar. ms. 147; Lihat juga al-Bahuti. (1402H). *Kashshaf al-Qanna An Matn al-Iqna*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr. ms. 105; Lihat juga al-Sharbini (t.thn) *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'anī Alfaẓ al-Minhaj*. Jil.4. Beirut: Dar al-Fikr ms. 133; Lihat juga al-Sawi. (1372H). *Hashiyah al-Sawi ala al-Sharh al-Soghir li al-Dardir*. Jil. 2. Misr : Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi. ms. 418; Lihat juga al-Huli. (1368H). *Shara'i al-Islam fi Masa'il al-Halal wa al-Haram*. Jil. 4. Qaherah: Matba'ah al-Qaherah. ms. 185.

<sup>26</sup> Zaydan Abdul al-Karim.(1994). *al-Mufassal*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Jil. 5. ms. 302

dengan perkara yang menyedihkannya. Tambahan pula mabuk itu akan hilang dalam jangka waktu yang singkat.<sup>27</sup>

*Pendapat kedua:* Ulama' mazhab Hanafi dan Zohiriyyah berpendapat bahawa orang itu tidak menjadi murtad.<sup>28</sup> Mereka berpegang kepada dalil yang berikut:

- (i) Ibn Hazm daripada fuqaha' al-Zohiriyyah berpendapat bahawa tidak menjadi murtad orang seumpama itu berdasarkan firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تَقْرِبُوا الصَّلَاةَ وَإِنْتُمْ سُكَّرَى حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا  
تَقُولُونَ

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu solat ketika kamu sedang mabuk sehingga kamu tahu apa yang kamu katakan.*

(Surah al-Nisa': 43)

Orang mabuk tidak menyedari apa yang dia ucapkan. Sekiranya dia tidak mengetahui apa yang dia ucapkan sendiri, maka tiada apa-apa baginya. Daripada *khabar* yang sahih sesungguhnya Hamzah r.a telah berkata kepada Rasullullah s.a.w, Ali ibn Abi Talib dan Zayd ibn Harithah: "Sesungguhnya kamu hanyalah hamba kepada ayahku." Beliau mengucapkan kata-kata itu dalam keadaan mabuk dan beliau mengucapkannya dalam keadaan sedar maka akan menjadi kafir dengan kata-katanya itu- dijauhkan Allah daripadanya perkata itu.<sup>29</sup>

Kemudian Ibn Hazm berkata lagi: hujah yang digunakan, iaitu sebahagian sahabat telah berkata: sekiranya seseorang itu minum minuman yang memabukkan

<sup>27</sup> *Ibid.* ms 302

<sup>28</sup> al-Kasani.(1982).*Bada'i al sana'i fi tartib al shara'i*, dar al Kitab al Arabi. ms. 134. Lihat juga Ibn Abidin. (1386h). *Rad al Muhtar ala al Dur al Mukhtar*. Jil. 4. Misr: Matba'ah Mustafa al Babi al-Halabi wa Awladuhu. ms. 224; Lihat juga Ibn Hazm. (t.thn). *al Muhalla*. Jil. 11.Berut: al Maktab al Tijari. ms. 293-294.

<sup>29</sup> Ibn Hazm. (t.thn). *al-Muhalla*. Jil. 11Beirut: al-Maktab al-Tijari. ms. 293-294.

maka dia akan mabuk. Apabila dia mabuk maka dia akan berkata dengan perkataan yang tidak logik. Apabila dia berkata dengan perkataan yang tidak logik maka dia akan menuduh. Apabila dia menuduh maka dia dirotan 80 sebatan, dan mereka melakukannya atas dasar hukuman menuduh dan begitu jugalah masalah murtadnya semasa dia mabuk. Maka jawabnya: sesungguhnya khabar ini tidak sahih.<sup>30</sup>

(ii) Ulama' bermazhab Hanafi menggunakan dalil *istihsan* bukannya *qiyyas* untuk pendapat mereka. Menurut mereka tidak jatuh murtad ke atas orang mabuk, kerana *qiyyas* adalah berdasarkan hukum zahir, iaitu dengan lidah bukan dengan apa yang terdapat dalam hati kerana ia adalah perkara batin yang tidak boleh djadikan hujah untuk sesuatu hukum.

Manakala hujah berdasarkan *istihsan*: sesungguhnya hukum kafir di dasarkan kepada kekufuran seseorang, sebagaimana hukum iman didasarkan kepada berimannya seseorang itu. Asas iman dan kufur ialah membenarkan atau menolak, dan sesungguhnya ikrar adalah dalil kepada kedua-duanya. Ikrar orang mabuk yang hilang ingatannya tidak boleh dijadikan hujah bahawa dia menolak Islam, maka tidak sah ikrarnya itu.<sup>31</sup>

Antara dua pendapat ini, pendapat kedua adalah lebih tepat. Seseorang yang mabuk sekiranya dia melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ia murtad, tidak menjadikannya murtad. Hujahnya ialah.<sup>32</sup>

- (i) Hujah pendapat kedua adalah lebih kuat.
- (ii) Orang yang mabuk telah melakukan sesuatu yang haram. Orang mabuk tidak dihukum keluar Islam dengan perkataan yang menunjukkan kepada kekufuran kerana dia tidak berniat melafazkannya dan tidak berkehendak kepada kekufuran malah

<sup>30</sup> *ibid*

<sup>31</sup> Makna istihsan menurut Imam Abu Hasan al Karkhi” “Penetapan hukum dari seorang mujtahis terhadap sesuatu masalah yang menyimpang dari ketetapan hukum yang diterapkan pada masalah-masalah yang serupa, kerana ada alasan yang lebih kuat yang mengkehendaki dilakukannya penyimpangan itu.” Lihat Abu Zahrah. (1994). *Ushul Fiqih*. Jakarta : PT Pustaka Firdaus. ms. 401.

<sup>32</sup> Zaydan Abd al-Karim.(1994). *al Mufassal*. Jil.5. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. ms. 303.

tidak berniat keluar daripada Islam. Syara' telah menetapkan hukuman khusus, iaitu hukuman minum arak. Oleh itu, jika dihukum orang mabuk itu dengan hukuman yang lain, iaitu hukuman murtad dalam masa yang sama adalah tidak dibenarkan menurut syara'.

## ii. Orang Gila

Bagi Permaslahan berkaitan orang gila juga terbahagi kepada dua kategori:

Kategori 1 : Sekiranya seseorang itu gila secara berterusan dan tidak pernah sedar walaupun sebentar, dan dalam masa yang sama dia melakukan perkara-perkara yang menyebabkan murtad, maka hukumnya tidak sah murtadnya, maka hukumnya tidak sah murtadnya.

Ibn Mundhir berkata: "ahli ilmu bersepakat bahawa sekiranya orang gila murtad semasa dia gila, sesungguhnya dia tetap seorang Muslim sebagaimana sebelumnya berdasarkan kata-kata Saidina Ali r.a:

قال على لعمر رضي الله عنهما: عما عمالت أن القلم رفع عن  
 المجنون حتى يفيق، وعن الصبي حتى يدرك، وعن النائم، حتى  
 يستيقظ؟

*Maksudnya: Saidina Ali telah berkata kepada Saidina Umar r.a: Tidakkah engkau mengetahui, sesungguhnya pena diangkat ( tidak ditaklif) daripada orang gila sehingga sedar, kanak-kanak sehingga dia mengetahui dan orang yang tidur sehingga terjaga?*

Sesiapa yang tidak mempunyai ingatan yang waras tidak menjadi mukallaf; kerana antara syarat-syarat taklif ialah kewarasan akal<sup>33</sup>

---

<sup>33</sup> al-Maqdisi. (1367H). *al Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarah al-Manar. M.s. 147; Lihat juga al-Sharbini. (t.thn). *Mughni al Muhtaj ila Ma'rifah Ma'an alfaz al-Minhaj*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr. ms. 133; Lihat juga al-Kasani. (1982). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi. ms. 134; Lihat juga Ibn Abidin.(1386H). *Rad al Muhtar*. Jil. 4. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu. ms. 224.

Kategori 2 : Orang gila yang telah baligh dan sedar dalam sesuatu jangka waktu tertentu, kemudian kembali kepada keadaan gilanya. Sekiranya dia murtad dalam keadaan sedar dan kemudian kembali gila, maka hukumnya dia tetap dalam keadaan murtad. Ini adalah kerana dia murtad semasa berada dalam keadaan sedar dan mempunyai akal yang waras.<sup>34</sup>

### **iii. Orang Yang Disihir**

Apabila seseorang disihir lalu dia melakukan perkara yang memurtadkan, maka tidak sah murtadnya. Ini adalah kerana dia dalam keadaan yang tidak sedar dan tidak mempunyai akal yang waras untuk berfikir serta tidak berkehendak untuk melakukan perkara tersebut.<sup>35</sup>

### **iv. Baligh**

Baligh merupakan syarat sah murtad. Ini bermakna sesiapa yang masih belum baligh, jika melakukan perkara yang boleh menyebabkan murtad maka tidak sah murtad tersebut. Permasalahan penting yang perlu di perbahaskan dalam syarat ini ialah adakah sah Islam seorang kanak-kanak?

Dalam hal ini terdapat dua pendapat ulama'. Pendapat pertama datangnya dari Imam al-Shafi'i dan Imam Zufar daripada ulama' bermazhab Hanafi. Mereka berpendapat bahawa tidak sah Islam seorang kanak-kanak sehingga dia baligh.<sup>36</sup> Pendapat ini berasaskan kepada dalil *khabar* daripada Saidina Ali r.a:

---

<sup>34</sup> al-Kasani. (1982). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kitab.ms. 134.

<sup>35</sup> Arieff Salleh Rosman (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor: Universiti teknologi Malaysia. ms. 13.

<sup>36</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms. 303.

**قال على لعمر رضي الله عنهمَا: عما عمالت أَن القلم رفع عن المجنون حتى يفيق، وعن الصبي حتى يدرك، وعن النائم، حتى يستيقظ؟<sup>37</sup>**

Maksudnya: Saidina Ali telah berkata kepada Saidina Umar r.a: Tidakkah engkau mengetahui, sesungguhnya pena diangkat (tidak ditaklif) daripada orang gila sehingga sedar, kanak-kanak sehingga dia mengetahui dan orang yang tidur sehingga terjaga?

Pendapat kedua pula datangnya dari ulama' bermazhab Hanbali, Imam Abu Hanifah, Imam Muhammad al-Shaybani, Imam Abu Yusuf dan Imam Abu Shaybah. Mereka berpendapat bahawa sah Islam seorang kanak-kanak yang memahami Islam walaupun belum baligh.<sup>38</sup>

Makna “memahami Islam” dalam hal ini ialah mengetahui sesungguhnya Allah s.w.t adalah tuhannya dan sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w itu ialah hamba Allah dan RasulNya.<sup>39</sup> Ini bermakna syarat sah seorang kanak-kanak memeluk Islam ialah dia mestilah memahami Islam berdasarkan takrifannya menurut syara’.

Dalil yang dipegang oleh ulama' ini sehingga mencapai keputusan itu ialah:

- (i) Saidina Ali ibn Abi Talib r.a telah memeluk Islam semasa beliau kanak-kanak dan tidak terdapat hadis bahawa Nabi s.a.w menolak keislamannya itu.<sup>40</sup>
- (ii) Hadis yang digunakan oleh pendapat pertama tidak tepat kerana ia tidak membahaskan permasalahan ini. Islam tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak tetapi sekiranya kanak-kanak itu memeluk Islam maka ditulis untuknya pahala.<sup>41</sup>

Berdasarkan pendapat pertama, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa apabila tidak sah Islam seorang kanak-kanak maka tidak sah juga murtadnya

<sup>37</sup> al-Asqalani. (1989) *Fath al-Bari Sharh Sohib al-Bukhari*. Jil. 12. Beirut: Dar al Kutub al-Ilmiyah ms. 145.

<sup>38</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms. 303

<sup>39</sup> al-Maqdisi. (1367H). *Al-Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarah al-Manar. ms. 147.

<sup>40</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms.303.

<sup>41</sup> Ibid.ms.303

walaupun dia melakukan perkara-perkara yang menyebabkan murtad. Berdasarkan keterangan ini, maka menurut pendapat pertama baligh merupakan syarat sah murtad. Manakala menurut pendapat kedua pula, sah Islam kanak-kanak tetapi mereka berbeza pendapat tentang sah atau tidak murtad kanak-kanak itu. Imam Ahmad dan Imam Abu Yusuf berpendapat bahawa baligh adalah syarat sah murtad. Seseorang kanak-kanak yang melakukan perkara yang menyebabkan murtad tidak jatuh murtad.<sup>42</sup>

Manakala Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad al-Shaybani pula berpendapat bahawa baligh bukanlah syarat sah murtad. Oleh itu, jatuh hukum murtad ke atas kanak-kanak yang melakukan perkara yang menyebabkan murtad.<sup>43</sup>

#### v. Kehendak

Seseorang yang melakukan perkara yang membawa kepada murtad hendaklah dia melakukannya dengan kehendak dan keredhaan dirinya sendiri. Sekiranya seseorang itu dipaksa untuk menjadi murtad, maka dia tidak menjadi murtad nerdaarkan kepada dalil-dalil berikut:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقُلْبُهُ مُطْمَئِنٌ  
 بِالْأَيْمَنِ وَلَكِنَّ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفُرِ صَدَرًا فَعَلَيْهِمْ غَضْبٌ مِّنْ اللَّهِ  
 وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

*Maksudnya: Barang siapa yang kafir kepada Allah, sesudah dia beriman (akan mendapat kemurkaan Allah) kecuali orang yang dipaksa, sedang hatinya tetap beriman. Tetapi siapa yang terbuka hatinya untuk menjadi kafir, maka mereka akan mendapat murka dari Allah dan akan mendapat azab yang hebat.*

(Surah al Nahl :106)

<sup>42</sup> al-Maqdisi. (1367H). *Al-Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarah al-Manar. ms.134.

<sup>43</sup> *Ibid.* ms. 134

عن ابن عباس ((رفع عن أمري الخطاء والنisan وما استكر هو عليه))<sup>44</sup>

*Maksudnya: Daripada Ibn Abbas: “ Diampunkan ke atas ummat ku daripada kesilapan, lupa dan apa yang dipaksa ke atasnya.”*

Hukum ini diterima dan dipersetujui oleh para fuqaha.<sup>45</sup>

Tambahan lagi, Orang yang murtad beserta hukumannya terbagi kepada tiga kategori:

1. Orang yang murtad, namun menyembunyikannya.
2. Orang yang murtad dan menzahirkannya.
3. Orang yang murtad dan menzahirkannya serta menyerang Islam dengannya.

Penjelasannya adalah seperti berikut:

Kategori Pertama: Orang yang murtad, namun menyembunyikannya.

Orang yang murtad namun menyembunyikan kemurtadannya sehingga tiada siapa yang mengetahui kecuali ahli keluarga dan rakan-rakan terdekat, tidak dijatuhkan hukum hudud di dunia. Hukuman mereka adalah di sisi Allah S.W.T di Hari Akhirat kelak.

Orang murtad dari kategori pertama inilah yang disinggung oleh sekian banyak ayat al-Qur'an, salah satu daripadanya:

---

<sup>44</sup> Dikeluarkan oleh Ibn Majah, Ibn Hibban, al Daruqutni, al Tabrani dan al Hakim dalam al Mustadrak dan menurut Imam al Nawawi: ia adalah hadith *hasan*: al Shawkani. (1994). *Nayl al-Awtar*. Jil.7. Beirut: Dar al Fikr. ms. 21.

<sup>45</sup> al-Maqdisi. (1367H). *Al-Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarah al-Manar. ms. 136; Lihat juga al-Sharbini. (t.thn). *Mughni al Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani alfaz al-Minhaj*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr. ms.134; lihat juga Ibn Abidin. (1386h). *Rad al Muhtar ala al Dur al Mukhtar*. Jil. 4. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu. ms.185; lihat juga Jama'ah min Ulama' al Hind. (1310h). *Al-Fatawa al-Hindiyah*. Jil.2. Misr: al-Matba'ah al-Amiriyah. ms. 253; lihat juga al-Gharnati. (t.thn). *Qawatin al-Ahkam al-Syariyah wa masa'il al-Furu al-Fiqhiyah*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin. ms. .394.

وَمَن يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَإِمْتَ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَاطَ  
أَعْمَلُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا

**حَلْدُورَتْ**

*Maksudnya: “ Dan sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya (Islam) lalu dia mati sedang dia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian rosak binasalah amal usahanya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya.”*

(Surah al-Baqarah :217)

Syaikh Yusuf al-Qaradhawi *hafizhahullah* menjelaskan:

*“Islam tidak menjatuhkan hukuman bunuh atas orang yang murtad yang tidak menghebahkan murtadnya dan tidak menyeru orang lain agar murtad sepertiinya. Islam membiarkannya agar menerima balasannya di akhirat kelak jika dia mati dalam kekafirannya itu. Allah berfirman.....(lalu beliau mengemukakan ayat 217 surah al-Baqarah di atas).”*

Sebelum itu dalam risalah *Berkenalan Dengan Ciri-Ciri Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Pelaksanaan Hukum Jenayah*, telah dijelaskan bahawa hukuman hudud hanya dijatuhkan apabila jenayah tersebut dilakukan secara terbuka, yakni dizahirkan kepada khalayak ramai. Ada pun jika jenayah tersebut dilakukan secara tertutup, maka hukuman di dunia tidak dijatuhkan. Ini kerana antara tujuan hukuman hudud dijatuhkan adalah untuk menghindar sesuatu jenayah yang dilakukan secara terbuka di khalayak ramai daripada menjadi ikutan dan fitnah kepada masyarakat. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w telah bersabda:

اجْتَنِبُوا هَذِهِ الْقَادُورَةِ الَّتِي نَهَى اللَّهُ عَنْهَا فَمَنْ أَلْمَ فَلَيَسْتَرِنْ بَسْرُ اللَّهِ وَلَيَبْثِبْ إِلَى اللَّهِ. فَإِنَّمَا مَنْ يُبْدِ لَنَا صَفَحَتَهُ ثُقْمٌ عَلَيْهِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

*Maksudnya: “Jauhilah perkara-perkara keji yang telah dilarang oleh Allah, sesiapa yang telah melakukannya, hendaklah dia menutupinya dengan tutupan Allah dan bertaubat kepada Allah. Ini kerana jika sesiapa menampakkan perkara keji (yang dilakukannya) kepada kami, kami akan menjatuhkan hukuman yang telah diperintahkan oleh Allah ‘Azza wa Jalla.”*

Kategori Kedua: Orang Yang Murtad Dan Menzahirkannya.

Orang yang murtad lalu menzahirkannya atau mengumumkannya dengan apa cara sekali pun seperti media cetak, media elektronik, internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan sebagainya, maka dia dijatuhan hukuman bunuh setelah terlebih dahulu diberi tempoh dan diajak untuk bertaubat. Rasulullah s.a.w *bersabda*:

مَنْ بَدَأَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ.

*Maksudnya: Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia.*

(Riwayat al-Jamaah)

Dalam suasana banyaknya fitnah kepada Islam pada akhir zaman ini, sama ada dari kalangan umat Islam sendiri atau dari kalangan bukan Islam, adalah dianjurkan agar hakim menunda hukuman untuk tempoh yang tertentu agar orang yang menzahirkan tindakan murtadnya diberi kaunseling dan diajak untuk bertaubat. Jika dirujuk kepada hukuman para tokoh *al-Salaf al-Shalih rahimahumullah*, akan didapati bahawa mereka berbeza-beza dalam menundakan hukuman.

Ada yang menjatuhkan hukuman bunuh serta merta, ada yang menundanya selama 3 hari, 20 hari, sebulan dan sebagainya. Semuanya bergantung kepada kemaslahatan yang ingin dicapai dalam kes yang berbeza-beza. Walaubagaimana pun ingin ditegaskan bahawa sekali pun mereka berbeza-beza dalam tempoh penundaan, pada akhirnya hukuman bunuh tetap dijatuhkan jika orang yang murtad enggan bertaubat atau tidak menunjukkan harapan untuk bertaubat.

**Kategori Ketiga: Orang Yang Murtad Dan Menzahirkannya Serta Menyerang Islam Dengannya.**

Orang yang murtad dan menzahirkannya serta menyerang Islam dengan apa cara sekali pun, sama ada dengan menggunakan senjata, pena, lisan, pemikiran serta menggunakan bantuan orang bukan Islam dan munafik, maka mereka ditangkap dan dibunuh serta merta tanpa diberi tempoh dan diajak untuk bertaubat. Pengecualian adalah jika mereka bertaubat sebelum ditangkap, maka taubat mereka diterima.

Berkenaan orang murtad kategori ketiga ini, Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرَئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ  
 رَسُولُ اللَّهِ إِلَّا بِإِحْدَى ثَلَاثٍ: النَّفْسُ بِالنَّفْسِ وَالثَّيْبُ  
 الزَّانِي وَالْمَارِقُ مِنَ الدِّينِ التَّارِكُ لِلْجَمَاعَةِ

*Maksudnya: Tidak dihalalkan darah seorang muslim yang bersaksi bahawasanya tiada tuhan selain Allah dan bahawasanya aku adalah Rasulullah melainkan salah satu dari tiga perkara:*

1. *Membunuh,*
2. *Penzina yang sudah bernikah dan*

3. *Orang yang meninggalkan agamanya serta memisahkan diri dari jamaah (umat Islam).*

Yang dimaksudkan sebagai: "...orang yang meninggalkan agamanya serta memisahkan diri dari jamaah (umat Islam)" adalah orang murtad dan menzahirkannya serta menyerang Islam dengannya. Ini dijelaskan oleh sebuah hadis yang lain:

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرَئٍ مُسْلِمٍ يَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ  
 إِلَّا بِإِحْدَى ثَلَاثٍ: رَجُلٌ زَتَى بَعْدَ إِحْسَانٍ فِيَّهُ يُرْجَمُ وَرَجُلٌ خَرَجَ  
 مُحَارِبًا لِلَّهِ وَرَسُولِهِ فِيَّهُ يُقْتَلُ أَوْ يُصْلَبُ أَوْ يُنْفَى مِنْ الْأَرْضِ أَوْ يَقْتَلُ  
 نَفْسًا فِيَّقْتَلُ بَهَا

*Maksudnya: Tidak dihalalkan darah seorang muslim yang bersaksi bahawasnya tiada tuhan selain Allah dan bahawasnya Muhammad adalah Rasulullah melainkan salah satu dari tiga perkara:*

1. *Seorang yang berzina setelah dia menjaga kehormatannya dengan perkahwinan, maka sesungguhnya dia direjam,*
2. *Seorang yang keluar (dari Islam dan jamaah, lalu) memerangi Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia dibunuh atau disalib atau dibuang negeri dan*
3. *Seorang yang membunuh satu jiwa, maka dia dibunuh sebagai hukum timbal balik.*

Mereka ditangkap dan dibunuh serta merta tanpa diberi tempoh dan diajak untuk bertaubat berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّقُوا الَّذِينَ تُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا  
 أَن يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم مِّنْ خِلْفٍ أَوْ يُنَفَّوْا  
 مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ حَزْنٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ  
 عَظِيمٌ ﴿٣٤﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَن تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا  
 أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*Maksudnya: “Hanyasanya balasan orang-orang Yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah Dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja Dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). hukuman Yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa Yang amat besar.”*

34. “Kecuali orang-orang Yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (Mereka terlepas dari hukuman itu). maka ketahuilah, bahwasanya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Maidah: 33-34)

Sebelum dijelaskan hikmah di sebalik hukum murtad, ingin ditegaskan bahawa sifat orang-orang yang beriman adalah taat sepenuhnya kepada perintah larangan agama tanpa mengira sama ada diketahui hikmah di sebaliknya atau tidak. Kewajipan orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya adalah “Kami dengar dan kami taat” kepada perintah larangan al-Qur'an dan al-Sunnah manakala mengetahui hikmah di sebaliknya hanyalah sesuatu yang harus (*mubah*) sifatnya. Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمْ بَيْنَهُمْ أَنْ  
 يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

*Maksudnya: “Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: “Kami dengar dan kami taat”, dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.”*

(Surah: al-Nur :51)

Kembali kepada persoalan hikmah di sebalik hukum murtad, sejauh kajian saya, penjelasan yang dikemukakan oleh Syaikh ‘Abd al-Qadir Audah *hafizhahullah* adalah yang paling tepat, dimana beliau berkata:

*“The raison d’être of capital punishment for apostasy is Syariah is that apostasy is repugnant to the faith of Islam on which the Islamic society is founded. If this offence is taken lightly, the collective system of Islam may collapse. The severe punishment laid down for it aims at the total elimination of apostasy on the one hand and warning and preventing others from committing it.”*

*Obviously, capital punishment serves as a more effective deterrent than any other punishment. Whatever the factors inciting commitment of the offence, capital punishment stirs up the preventive factors in human psyche and a man refrains as often as not from committing the offence.*

*Most of the modern law in operation ensure security of the social system by prescribing harshest punishment for those who violate and destroy the system. The first of such punishments is death penalty. In other words, modern laws lay down the same punishment for causing disorder, safeguarding the social system as does the Islamic syariah.*

Menarik untuk diperhatikan perenggan terakhir di atas. Kesemua negara yang mengamalkan hukum jenayah konvensional menjatuhkan hukuman mati kepada jenayah yang paling merosakkan sistem negara dan rakyatnya. Contoh kedudukan pengedar dadah di Malaysia. Sesiapa yang didapati mengedar dadah di atas jumlah

tertentu akan dijatuhkan hukuman mati mandatori. Di sini tidak timbul persoalan “Hak asasi individu untuk mengedar dadah” atau “Dadah itu kegunaan peribadi dan bukan kegunaan orang lain”. Hukuman tetap dikenakan kepada siapa saja yang mengedar dadah, sekali pun yang mengedarnya adalah warga negara asing. Kenapa sedemikian? Jawapannya, kerana dadah adalah perosak kepada sistem negara dan rakyatnya.

Semua ini tidak berbeza dengan hukum jenayah Islam. Antara tujuan utama hukuman hudud disyari'atkan adalah untuk menghindari sebarang fitnah kepada agama Islam dan umat Islam. Hukuman hudud bersifat tegas kerana hanya dengan ketegasan tersebut manusia akan mematuhi dan menjauhi jenayah yang dihukuminya.

Antara hukuman hudud yang dimaksudkan adalah hukuman bagi kes murtad. Orang yang menzahirkan murtadnya menimbulkan fitnah kepada Islam dan umatnya. Ia merosakkan sistem Islam yang secara keseluruhannya berperanan mengurus hal-hal kehidupan manusia dalam sesebuah negara, tanpa mengira rakyat negara tersebut beragama Islam atau selainnya. Sama-sama diketahui bahawa Islam bukan sekadar agama solat dan zikir, tetapi ia adalah agama yang mengurus kepimpinan, politik, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan pelbagai lagi.

Orang yang murtad namun menyembunyikannya (Kategori Pertama), dia tidak dijatuhkan hukuman hudud kerana tindakannya itu tidak diketahui ramai dan tidak sehingga ke tahap menimbulkan fitnah kepada Islam dan umatnya. Maka tidak dijatuhkan hukuman kepadanya di dunia, hukumannya diserahkan kepada Allah SWT di Hari Akhirat kelak.

Apabila tidak dijatuhkan hukuman di dunia, tidaklah bererti Islam meredhai tindakan mereka untuk murtad. Hanya yang dipertimbangkan adalah, jika mereka dihalang daripada murtad, maka mereka akan tinggal dalam masyarakat Islam

sebagai seorang munafik dan lambat laun akan tetap membawa fitnah kepada Islam dan umatnya. Maka mereka dibebaskan daripada Islam dengan syarat mereka tidak menzahir atau mengumumkan kemurtadan tersebut. Pada waktu yang sama, Islam tetap membuka peluang untuk mereka kembali kepada Islam satu hari kelak, sekali pun ia mungkin dalam masa 20 tahun akan datang.

Ada pun orang murtad yang duduk dalam Kategori Kedua, tindakan menzahirkan kemurtadannya adalah sesuatu yang mengancam kestabilan Islam dan umatnya. Bahkan ia secara halus adalah satu serangan terhadap Islam dan umatnya. Jika tidak ditangani, ia akan merebak dan menimbulkan fitnah yang meluas. Maka kerana itulah hukuman bunuh dijatuhkan sebagai langkah yang paling efektif untuk menghindari timbulnya fitnah tersebut.

Walau bagaimanapun Islam sebagai agama yang rahmat lagi adil tetap memberi peluang kepada mereka untuk mempertimbangkan semula keputusan untuk murtad. Mereka diberi kaunseling dan peluang untuk bertaubat. Hukuman ditangguhkan selagi mana terdapat harapan bertaubat. Jika orang yang murtad menyerang Islam dan umatnya (Kategori Ketiga), maka hukuman hendaklah dijatuhkan tanpa boleh ditangguhkan lagi. Ini kerana mereka bukan lagi sekadar murtad tetapi telah menjadi dari kalangan orang kafir yang memusuhi Islam dan umatnya. Serangan yang mereka lancarkan hendaklah dipatahkan dan orang yang melancarkannya segera dijatuhkan hukuman bagi menghentikan serangan dan sebagai amaran keras kepada orang lain yang bercadang untuk mengikutinya.

### 2.5.3 Sebab Murtad

#### i. Kepercayaan (*Murtad Iktikadi*)

Iktikad menurut *al-Mu'jam al-Wasit* ialah apabila seseorang itu mempercayai sesuatu dengan dia membenarkan kepercayaan tersebut dalam hatinya. Akidah pula ialah sesuatu yang tidak terdapat sebarang keraguan kepada diri orang yang mempercayainya<sup>46</sup> Maksud kepercayaan dalam perbahasan ini ialah apa yang diimani oleh seseorang dan diyakini oleh hatinya dan menjadi akidah.<sup>47</sup>

Kaedah asas dalam masalah ini ialah:

“Segala yang bertentangan dengan akidah Islamiah dari sudut usul, makna dan kewajipannya dan diketahui bahawa seseorang menentang perkara ini dan dia meredhainya serta diyakini di dalam hatinya, maka dengan iktikad ini dan dengan cara ini jadilah seorang muslim itu murtad.”<sup>48</sup>

Usul akidah islamiah ialah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abd Allah ibn Umar:

))) ... قال: فأخبرني عن الإيمان، قال صلي الله عليه وسلم: أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر، وتؤمن بالقدر خيره وشره...))<sup>49</sup>

*Maksudnya* : “...jibril telah berkata: Beritahu aku berkenaan dengan iman. Jawab Rasulullah s.a.w: hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikat-Nya, kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari kiamat dan engkau beriman dengan qadar baik dan buruk...”

Dalam hadis ini menjelaskan tentang bahawa hendaklah kita beriman dengan Allah, beriman dengan Malaikat, beriman dengan Rasul, beriman dengan hari kiamat

<sup>46</sup> \_\_\_\_\_, (t.thn). *al-Mu'jam al Wasit*. Jil.2. Dar Imran. ms .260.

<sup>47</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms.306

<sup>48</sup> *Ibid.*, ms.307

<sup>49</sup> Baltarji. (1994). *Al-Minhaj Fi Sharh Sohih Muslim bin al-Hajjaj*. Jil.1. Beirut: Dar al Khayr. ms. 131

dan beriman dengan qada' dan qadar yang mana merupakan asas iktikad sebagai umat Islam

Berikut adalah beberapa contoh iktikad yang membawa kepada murtad:

- (i) menafikan kewujudan Allah atau mempercayai alam ini bersifat azali dan alam maya ini wujud tanpa pencipta.<sup>50</sup>
- (ii) Sesiapa yang beriktikad ada tuhan selain Allah, ataupun Allah mempunyai pembantu di dalam kekuasaannya, atau dia mempunyai sahabat atau anak (iaitu mensyirikkanNya sengan sesuatu).<sup>51</sup>
- (iii) Mengambil perantara antara dirinya dengan Allah dan bertawakal dengan mereka serta berdoa kepada meraka. Begitu juga sesiapa yang menafikan daripada sifat-sifat Allah SWT atau meraguinya sedangkan dia mengetahuinya.<sup>52</sup>
- (iv) Mengatakan al-Quran itu makhluk atau mengingkari ayat daripadanya.<sup>53</sup>
- (v) Mempercayai kepada orang yang mendakwa dirinya nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w kerana apabila Musaylamah al-Kadhdhab mendakwa dirinya sebagai nabi dan kaum-kaum mempercayainya maka kaumnya dijatuhkan hukum murtad.<sup>54</sup>

## ii. Perkataan (*Murtad Qawli*)

Kaedahnya ialah:

- (i) Semua perkataan yang menunjukkan kepada iktikad batil yang menyebabkan kafir orang yang mengatakannya, iaitu perkataan yang memurtadkan orang yang mengatakannya.<sup>55</sup> Dalilnya sama dengan *murtad iktiqadi*.

<sup>50</sup> al-Sharbini. (t.thn). *Mughni al Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani alfaaz al-Minhaj*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr. ms.416.

<sup>51</sup> Jama'ah min Ulama' al-Hind. (1310h). *Al-Fatawa al-Hindiyah*. Jil.2. Misr: al Matba'ah al-Amiriyah. ms.258.

<sup>52</sup> al-Bakli. (t.thn) *al-Ikhtiyati al-fiqhiyah min fatawa shaykh al-Islam Ibn Taymiyah*, Beirut: Dar al Makrifah li al Tiba'ah wa al Nashr. ms.182

<sup>53</sup> Jama'ah min Ulama' al-Hind. (1310h). *Al-Fatawa al-Hindiyah*. Jil.2. Misr: al Matba'ah al-Amiriyah. ms. 258.

<sup>54</sup> al-Maqdisi. (1367H). *Al-Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarah al-Manar. ms .150.

<sup>55</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms. 309.

- (ii) Semua perkataan yang mengandungi celaan dan penghinaan terhadap Allah atau ayat-ayat atau agamaNya atau rasulNya.<sup>56</sup>

Dalil untuk kenyataan ini ialah firman Allah SWT:

وَلِئِن سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْرُضُ وَنَلْعَبُ ۝ قُلْ أَبِّ الْأَرْضِ  
وَإِنَّمَا كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ ۝ لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ  
إِيمَانِكُمْ ۝

*Maksudnya: “Dan kalau kau tanyakan kepada mereka, mereka akan menjawab: kami hanya bergurau dan main-main sahaja. Tanyakanlah lagi: apakah kamu patut berolok-olok terhadap Allah dan ayat-ayatNya dan terhadap rasulNya? Jangan kamu mencari-cari alasan kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman.”*

(Surah al-Tawbah, 9:65-66)

Imam Ibn al-Arabi al-Maliki mengulas tentang ayat ini. “Tidak kira sama ada dia mengatakannya dengan bersungguh-sungguh atau bergurau dan bagaimana juga caranya, hukumnya kafir. Sesungguhnya bergurau dengan kufur hukumnya kafir dan ini tiada perbezaan pendapat di kalangan umat Islam (mengenai perkara ini).”<sup>57</sup>

Imam al-Fakhr al-Razi mentafsirkan ayat ini: “Sesungguhnya mencela agama, dengan apa cara sekalipun, hukumnya adalah kafir. Ini adalah kerana mencela bermaksud merendah-rendahkan, manakala asas iman ialah membesarkan Allah dan kedua-dua perkara ini adalah bertentangan dan mustahil dapat disatukan.”<sup>58</sup>

Dalam *Tafsir al-Manar* ayat ini ditafsirkan sebagai: “Ayat ini adalah nas yang jelas bahawa mencela kitab Allah, rasulNya, sifat-sifatNya, janji baik dan janji burukNya dan menjadikannya bahan permainan dan gurauan adalah menjadikan

<sup>56</sup> *Ibid.* 309

<sup>57</sup> Ibn al-Arabi. (1376h). *Ahkam al-Quran*. Jil.2. Qaherah: Dar Ihya al-Kutub al Arabiyah, ms. 964.

<sup>58</sup> al-Fakhr al-Razi. (1357h). *al-Tafsir al- Kabir*. Jil. 16. Qaherah: al-Matba'ah al- Bahiyah al-Misriyah. ms. 124.

pelakunya kafir yang mengeluarkannya daripada Islam. Hendaklah dilaksanakan ke atasnya hukum-hukum murtad kecuali sekiranya dia bertaubat dan memperbaharui Islamnya.”<sup>59</sup>

(iii) semua perkataan yang tidak sepatutnya diucapkan kepada Allah atau agamaNya atau rasulNya.<sup>60</sup>

Dalil kepada kenyataan ini ialah firman Allah SWT:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

*Maksudnya: Janganlah engkau mencela orang-orang yang menyeru selain daripada Allah. Nanti mereka akan bertambah keras memaki Allah dengan tidak berdasarkan ilmu.*

( Surah al-An'am : 108)

(iv) semua bentuk penolakan arahan Allah SWT dan syariatNya yang berbentuk penentangan atau penolakan secara takbur adalah kafir yang memurtadkan orang yang melakukannya.<sup>61</sup>

Dalil bagi kenyataan ini ialah firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبِي وَأَسْتَكَبَرَ  
وَكَانَ مِنَ الْكَفِرِينَ

*Maksudnya: Dan ketika Kami perintahkan kepada para malaikat: sujudlah kalian kepada Adam! Maka mereka pun sujudlah kecuali Iblis. Dia menyangkal dengan sombongnya. Oleh kerana itu, dia termasuk golongan orang-orang yang kafir.*

( Surah al- Baqarah : 34)

<sup>59</sup> Muhammad Rashid Rida. (t.thn). *Tafsir al Manar*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Makrifah.hlm. 530-531

<sup>60</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms. 309.

<sup>61</sup> *ibid*

FirmanNya lagi:

وَلَقَدْ خَلَقْنَاكُمْ ثُمَّ صَوَرْنَاكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ  
فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ لَمْ يَكُنْ مِنَ الْمَسَاجِدِينَ ﴿١﴾ قَالَ مَا مَنَعَكَ  
أَلَا تَسْجُدَ إِذْ أَمْرُتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتِنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ  
طِينٍ ﴿٢﴾ قَالَ فَاهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَأَخْرُجْ إِنَّكَ  
مِنَ الصَّاغِرِينَ ﴿٣﴾

*Maksudnya: Sudah Kami ciptakan kamu, kemudian Kami bentuk rupa kamum lalu kami perintahkan kepada para malaikat, supaya sujud kepada Adam. Mereka pun sujudlah semuanya, kecuali iblis yang tidak mahu sujud. Allah berkata: Apa yang menyebabkan kamu tidak mahu sujud waktu aku perintahkan kepada mu itu? Iblis menjawab: Bukankah aku lebih mulia daripada dia? Bukankah aku telah Kau jadikan dari api, sedangkan dia Kau cipta dar tanah? Tuhan berkata: Pergilah engkau dari syurga ini, Tidak berhak engkau berlaku sompong begitu di tempat ini. Pergilah engkau dari sini! Engkau tergolong mereka yang rendah.*

( Surah al A'raf: 11-13)

Seterusnya:

قَالَ يَتَابِلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدِي أَسْتَكْبِرَ أَمْ  
كُنْتَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٤﴾ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتِنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ  
طِينٍ ﴿٥﴾ قَالَ فَأَخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ

*Maksudnya: Kata Tuhan: Hai Iblis, mengapa lamu tidak mahu sujud kepada manusia yang telah Ku ciptakan? Apakah kau berkepala batu atau menentang? Jawab iblis: Aku lebih baik daripada dia, sebab aku Kau cipta dari api, sedang dia Kau cipta dari tanah. Keluarlah kau dari sini, Kau orang yang terkutuk. Kau akan terus Aku kutuk sehingga hari kiamat.*

(Surah al Sad : 75-76)

Ayat-ayat al-Quran ini menceritakan tentang kisah iblis yang mengingkari perintah Allah. Iblis sebagaimana yang disebut dalam al-Quran menolak dan mengingkari perintah Allah supaya sujud kepada Adam a.s kerana sifat takburnya. Sedangkan iblis mengetahui bahawa suruhan Allah adalah wajib untuk dipatuhi. Oleh sebab itu, Iblis telah menjadi kafir dan murtad.

Pendapat ulama' tentang *murtad qawli* adalah seperti berikut:

- (i) menghina Allah atau menghina nabi-nabiNya ayau menghina Nabi Muhammad s.a.w menyebabkan kafir dan murtad.<sup>62</sup>
- (ii) Sesiapa yang menghina Allah SWT hukumnya kafir sama ada dia melakukannya secara bersungguh-sungguh atau bergurau. Begitu juga dengan sesiapa yang mencela Allah SWT atau ayat-ayatNya atau rasul-RasulNya atau kitab-kitabNya.<sup>63</sup>
- (iii) Sesiapa yang berkata, “ saya tidak berminat dengan hukum Allah atau dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w.” Maka hukum orang yang berkata demikian adalah kafir. Apabila dikatakan kepada mereka: Allah telah menghalalkan seseorang lelaki itu berkahwin empat. Lalu ada yang berkata: saya tidak bersetuju dengan hukum ini. Maka murtadlah orang itu.
- (iv) Jika ada yang berkata: “engkau tidak mampu mengawalnya? Lalu jawabnya: Allah pun tidak mampu mengawalnya inikan pila aku!” Maka dia menjadi kafir dengan perkataan tersebut.
- (v) Seseorang berkata: “Allah sudah tidak ada kerja lainkah, sehingga mencipta perkara seperti ini?” Maka kafir dan murtad orang itu.

---

<sup>62</sup> Ibn Taymiyah. (t.thn). *al-Sorim al-Maslul a'la Shatim al-Rasul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah. ms. 322, 323, 515.

<sup>63</sup> Ibn Hazm. (t.thn). *al Muhalla*. Jil. 11. Beirut: al Maktab al Tijari. ms. 150.

- (vi) Seseorang berkata: “Si fulan itu hamba Allah dan dia mendapat banyak nikmat dan aku juga hamba Allah tetapi aku hidup dalam kesusahan, adakah ini adil?” Maka kafir dan murtad orang tersebut.
- (vii) Jika ada yang berkata: “sekiranya Allah mengarahkan aku untuk melakukan perkara ini maka aku tidak akan lakukannya.” Atau: “sekiranya Allah menyuruh aku sesuatu suruhannya, maka aku tidak akan laksanakannya.” Maka dijatuhkan hukum kafir dan murtad dengan perkataan itu.<sup>64</sup>

Dr Abd al-Karim Zaydan ada menyatakan beberapa perkara penting yang mesti diambil berat oleh seluruh umat Islam. Ini kerana perkara-perkara tersebut boleh menyebabkan murtad sama ada diucapkan dalam keadaan redha atau dalam keadaan marah. Perkara-perkara tersebut ialah:<sup>65</sup>

- (i) sesiapa yang berkata: “ mengapakah wahai Allah, Engkau cabut nyawa anak kecil yang merupakan anak tunggal kepada ibunya, dan Engkau biarkan si tua yang mensia-siakan umurnya terus hidup?”

Ini adalah perkataan kufur dan murtad, dan orang yang mengucapkannya dihukum murtad. Jatuh hukum murtad ini kerana ia menunjukkan penentangan terhadap qadar Allah dan kehendakNya. Selain itu, kenyataan tersebut juga mengandungi penentangan kepada hikmah Allah dan keadilanNya. Sesungguhnya semua ini adalah kufur dan murtad.

- (ii) Kata-kata: “Mengapakah wahai Tuhan Engkau menguji hambaMu yang soleh ini dengan sakit, dan Engkau beri kesihatan kepada si fulan yang zalim dan melampau?”

Ini adalah perkataan kufur dan murtad kerana ia menunjukkan penentangan kepada hikmah Allah dan keadilanNya.

---

<sup>64</sup> Jama’ah min Ulama’ al-Hind. (1310h). *Al-Fatawa al-Hindiyah*. Jil.2. Misr: al Matba’ah al-Amiriyyah. ms. 261

<sup>65</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar’ah*. Jil.5. Beirut: Mu’asasah al Risalah. ms. 312.

- (iii) “ Si fulan tidak berhak diturunkan ke atasnya bala.”

Ini adalah perkataan kufur dan murtad kerana ia menunjukkan kepada penentangan hikmah Allah dan keadilanNya.

- (iv) Siapa yang berkata: “Syariah Islamiah adalah syariat yang kolor dan ketinggalan zaman dan tidak sesuai untuk dilaksanakan.”

Ini adalah perkataan kufur dan murtad kerana menolak syariat Allah SWT (Islam), iaitu syariat terakhir yang wajib diikuti dan dilaksana.

- (v) Siapa yang berkata: “Sekiranya datang kepada ku Muhammad ibn Abd Allah s.a.w dan menyuruh ku buat perkara ini, aku tidak akan lakukannya sama sekali.”

Perkataan ini memurtadkan orang yang menuturkannya kerana taat kepada Rasul adalah taat kepada Allah. Barang sesiapa yang tidak mentaati Rasul adalah kafir dan murtad.

Contoh ucapan lain yang boleh menyebabkan murtad ialah seperti: “menutup aurat untuk wanita adalah bertentangan dengan hak kebebasan wanita dan tidak sesuai untuk wanita zaman moden ini.”

Ucapan yang dinyatakan ini adalah beberapa contoh yang boleh menyebabkan seseorang itu murtad. Oleh itu, sebagai setiap perlu berhati-hati dalam pertuturan.

### **iii. Perbuatan (*Murtad Fi'li*)**

Ada beberapa kaedah yang digunakan dalam menentukan perbuatan yang membawa kepada murtad iaitu:

Semua perbuatan yang menunjukkan penghinaan atau pencelaan atau kutukan atau memperkecilkan Allah atau agamaNya atau rasulNya atau menolak hukum yang sudah diketahui umum kerana sesuatu kepentingan (*ma'lum min al din bi al- darurah*).<sup>66</sup>

Menurut Shaykh al-Sharbini perbuatan yang menyebabkan seseorang itu kafir ialah sekiranya si pelaku bermaksud untuk menghina Islam secara terang-terangan atau penentangan seperti meletakkan najis di atas al-Quran. Perbuatan seumpama ini secara terang-terangan memperkecilkan kalam Allah SWT. Memperkecilkan kalam Allah membawa maksud memperkecilkan Allah SWT. Ini meliputi juga perbuatan sujud kepada berhala atau matahari atau sebagainya daripada kalangan makhluk.<sup>67</sup>

Begitu juga dengan orang yang meletakkan al-Quran di tempat yang rendah dengan tujuan menghinanya. Selain itu, sesiapa yang melakukan cara penyembahan penganut sesuatu agama dalam keadaan dia sedar dan mempunyai niat melakukannya maka hukumnya kafir dan murtad.

Dalam enakmen Jenayah Syariah beberapa buah negeri di Malaysia<sup>68</sup> ada menyatakan dengan jelas perbuatan yang menyebabkan murtad.<sup>69</sup> Antara perbuatan itu ialah:

- (i) pemujaan terhadap sesuatu seperti pantai, pokok, padang kubur, hutan, bukit, orang atau apa-apa benda yang bercanggah dengan hukum syara'.<sup>70</sup>
- (ii) Seseorang Islam dengan sengaja melalui perkataan atau perbuatan atau apa cara pun mengaku hendak keluar daripada Islam atau mengisyiharkan dirinya bukan orang Islam.<sup>71</sup>

<sup>66</sup> *Ibid.* ms. 313.

<sup>67</sup> al- Sharbini (t.thn) *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil.4. Beirut: Dar al- Fikr. ms. 136.

<sup>68</sup> Enakmen Jenayah Syariah ( negeri Kelantan) 1985; Enakmen Jenayah Syariah (negeri Kedah) 1988; Enakmen Jenayah Syariah Dalam Syarak ( negeri Perlis) 1991; Enakmen Kesalahan Syariah (negeri Melaka) 1991; Enakmen Jenayah Syariah ( Negeri Sembilan) 1992; Enakmen Jenayah Syariah 9 negeri Perak) 1992.

<sup>69</sup> Walaupun terdapat kesalahan mengenai murtad diperuntukan, namun hukuman yang dikenakan tidak mengikut ketentuan syara'

<sup>70</sup> Enakmen Kesalahan Syariah ( negeri Melaka) 1991; Seksyen 36; Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, Seksyen 47; Enakmen Jenayah Syariah ( Negeri Perak) 1992, Seksyen 8.

- (iii) Sesiapa melalui perkataan, tulisan, isyarat atau pernyataan zahir atau sebarang perbuatan atau kelakuan dengan apa cara sekalipun, mencela atau menghina atau cuba melakukan, mempersenda atau mengejek-ngejek amalan atau upacara yang berkaitan dengan agama Islam, adalah melakukan satu kesalahan.<sup>72</sup>
- (iv) Sesiapa yang mempersenda, mencela, mengejek-ngejek atau menghina dengan perkataan atau perbuatan ayat-ayat al-Quran atau hadis adalah melakukan satu kesalahan.<sup>73</sup>

### **3 Meninggalkan Sesuatu ( Tinggalan)**

Kaedah untuk menentukan bagaimana boleh murtad kerana meninggalkan sesuatu ialah:

Meninggalkan sesuatu perbuatan atau perkataan yang menunjukkan kepada kufur orang yang meninggalkannya sekiranya dia meninggalkannya kerana keingkaran atau penolakan syara' secara takabbur atau tidak mempercayainya.<sup>74</sup>

Dalam kitab *Kashshaf al-Qanna* daripada fiqh Hanbali dinyatakan bahawa: kecuali solat, sekiranya dia (orang yang meninggalkan solat) diajak oleh pemerintah atau pembantunya kepada solat, dan dia enggan melakukannya sehingga akhir waktu solat yang diajak itu, atau dia meninggalkan syarat atau rukun solat yang disepakati oleh fuqaha', maka dia dihukum bunuh kerana kafir, setelah diminta agar bertaubat.<sup>75</sup>

Individu yang tidak melaksanakan hukum Allah yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan alasan kononnya syariat Islam itu mundur, jumud dan

<sup>71</sup> Enakmen Jenayah Syariah ( Negeri Sembilan) 1992, Seksyen 50; Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Perak) 1992, Seksyen 13.

<sup>72</sup> Enakmen Kesalahan Syariah ( Negeri Melaka) 1991, Seksyen 63; Enakmen (Jenayah) Syariah (Negeri Perak) 1992, Seksyen 14.

<sup>73</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Seksyen 61; Enakmen Jenayah Syariah ( Negeri Sembilan) 1992, Seksyen 49; Enakmen ( Jenayah) Syariah ( Negeri Perak) 1992, Seksyen 15.

<sup>74</sup> Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah. ms. 313.

<sup>75</sup> Al-Bahuti. (1402h). *Kashshaf al Qanna*. Jil 4. Beirut: Dar al-Fikr. ms. 103.

tidak sesuai untuk dilaksanakan di zaman serba moden ini, adalah murtad. Individu yang menganggap bahawa undang-undang ciptaan manusia lebih sesuai untuk dilaksanakan juga tergolong di kalangan orang murtad. Al-Shaykh Said Hawwa menyatakan bahawa antara perkara yang membatalkan syahadah ialah membuat undang-undang menurut kehendak manusia dan bukan menurut kehendak serta ketentuan yang telah digariskan oleh Allah.<sup>76</sup>

Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَفِرُونَ ﴿٤٤﴾

*Maksudnya: Sesiapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka lah orang-orang kafir.*

( Surah al Maidah : 44)

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

*Maksudnya: Sesiapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka lah orang-orang yang zalim.*

( Surah al Maidah : 45)

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسِقُونَ ﴿٤٧﴾

*Maksudnya: sesiapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka lah orang-orang yang fasik.*

(Surah al Maidah : 47)

Istilah kafir, zalim dan fasik dalam ayat-ayat tersebut adalah seerti berdasarkan firman Allah SWT:

---

<sup>76</sup> Hawwa. (1992). *Al- Islam: Syahadah dan perkara-perkara yang membatkannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. ms. 148.

وَالْكَفِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

*Maksudnya: Dan orang-orang kafir itulah orang-orang yang zalim.*

( Surah al-Baqarah : 254)

FirmanNya lagi:

وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسِقُونَ

*Maksudnya: Dan sesiapa yang kufur selepas itu maka mereka lah orang-orang yang fasik.*

( Surah al-Nur :55)

FirmanNya lagi:

وَمَا تَحْجَدُ بِقَاتِلَنَا إِلَّا الْكَافِرُونَ

*Maksudnya: Dan tidak menentang ayat-ayat kami kecuali orang-orang yang kafir.*

(Surah al-Ankabut: 47)

Allah SWT menjadikan fasik berlawanan dengan iman sebagaimana firman-Nya:

بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ

*Maksudnya: Seburuk-buruk nama selepas iman ialah fasik.*

( Surah al-Hujurat : 11)

أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَارَ فَاسِقًا لَا يَسْتَوْدَنَ

*Maksudnya: Adakah orang yang beriman sama dengan orang yang fasik? Bahkan mereka tidak sama!*

( Surah al-Sajadah: 18)

Al-Shaykh al A'zami pula menyatakan bahawa fasik lawannya iman. Fasik lebih umum daripada kafir, dan zalim lebih umum daripada fasik.<sup>77</sup>

Oleh itu, status kafir, zalim dan fasik yang diberikan kepada sesiapa yang tidak mahu melaksanakan hukum Allah adalah sama. Allah SWT berfirman:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا

تَبْخَدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

*Maksudnya: Maka demi Tuhanmu ( Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka suatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.*

( Surah al Nisa4: 65)

Ayat ini secara usulnya menunjukkan bahawa sesipa yang tidak menghukum dengan syariat Allah secara redha dan rendah diri maka dia bukan dari kalangan orang mukmin. Tidak terdapat dalil-dalil lain yang lebih kuat atau sama kekuatannya dengan ayat ini mengenai hukum tersebut. Malahan tidak terdapat dalil selainnya dalam dilalah dan ithbat yang mampu mengeluarkan makna zahir ayat ini kepada yang lain.<sup>78</sup>

<sup>77</sup> Al A'zami, (1990). *Manhaj al-Naqd 'inda al-Muhaddithin Nash'atuhu wa Tarikhuhu*. al-Mamlakat al-Arabiyat al-Su'udiyah: Maktabat al-Kawthar. ms. 31.

<sup>78</sup> Azzam. (1990). *Al-Aqidah wa Atharuha fi Bina' al-Jil*, Beirut: Dar Ibn Hazm. ms. 69.

Ayat ini menerangkan bahawa sesiapa yang tidak menghukum dengan syariat Allah, maka dia terkeluar daripada Islam. Ini adalah kerana penafian iman orang yang tidak menghukum dengan syariat Allah dalam ayat ini adalah penafian iman secara keseluruhan, bukan penafian sebahagian daripada iman.

Ibn Hazm berpendapat bahawa nas ini tidak boleh dita'wilkan dan tidak terdapat nas lain yang boleh mengubah makna zahirnya, dan tiada dalil yang menunjukkan pengkhususannya di dalam beberapa bentuk iman.<sup>79</sup>

Ibn Kathir ketika berhadapan dengan pemerintah yang ingin melaksanakan undang-undang yang dicipta oleh Jinkiz Khan menggantikan undang-undang Islam berkata:

*“Sesiapa yang meninggalkan syariat yang jelas, yang diturunkan ke atas Muhammad bin Abdullah penutup segala nabi, dan mengambil hukum daripada selainnya daripada syariat-syariat yang telah dimansuhkan (syariat-syariat terdahulu sebelum Islam) maka dia menjadi kafir. Bagaimana pula dengan sesiapa yang berhukumkan al-yasa (undang-undang yang dicipta oleh Jinkiz Khan) dan mendahulukannya ke atas syariat Islam. Di mana tanpa syak bahawa ini menjadikan orang itu kufur berdasarkan ijmak para muslimin.”*

Daripada kata-kata Ibn Kathir ini, boleh dibuat kesimpulan bahawa hujah kekufturan orang yang menghukum dengan hukum Islam sebagai Islam menganggap bahawa syariat-syariat terdahulu seperti syariat yang dibawa oleh Nabi Musa, Isa a.s. dan nabi-nabi yang lain adalah dimansuhkan dengan syariat Islam. Sesiapa yang tidak mengikut syariat Islam, seperti orang Yahudi dan Kristian maka dia adalah kafir. Walaupun Yahudi itu mengamalkan kitab Taurat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa sekalipun, namun setelah kedatangan Islam orang Yahudi mestilah menganut agama Islam dan mengikut syariat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Jika mereka enggan, maka mereka adalah kafir. Jika Yahudi itu dikatakan kafir kerana tidak mengikut dan tunduk kepada hukum Islam, walaupun

---

<sup>79</sup> Ibid.. ms 69.

dia mengikut hukum yang diturunkan oleh Allah di dalam Taurat yang asli, bagaimana pula dengan orang yang mengikut hukum yang dicipta oleh manusia?

Hujah yang lain adalah kerana para paderi Yahudi dan Kristian telah melakukan perubahan kepada Taurat dan Injil. Kemudian hukum yang telah diubahsuai itu diikuti oleh penganut Yahudi dan Kristian; maka Allah S.W.T menganggap bahawa orang-orang tersebut telah menjadikan para paderi itu sebagai tuhan. Hal ini terkandung dalam hadis Rasulullah s.a.w.

#### **2.5.4 Kesan Daripada Murtad.**

Apabila seseorang Islam itu telah keluar daripada Islam, maka akan memberi kesan kepada mereka. Antaranya adalah seperti berikut:

##### **i. Harta orang Murtad**

Seseorang yang telah di sabitkan oleh mahkamah melakukan jenayah murtad dan dia enggan bertaubat setelah disuruh bertaubat dan diberi tempoh selama tiga hari untuk bertaubat, maka dalam kes ini hakim bolehlah menjatuhkan serta mengisyiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan semua harta benda yang diperolehinya sebelum atau selepas dia melakukan jenayah murtad itu dirampas dan diserahkan kepada Baitul Mal dan menjadikan hak milik Baitul Mal kerana hasil usahanya semasa dia murtad adalah usaha orang yang dihalalkan darahnya yang tidak dimiliki oleh sesiapa pun.<sup>80</sup>

---

<sup>80</sup> Wahbah al-Zuhaili (terjemahan Dr.Ahmad Shahbari Salamon et.al).(2001). *Fiqh & Perundangan Islam*. Jilid IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms 181.

Menurut Imam Shafie, orang murtad hilang pemeliharaan dirinya dengan sebab murtad. Maka dia wajib dibunuh. Dengan demikian juga hilanglah pemeliharaan harta bendanya. Sekiranya dia kembali memeluk Islam, jelaslah bahawa murtad itu tidak menjadi sebab kehilangan milik; sekiranya dia dibunuh, mati atau masuk ke negara musuh (*harbi*) maka jelaslah bahawa murtad menjadi sebab bagi kehilangan milik semasa ia berlaku.<sup>81</sup>

Menurut Jumhur Fuqaha', harta orang yang murtad tidak boleh diwarisi oleh ahli warisnya yang Islam kerana mereka itu telah berlainan agamanya sekalipun hartanya itu diperolehinya sebelum dia murtad. Menurut Imam Hanafi pula, harta orang yang murtad yang diperolehinya semasa dia Islam adalah dianggap sebagai harta orang Islam yang boleh diwarisi oleh ahli warisnya yang Islam.

Dalam pengurusan harta orang yang murtad, jumhur fuqaha' yang terdiri dari Imam Malik, Hanafi dan Hanbali menyatakan bahawa orang yang murtad tidak boleh melaksanakan pengurusan hartanya malah harta mereka itu selama mereka di dalam murtad hendaklah digantungkan (dibekukan pengurusannya). Sekiranya mereka itu kembali menganut agama Islam maka bolehlah mereka meneruskan pengurusan hartanya itu. Tetapi jika mereka itu mati dalam murtad, maka haknya terhadap hartanya itu adalah terbatas kerana ia melibatkan hak orang lain. Menurut Imam Syafie, semua pengurusan harta orang yang murtad (selama ia di dalam murtad) yang tidak boleh digantung (dibekukan) ialah jual beli, hibah, sewa menyewa, gadai menggadai dan sebagainya. Sementara Imam Abu Hanifah berpendapat mengenai hutang orang yang murtad yang wajib dibayarnya semasa ia di dalam Islam (sebelum ia murtad) wajib dibayarnya dengan harta yang diperolehinya semasa ia Islam dan hutang yang wajib dibayar semasa ia murtad dengan harta yang diperolehinya semasa ia murtad.

---

<sup>81</sup> *Ibid.* ms.182

## ii. Perkahwinan orang yang murtad

Seorang lelaki yang murtad tidak boleh mengahwini mana-mana perempuan sekalipun. Sama ada beragama Islam, kafir ataupun murtad kerana dia wajib dihukum bunuh. Begitu juga dengan perempuan yang murtad tidak boleh mengahwini mana-mana lelaki sama ada beragama Islam atau kafir atau murtad. Menurut mazhab Hanafi perempuan murtad wajib dipenjara dan menurut jumhur ulama' wajib dihukum bunuh.<sup>82</sup> Seseorang suami atau isteri yang telah sabit dalam mahkamah melakukan jenayah murtad, hakim hendaklah mengisyiharkan bahawa perkahwinan mereka itu sudah terbatal. Hal ini kerana dengan sebab murtad salah seorang dari suami isteri maka diwajibkan mereka tadi bercerai kerana orang-orang yang murtad itu adalah orang yang tidak mempunyai pegangan agama sekalipun mereka itu keluar dari agama Islam menganut agama samawi

Sekiranya suami itu bertaubat dan ia hendaklah kembali semula kepada isterinya, wajib dinikahkan semula dengan aqad dan mahar yang baru kerana penceraian di antara suami isteri itu adalah dari sebelah pihak suami dengan kehendak suami itu sendiri iaitu melakukan jenayah murtad. Jumhur fuqaha' berpendapat bahawa penceraian di antara suami isteri disebabkan murtad suaminya adalah dianggap sebagai fasakh kerana penceraian di antara suami isteri itu adalah ditetapkan oleh hukum syara' iaitu bukan dengan sebab dilakukan suami.

Jika seseorang isteri telah murtad wajib difara'kan (diceraikan) dengan suaminya dengan penceraian secara fasakh. Namun, jika sekiranya isteri itu bertaubat dan dia hendaklah kembali semula kepada suaminya, wajib akad nikah dan mahar yang baru dan tidak boleh dikurangkan bilangan talaknya. Jika seseorang yang telah murtad yang hendak berkahwin dengan pasangan dari penganut agama yang baru dianutinya, orang murtad itu wajib dibunuh dan tidak boleh dianggap lagi sebagai kafir *zimmi* yang boleh diberikan perlindungan. Orang-orang yang murtad itu bukan sahaja ia tidak boleh berkahwin malah hak mereka sebagai wali untuk

---

<sup>82</sup> Arieff Salleh Rosman. (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. ms. 64

mengahwinkan perempuan yang dibawah kuasanya juga adalah terbatal dengan sebab murtadnya.

### iii. Hak perwakilan

Wali bagi orang Islam ialah orang Islam juga. Orang kafir tidak boleh menjadi wali kepada orang Islam dalam bidang apapun juga. Maka apabila seorang lelaki murtad maka hilanglah hak perwalian atas anak-anaknya. Ia tidak boleh menjadi wali anak lelakinya yang masih kecil dan tidak boleh mewalikan perkahwinan anak perempuannya<sup>83</sup>. Allah SWT berfirman:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نِصِيبًا مِّنَ الْكِتَابِ يَشْرُونَ الْضَّلَالَةَ  
وَيُرِيدُونَ أَنْ تَضِلُّوا أَلَّا سَبِيلَ

*Maksudnya: “Allah sama sekali tidak memberi jalan kepada orang-orang kafir buat menguasai orang-orang yang beriman.”*

(Surah an-Nisa’: ayat 44)

### iv. Hak persaksian

Dalam kebanyakan urusan orang-orang Islam disyaratkan bahawa oarang yang hendak menjadi saksi mestilah orang Islam yang adil. Orang Islam yang fasik tidak diterima menjadi saksi. Orang kafir tidak boleh menjadi saksi walaupun ia kafir *zimmi* kecuali dalam perkara wasiat orang Islam yang hendak meninggal dunia dalam perjalanan apabila tidak ada orang Islam.<sup>84</sup>

---

<sup>83</sup> Abdul Ghani Azmi b. Idris. (1997). *Mengenal Qanun Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher. ms.44  
<sup>84</sup> *Ibid.* ms.45

#### v. Hak dalam pimpinan dan jawatan

Bagi jawatan pemimpin, pengurus dan pelindung orang Islam hendaklah terdiri daripada orang Islam. Sebagaimana orang kafir adalah pemimpin bagi orang kafir.<sup>85</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah. Ayat 55:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُونَ الزَّكَوةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

*Maksudnya: “Sesungguhnya wali kamu hanyalah Allah dan rasulnya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat serta mereka tunduk kepada Allah SWT.”*

Jika seseorang itu murtad selepas menjadi pemimpin atau pengurus bagi orang Islam, maka dengan murtadnya itu ia secara hukumnya telah kehilangan peranannya dan sudah tidak terhad lagi untuk memimpin dan mengurus orang-orang Islam.

#### 2.5.5 Faktor-faktor

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang gejala dalam masyarakat. Ia terbahagi kepada beberapa faktor dalaman dan faktor luaran.

##### a. Faktor Dalaman

###### i. Kurang didikan agama/jahil

Umat Islam di Malaysia mempunyai ruang yang cukup banyak untuk menimba ilmu agama. Walau bagaimanapun, peluang ini tidak dimanfaatkan dengan

---

<sup>85</sup> *Ibid.* ms 46

sebaiknya oleh golongan muda dan cerdik pandai. Penekanan sistem pendidikan hari ini lebih menjurus kepada kesepaduan ilmu Sains dan Teknologi dengan meletakkan ilmu agama dalam kelas kedua. Dilihat sebagai kelemahan umat Islam kerana kegagalan memelihara keislaman dan mengerjakan segala perintah Allah SWT. Contohnya ramai kalangan remaja memandang mudah ibadah solat malah ada yang langsung tidak tahu mengerjakannya. Hal ini menyebabkan diri mereka terdedah melakukan lebih banyak dosa, melemahkan keislamannya dan meletakkan agamanya di tempat yang rendah. Keadaan inilah menyebabkan golongan remaja kita mudah terpesong akidahnya dan ada yang menjadi murtad.

Akibat kejahilan dan juga tidak faham tentang hakikat ajaran Islam serta syariatnya menyebabkan nilai kehidupan manusia mundur ke belakang, lalu manusia mencari alternatif lain untuk memenuhi ruang lingkup kehidupan. Manusia tidak menyedari bahawa sebenarnya mereka telah terjebak di dalam perangkap kehidupan dan tidak tahu memilih yang mana satukah jalan yang sepatutnya mereka harungi. Akibat dari kejahilan juga menyebabkan mereka lebih cenderung memilih kekufuran daripada memilih keimanan dalam kehidupan.<sup>86</sup>

Selain itu juga, disebabkan oleh kecetekan ilmu dan iman, maka seseorang itu digolongkan dalam kategori jahil dari segi akidah. Ini akan menyebabkan umat Islam meragui dan tidak menyakini akan kekuasaan Allah SWT Ia juga akan mendorong seseorang itu taksub dan sukar menerima pandangan serta teguran daripada orang lain. Di samping menyebabkan umat Islam mundur dalam semua aspek kehidupan. Keadaan ini sukar diubah dalam masa yang singkat sebaliknya ia memerlukan proses pemulihan dan pemantauan yang berterusan.

---

<sup>86</sup> Muhammad Isa Selamat (1998). *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: terbitan Darul Nu'man. ms. 59

## ii. Percintaan / Perkahwinan / Perceraian

Antara faktor lain yang menyebabkan murtad di kalangan umat Islam ialah percintaan. Terdapat remaja yang terjebak dalam amalan percintaan antara *non-muslim*. Walaupun terdapat pendidikan agama yang secukupnya, akibat daripada masalah percintaan mereka terjebak dalam gejala murtad. Adalah malang apabila mendapati remaja yang terlibat merupakan remaja yang cukup kasih sayang, terpelajar dan menutup aurat, bukannya remaja liar yang tiada arah dan tujuan. Sebagai contohnya kisah Aishah Bokhari yang kini sudah sepi dan semakin dilupakan. Keengganan teman lelakinya untuk memeluk agama Islam telah membawa kepada kemelut ini.

Seterusnya gejala murtad juga berlaku disebabkan faktor perkahwinan, sama ada lelaki bukan Islam atau wanita bukan Islam ingin berkahwin dengan pasangan hidup mereka yang beragama Islam. Akibat perasaan cinta yang membara di dalam hati sanubari, seseorang itu sanggup menggadaikan maruah agama demi cinta sebegini. Misalnya kisah Lina Joy atau nama sebenarnya Azlina Jelani yang menyatakan hasratnya untuk berkahwin dengan seorang pemuda India beragama Kristian, dan meminta untuk didaftarkan perkahwinan tersebut untuk mengesahkan perkahwinan beliau. Selepas berkahwin dengan seorang Kristian, beliau memohon untuk mendaftarkan perkahwinannya, tetapi tidak dibenarkan kerana di dalam Kad Pengenalan masih tertulis beliau seorang yang beragama Islam. Beliau berusaha untuk menghilangkan perkataan agama Islam tersebut dengan permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.<sup>87</sup>

Sesetengah kes murtad yang melibatkan saudara baru pula berpunca dari perkahwinan. Antaranya mahu berkahwin dengan gadis atau lelaki Islam. Sekiranya pasangan yang dipilihnya mempunyai latar belakang agama yang baik maka ia mungkin tidak menimbulkan sebarang masalah kerana suami atau isterinya boleh membimbangi pasangannya.<sup>88</sup>

---

<sup>87</sup> Harakahdaily. Julai 17, 06 6.05 PM

<sup>88</sup> Muhammad Isa Selamat. (1998). *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: terbitan Darul Nu'man. ms 57

Tetapi masalah mungkin timbul apabila pasangan baru itu gagal melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya. Kekecewaan dan masalah yang dihadapinya akan menyebabkan seseorang itu mudah hilang pertimbangan tidak terkecuali para saudara baru yang masih lagi terkapi-kapai mencari arah hidup sebagai seorang Islam. Walaupun dari segi niatnya tidak begitu sempurna tetapi pengislaman kerana faktor perkahwinan perlu diterima dengan hati terbuka dan disusuli dengan usaha-usaha pemantapan akidah.

Selain itu, Zulkifli Nordin, seorang peguam bela, peguam cara dan peguam syarie, di pejabatnya di Kuala Lumpur turut menyeru Jabatan Agama Islam agar lebih bijak menangani kes-kes rumah tangga yang semakin serius. Banyak kes yang diajukan kepada Zulkifli berkaitan dengan kes isteri memilih murtad sebagai jalan penyelesaian perceraian. Misalnya, apabila seseorang wanita melaporkan penderaan yang dilakukan oleh suaminya kepada Jabatan Agama Islam, seharusnya pagawai Jabatan Agama bertindak segera sebelum wanita sebegini mengambil tindakan drastik yang lain, antaranya ialah mereka memilih jalan untuk murtad agar ikatan perkahwinan ini terbubar.<sup>89</sup>

Sesungguhnya serangan kepada umat Islam supaya terpesong akidahnya datang dari pelbagai bentuk termasuk psikologi. Sekiranya umat islam memahami ajaran Islam yang sebenar, sudah tentu hal sebegini tidak akan terjadi walau sehebat mana pujuk rayunya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

*Maksudnya: Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu Yang telah menciptakan kamu dan orang-orang Yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.*

(surah Al-Baqarah : 21)

---

<sup>89</sup> Aninah Janang. November 2006. *Mastika: Ramalan Zulkifli Nordin Ternyata Benar.* ms 52

Selain itu, Islam juga tidak sekali-kali mengiktiraf perkahwinan yang dibina di atas dasar cinta, tanpa memperdulikan maruah agama. Ajaran Islam tidak berkompromi dengan mana-mana ajaran lain kerana agama Islam sudah lengkap dan tidak memerlukan sebarang penambahan daripada mana-mana ajaran lain.

Firman Allah SWT:-

يَتَأْكُلُهَا الظَّالِمُونَ إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ بَخِسْنُ

*Maksudnya: “Wahai orang-orang Yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis”*

(Surah Al-Taubah: 28)

### iii. Ibu Bapa

Gejala murtad juga berpunca daripada rumah di mana para ibu bapa tidak mendidik anak-anak mereka dengan didikan yang sempurna kerana zaman yang begitu menuntut ibu bapa bekerja menyebabkan pendidikan anak-anak tidak dapat dipenuhi sepenuhnya dan diserahkan kepadanya. Malahan mereka sebahagiannya menyerahkan tanggungjawab mendidik anak mereka kepada orang gaji atau pembantu rumah. Sebahagiannya pula tidak mempunyai kemahiran dan mengasuh anak terutamanya mengenai jiwa remaja, mental dan perkembangan fizikal anak-anak mereka. Ibu bapa tidak memahami cara didikan masa kini di mana remaja kini lebih cepat berubah disebabkan era kegemilangan teknologi maklumat yang serba canggih. Ini menyebabkan kurangnya kasih sayang menyebabkan hubungan kekeluargaan tidak intim dan menyebabkan anak-anak mencari kasih sayang dan perhatian dari luar. Ibu bapa tidak memberi perhatian yang cukup kepada anak-anak mereka. Oleh yang demikian, para ibu bapa perlulah memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik anak-anak mereka ketika masih kecil lagi dengan kehidupan yang berlandaskan syariat Islam agar pengetahuan mereka mengenai agama kukuh bersemadi di hati mereka.

Ini bersesuaian dengan Firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 78 iaitu:

90

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَتُكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمْ  
الْأَسْمَعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْعَدَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

*Maksudnya: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur”*

Selain itu, terdapat kes anak-anak hasil perkahwinan campur dan diabaikan oleh keluarga cenderung untuk kembali kepada agama asal ibu atau ayahnya. Hal ini menunjukkan ceteknya pengetahuan agama ibu dan ayah yang masih mengamalkan budaya hidup lama menyumbang masalah murtad dalam kalangan remaja. Sebagai contoh iaitu Mohd Yunus Kassim, berusia 62 tahun mendakwa dia murtad sejak berumur 13 tahun dan memohon bertukar agama kepada Buddha di Pejabat Agama Islam daerah Tampin tetapi tidak dibenarkan pada 1974. Beliau merupakan anak kepada pasangan Che Putih dan lelaki Cina Goh Fook Heng yang memeluk Islam dan menukar namanya kepada Kassim Abdullah. Menurutnya, beliau berkahwin dengan seorang wanita Cina, Yan Joo Eng, 60, mengikut adat Cina dan memperoleh enam anak berusia antara 29 hingga 39 tahun.<sup>91</sup>

Majalah Mastika turut melaporkan seorang gadis (Shikin) hampir-hampir murtad kerana keliru dengan status dirinya. Ianya disebabkan ibunya pernah murtad dan berkahwin dengan seorang Kristian. Hasil dari perkahwinan tersebut, maka beliau dilahirkan. Namun sebelum kelahirannya, ibunya telah kembali memeluk Islam. Konflik terjadi semasa hari pernikahannya. Rahsia terbongkar apabila datuknya menceritakan kisah yang sebenarnya. Kekesalan yang dirasakan menyebabkan Shikin berasa tertekan sehingga tahap dia ingin menukar agamanya

---

<sup>91</sup> New Strait Times. 9 Mac 2006

dan berfahaman *free thinker*. Rumahtangganya huru hara dan hancur akibat seringkali berlaku pertelingkahan.<sup>92</sup>

Sesungguhnya, apabila anak-anak meningkat remaja maka pendidikan agama yang sempurna semasa kecil oleh keluarganya akan menghindarkan mereka daripada murtad. Rasulullah s.a.w bersabda dalam hadisnya yang bermaksud:

*“Didiklah anak kamu pada tiga perkara : Mencintai Nabi kamu, ahli baitnya dan membaca al-Quran. Kerana sesungguhnya orang-orang yang memelihara Al-Quran berada di dalam lindungan sinngahsana Allah ada hari tidak ada perlindungan kecuali perlindungan Allah serta para nabiNya dan orang-orang yang suci”.*

(Riwayat At-Tabrani)

#### iv. Ekonomi Keluarga / Peribadi

Manusia yang dihimpit kesempitan hidup juga boleh mengakibatkannya menggadaikan agama demi meneruskan kehidupan. Malah tuntutan hidup di zaman materialistik seperti hari ini mendorong ramai orang Islam menjadi murtad.

Antaranya kisah seorang gadis bernama Lisa (bukan nama sebenar) di Pulau Pinang yang memerlukan pekerjaan. Setelah puas mencari, akhirnya dia ditawarkan bekerja di kelab malam dan turut disediakan tempat tinggal. Kesan dari pergaulan bebas dan desakan hidup menyebabkan ramai di antara teman-temannya memilih murtad agar mereka memperolehi kemewahan hidup dalam tempoh yang cepat.<sup>93</sup>

---

<sup>92</sup> Wan Mohd. Hafiz Wan Hamzah, Mastika (Disember 2006), *Jadi Free Thinker, Hampir Murtad*, Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd.ms 16.

<sup>93</sup> Aninah Janang, Mastika (Disember 2006), *Tolong Selamatkan Gadis-Gadis Pulau Pinang*, Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd. ms 93.

Selain itu, kisah golongan ibu tunggal yang terjebak dengan gejala murtad di Kuala Terengganu suatu ketika dahulu. Ada di antara mereka yang sudah memeluk agama lain tetapi masih kekal bertudung dan pergi ke masjid untuk mengabui mata masyarakat. Agak sukar untuk mengecam kelompok ini kerana mereka masih mengekalkan pemakaian tudung dan menjalankan aktiviti ibadah seperti orang Islam yang lain seperti pergi ke masjid dan sebagainya, sedangkan dalam masa yang sama, mereka memakai lambang salib pada leher mereka. Golongan ini dibantu oleh pihak agama lain dari segi perniagaan dan diberikan segala macam kemewahan. Selain itu, sekiranya mereka sudah membuat upacara menyerahkan diri kepada 'Tuhan', semakin banyak kemewahan yang akan mereka perolehi.<sup>94</sup>

Rasulullah s.a.w pernah menyatakan tentang hakikat hidup yang dibelenggu kemiskinan atau kefakiran merupakan suatu wabak yang boleh menyebabkan seseorang itu boleh menjadi kafir.<sup>95</sup> Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:-

*"Hampir-hampir kefakiran itu boleh menyebabkan kekufturan."*

(Riwayat al-Baihaqi)

## b. Faktor Luaran

Seterusnya, di antara faktor luaran yang menjadi penyebab berlakunya kes murtad ialah:

### i. Persekutaran

Taktik menyelewengkan akidah umat Islam kini kebanyakannya menggunakan kaedah yang licik serta sukar dikesan jika tidak diperhalusi dengan

---

<sup>94</sup> Sahidan Jaafar, Mastika (November 2006), *Kami Perjudikan Akidah Untuk beri Makan Anak-Anak!*, Kuala Lumpur, Utusan Karya Sdn. Bhd. ms 40

<sup>95</sup> Muhammad Isa Selamat. (1998). *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: terbitan Darul Nu'man. ms. 56

lebih mendalam. Selain menjadikan golongan miskin serta remaja sebagai sasaran, golongan kufar ini juga menjadikan golongan peniaga yang terdesak untuk menggunakan wang sebagai sasaran mereka. Misalnya, kira-kira 300 hingga 400 peniaga Islam di sekitar Muar turut dikhawatir terpengaruh dengan tawaran pihak tertentu yang bertujuan untuk memesongkan akidah mereka.

Pihak tersebut menawarkan secara percuma bantuan kewangan sehingga RM 50,000 kepada peniaga Islam yang gagal membayar hutang Tai Long atau along dengan syarat mereka perlu mengisi borang yang disediakan pihak berkenaan.

Kebanyakan peniaga terbabit berhutang dengan along sekitar RM15,000, bagaimana pun disebabkan kadar faedah yang tinggi iaitu 15 hingga 30 peratus yang dikenakan secara harian menyebabkan hutang mereka meningkat secara mendadak sehingga mencecah RM 50,000 dalam masa beberapa bulan sahaja.

Pihak-pihak tertentu ini cuba merosakkan akidah umat Islam ini disyaki mempunyai hubungan dengan along. Ini kerana mereka boleh mengesan peminjam yang gagal membayar hutang along ini. Walaupun pihak terbabit tidak memaksa mereka menukar agama kepada Kristian tetapi lambang salib pada borang berkenaan telah menimbulkan keraguan di hati peminjam-peminjam tersebut. Sekiranya mereka menerima tawaran ini dan mengisi borang tersebut maka dikhawatir akidah mereka akan rosak, inilah perancangan halus yang dilakukan pihak-pihak tertentu dalam usaha untuk merosakkan akidah umat Islam.<sup>96</sup>

## **ii. Rakan Sebaya**

Bagi golongan remaja, keterlibatan mereka dalam social persekitaran menyebabkan mereka gemar dan terpengaruh dengan rakan sebaya mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan kurangnya perhatian dan kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa di rumah. Akibatnya mereka mencari sesuatu yang boleh mengisi

---

<sup>96</sup> [http://www.harakahdaily.net/ Peminjam along diajak murtad Salman Hussin MUAR, 7 Nov \(Hrkh\)](http://www.harakahdaily.net/ Peminjam along diajak murtad Salman Hussin MUAR, 7 Nov (Hrkh))

kekosongan hidup dan bersesuaian dengan minat mereka. Justeru unsur-unsur murtad berjaya mempengaruhi mereka melalui pemikiran, perbuatan dan sebagainya. Bahkan keretakan rumahtangga serta perceraian yang berlaku di kalangan ibu bapa menyebabkan anak-anak semakin liar seterusnya mencari ketenangan dan hiburan di luar rumah tanpa pemantauan.<sup>97</sup> Dengan kata lain ibu bapa tidak mampu menjadi suri teladan yang baik kepada anak-anak.

### iii. Gerakan Kistianisasi / Modernisasi

Bagi Dr. Chandra Muzaffar pluralsime bermaksud kepelbagaiannya dan ini tidak menimbulkan masalah dalam Islam. Namun hal ini menjadi bahaya sekiranya menyamakan semua agama sebagai sama. Kini terdapat fahaman yang berkembang iaitu menganggap Islam sama seperti agama lain sedangkan kita wajib beriktiqad bahawa agama yang diterima Allah ialah Islam. Ini telah ditegaskan menerusi al-Quran:

إِنَّ الْدِيَنَ عِنْدَ اللَّهِ أَلَا سُلْطَانٌ

*Maksudnya: “Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam”*

(Surah Ali-Imran: 19)

Masalah pluralisme dan liberalisme telah diperbahaskan oleh Datuk Seri Harussani Zakaria dalam Muzakarah Ulama di Perak. Pluralisme yang dimaksudkan oleh beliau adalah kewujudan satu pemikiran yang mengiktiraf bahawa semua agama adalah sama, menuju kepada kemuncak ‘kebenaran yang sama’. Segala bentuk ibadat, aktiviti agama merupakan ‘bentuk’ yang berbeza-beza. Sebagai contoh, sekiranya Islam menunaikan ibadat dengan cara solat, dan sebagainya, manakala penganut Budhha pula beribadat dengan hadir ke kuil, penganut Kristian hadir dan

---

<sup>97</sup>Temubual Mohd Azam mohd Adil dengan Profesor Dr. Mohd Hatta Saharom, Presiden Jamaah Islah Malaysia di pejabat JIM pada 31.03.03.

bertafakur di gereja setiap hari Ahad, dan pelbagai lagi bentuk ibadat yang wujud di muka bumi ini. Menurutnya mereka yang berpegang kepada pemahaman ini, semua bentuk ibadat itu benar dan diiktiraf, kerana menuju kepada satu ‘kebenaran yang hakiki’, iaitu Tuhan. Bagi umat Islam Tuhannya ialah Allah.<sup>98</sup>

Fenomena pluralisme perlu dikawal kerana boleh membahayakan akidah umat Islam. Kesan kritikal yang bakal wujud ialah Islam itu sendiri sudah tidak lagi dianggap sakral atau agama wahyu yang diturunkan Allah melalui malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad dan agama terakhir yang kekal sehingga hari Kiamat. Justeru, sebagai umat Islam, pemahaman agama Islam yang benar perlu berpandukan autoriti yang sah dalam agama dan perpandukan sumber yang benar. Apabila wujudnya keyakinan bahawa ada agama mahupun pemahaman selain Islam yang benar. Maka ia tanda umat Islam lemah iman dan hampir kepada syirik mahupun murtad.<sup>99</sup>

Selain itu *Harakahdaily* mendedahkan, terdapat gerakan memurtadkan remaja Islam sedang giat di Seremban 2 dengan usaha lebih agresif dan berani mendekati golongan sasar terutamanya relaja lingkungan usia 17 hingga 25 tahun. Penggerusi Jawatankuasa Surau *Garden Homes*, Azman Basra, mendakwa kewujudan kumpulan memurtadkan ini dikesan beroperasi di sebuah premis kedai dua tingkat berhampiran sebuah tokong Buddha di Bandar Seremban 2. Kumpulan ini menjadikan golongan remaja sebagai sasaran kerana bagi mereka kelompok remaja lebih mudah didekati berbanding golongan remaja yang lebih kuat pegangan akidahnya, kata Azman dalam satu pengumumannya di surau tersebut baru-baru ini.

Golongan Kristianisasi ini menawarkan ganjaran berupa wang saku kepada remaja yang mahu murtad, malah mereka juga ditawarkan khidmat seks (bagi yang lelaki akan mendapat perempuan, dan yang perempuan akan mendapat pasangan lelaki) dan telefon bimbit,” dakwanya. Akibat tawaran yang agak lumayan ini, beliau mendapat maklumat ramai remaja dan taman-taman sekitar Seremban 2 murtad dan

<sup>98</sup> [www.malaysia-today.net/Blog-s/2006/06/respon-islam-terhadap-pluralisme.htm](http://www.malaysia-today.net/Blog-s/2006/06/respon-islam-terhadap-pluralisme.htm), 2.00pm, 2 jun 07

<sup>99</sup> Harian Metro *islam itu sempurna, jangan samakan dengan agama lain. Rosak akidah kita nanti* 10 July 2006.

bilangannya cukup besar. Menurut Azman, ada kes di mana seorang remaja yang dikatakan telah murtad hingga tidak dapat mengucap dua kalimah syahadah kerana dakwanya meminum sebotol air yang dinamakan '*Holy Water*'. Berikutnya perkembangan yang membimbangkan itu jawatankuasa surau kini sedang membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi menghalang usaha memurtadkan remaja ini agar tidak akan dapat berkembang, kata Azman.<sup>100</sup>

Negara pernah dikejutkan dengan pengakuan seorang wanita yang pernah murtad namun telah kembali ke pangkal jalan. Perempuan tersebut yang dikenali dengan nama Raja Sharina, merupakan seorang wanita Melayu berusia 30-an telah menemui Mufti Perak, Datuk Seri Harussani di pejabatnya, Ipoh, Perak. Kedatangan wanita itu agak mengejutkan kerana sebaik bertemu, tanpa berselindung wanita itu berkata, tujuannya datang berjumpa beliau adalah untuk membuat pengakuan. Beliau telah murtad dan pernah menjadi mubaligh bagi pertubuhan agama lain untuk menarik orang ramai memeluk agama tersebut. Wanita itu juga membuat pengakuan, bahawa beliau bukanlah daripada golongan biasa, tetapi daripada golongan yang berkedudukan dan anak seorang VVIP.

Penglibatannya dalam kerja-kerja kebajikan banyak menemukan beliau dengan pelbagai pertubuhan. Tidak lama selepas itu, wanita tersebut terlibat dengan kerja-kerja sosial di bawah naungan badan kebajikan yang dipelopori majoritinya daripada kalangan bukan Islam. Ahli badan kebajikan itu ternyata begitu baik terhadapnya.

Namun, kata wanita itu, dia sedikit hairan apabila ada di kalangan ahli-ahli sering berbual tentang topik agama bila bersempang bersamanya. Rupa-rupanya, kumpulan tersebut bukan sahaja meletakkan kerja-kerja kebajikan sebagai agenda utama, tetapi turut menjalankan aktiviti dakyah agar orang ramai menganut agama mereka.

---

<sup>100</sup> [harakahdaily.net/ remaja disogok wang, perempuan, telefon bimbit supaya murtad?](http://harakahdaily.net/remaja-disogok-wang-perempuan-telefon-bimbit-supaya-murtad) Wan Nordin Wan Yaacob

Wanita itu mengakui, ada di kalangan ahli yang turut memberikan dakyah kepadanya dan meminta beliau meninggalkan Islam dan memeluk agama mereka. Tanpa disedari sedikit demi sedikit, beliau mula terpengaruh, akhirnya meninggalkan Islam dan seterusnya menganut agama mereka. Kata wanita itu lagi, beliau kemudiannya dihantar ke Singapura untuk mendalami ajaran agama tersebut.

Sekembalinya dari Singapura, wanita itu diberi tugas untuk menjalankan dakyah, terutama terhadap individu yang sebangsa dengannya, iaitu orang-orang Melayu. Setakat ini, wanita tersebut mengakui telah berjaya menarik seramai lebih 500 orang Melayu memeluk agama tersebut. Kata Datuk Seri Harussani lagi, wanita itu memberitahu, antara golongan yang menjadi sasaran mereka adalah remaja, pekerja kilang, pelajar-pelajar yang tidak dapat menyambung pelajaran atau keciciran serta penagih dadah.

Sambung Dato' Seri Harussaini, wanita itu turut mendedahkan ada gerakan yang mensasarkan golongan remaja pengikut aliran black metal untuk didekati dan dimurtadkan. "Setakat ini, mengikut fakta, terdapat hampir 13,000 remaja Melayu yang terlibat dalam kegiatan black metal. Saya diberitahu wanita tersebut, golongan ini sedang didekati secara berperingkat-peringkat sehingga ke tahap meninggalkan Islam. "Saya sebut dan tunjukkan tempat-tempat tersebut kepada beberapa pihak, namun tidak ada sesiapa yang mahu percaya. Daripada maklumat yang saya perolehi, setiap hari minggu, di beberapa buah supermarket di kawasan tempat-tempat permainan, di situ lah mereka menjalankan aktiviti 'memulihkan' pemuda-pemudi kumpulan black metal yang kebanyakannya terdiri daripada remaja berbangsa Melayu," ucapnya lagi.

Kegiatan memurtadkan anak-anak Melayu ini, kata wanita itu kerap dijalankan di sekitar negeri Johor, Selangor, terutamanya di Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur misalnya, kata Harussani, wanita itu mendakwa sudah hampir 20 ribu orang Melayu murtad secara senyap-senyap hasil daripada gerakan dan aktiviti dakwah tempat tersebut.

Wanita itu turut membawa dokumen serta gambar-gambar rumah ibadat tempat mereka menjalankan operasi. Jelas wanita tersebut, kumpulannya juga sudah mengenal pasti beberapa buah tempat yang menjadi lubuk untuk mereka 'memancing'. Bagaimanapun, selepas bertahun-tahun murtad, hati wanita itu tiba-tiba berubah. Beberapa pengalaman yang dilaluinya di dalam pertubuhan dakwah badan agama itu, termasuk terpaksa menikmati hidangan daging babi, membuatkan dia terfikir semula tentang kesucian Islam. Insiden itu membuat dia tertanya-tanya, apakah tindakannya meninggalkan Islam merupakan satu tindakan yang benar dan tepat? Ini menyebabkan, wanita itu sedikit demi sedikit mula menjauhi pertubuhan tersebut dan seterusnya membuat keputusan untuk mendedahkan aktiviti memurtadkan anak Melayu ini kepada Datuk Seri Harussani sebagai satu peringatan. Kini wanita tersebut, menurut Datuk Harussani, telah pun bertaubat dan kembali kepada Islam secara senyap-senyap. Bagaimanapun, dia masih tetap mengekalkan nama barunya yang ditukar ketika menganut agama lain, kerana bimbang dikatakan sebagai pembelot. Selain itu, nama baru itu juga dikekalkan kerana bimbang nyawanya diancam.

Selain daripada gerakan NGO pertubuhan dakwah agama lain, gejala murtad ini turut disokong oleh tindakan segelintir individu atau kumpulan Islam yang cuba memesongkan akidah serta iman umat Islam. Mereka ini mengelirukan umat Islam dari segi hal-hal syariah dan akidah. Oleh itu, ada di kalangan masyarakat Melayu terutama daripada golongan-golongan profesional, atau intelektual yang mula menentang dan mempertikaikan hukum-hukum dalam Islam.

Selain itu terdapat juga gerakan Kristianisasi yang memurtadkan golongan ibu tunggal dengan cara menyara kehidupan mereka, misalnya kes yang berlaku di Kuala Terengganu. Wang, pakaian, ubat-ubatan, telefon bimbit dan sebagainya diberikan untuk mempengaruhi mereka menganuti ajaran gerakan tersebut. Wanita-wanita Melayu tersebut juga diajar secara ringkas cara-cara untuk sembahyang pagi, adab-adab berdoa di hadapan 'Tuhan' dan bagaimana melakukan upacara penyerahan jiwa. Gerakan itu juga tidak menghalang golongan ibu tunggal itu pergi ke masjid, memakai tudung dan sebagainya, namun perlu memakai lambang salib dengan

mengatakan mereka bukannya melihat kepada jasad, sebaliknya roh yang menjadi penentu agama mereka.<sup>101</sup>

#### **iv. Modenisasi**

Kata Datuk Seri Harussani, umat Islam khususnya orang Melayu hari ini tidak boleh terlalu leka dengan hiburan dan segala kesenangan yang terbentang di hadapan mata. Akibat lalai umat Islam banyak ketinggalan daripada pelbagai sudut. "Saya sedih, sekarang ini ilmu tidak lagi menjadi satu perkara yang diutamakan oleh umat Islam. Al-Quran tidak difahami. Tidak tahu sejarah Islam dan perjuangan Nabi s.a.w. Kisah para sahabat langsung tidak ambil tahu. Sikit sangat yang ambil berat tentang perkara ini.

"Di luar negara umat Islam ditindas dengan peperangan, sekatan ekonomi dan sebagainya. Tetapi di negara ini, umat Islam diserang dengan ideologi pemikiran, budaya dan akidah songsang. "Inilah sebab-sebab utama masyarakat Islam di negara ini semakin lama semakin hancur akhlak, budi dan akidahnya. Umat Islam perlu lakukan sesuatu sebelum satu hari nanti, generasi akan datang menangis menyesali ibu bapa hari ini kerana lemah dan hidup tanpa perjuangan," tegas Datuk Seri Harussani.<sup>102</sup>

#### **v. Kelonggaran Undang-undang**

Menurut Prof. Dr. Yusof al-Qardhawi corak pentadbiran warisan penjajah memang sudah dirangka agar umat Islam terlucut dari pegangan agama yang murni. Kebanyakan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia masih belum mempunyai suatu undang-undang pencegahan terhadap murtad. Cuma Kelantan dan Terengganu sahaja mempunyai satu enakmen negeri yang dipanggil Enakmen sekatan pengembangan agama bukan Islam. Namun begitu enakmen ini

---

<sup>101</sup> Sahidan Jaafar, Mastika (November 2006), *Kami Perjudikan Akidah Untuk beri Makan Anak-Anak!*, Kuala Lumpur, Utusan Karya Sdn. Bhd. Mastika, November 2006. ms. 40

<sup>102</sup> *Ibid.* ms. 106

tidak begitu lengkap kerana pencegahan di sini hanya terhadap bukan Islam yang menjalankan dakyah agama asing kepada umat Islam.

‘Sebagai contohnya Sek 4 (1) Enakmen tersebut bagi negeri Terengganu. Ianya berbunyi:

*‘Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia memujuk, mempengaruhi atau menghasut seorang yang beragama Islam:*

*a . Supaya menjadi penganut atau anggota suatu agama bukan Islam atau supaya cenderung kepada agama itu atau:*

*b Supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam*

Sek 4 (2) memperuntukkan bahawa seseorang yang didapati bersalah boleh didenda RM10,000 ringgit atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali. Termasuk juga dalam Enakmen ini, jika seseorang bukan Islam berusaha mengadakan perjumpaan atau menghubungi dengan telefon seorang Islam yang lain bagi tujuan mendedahkan orang itu pada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai apa-apa agama bukan Islam. Kesalahan ini boleh didenda sebanyak RM5,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>103</sup>

Turut menjadi kesalahan ialah jika orang bukan Islam menggunakan apa-apa ucapan Allah, hadis, Kaabah, haji, Ilahi, Iman, Solat serta kata-kata *Subhanallah, Alhamdulillah, Insyaallah* dan sebagainya. Sesiapa yang tidak melaporkan kejadian-kejadian tersebut kepada pihak berkuasa Agama boleh dihukum tidak lebih dari lima belas hari penjara.

Persoalan yang timbul ialah enakmen ini tidak memperuntukan hukuman-hukuman bagi si murtad itu sendiri. Oleh itu, apabila seorang Islam murtad dengan kerelaan dirinya sendiri tanpa pujiwan, tiada suatu hukuman pun dapat dijatuhkan ke atasnya kerana tiada peruntukan dalam Enakmen tersebut. Begitu juga kesalahan-

---

<sup>103</sup> <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang>

kesalahan lain seperti mengikuti upacara keagamaan agama lain dan sebagainya, jika orang Islam melakukan perbuatan ini dengan sukarela maka tiada juga hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas mereka.

Walau bagaimanapun tindakan Kerajaan Terengganu ini boleh dianggap sebagai positif berbanding di negeri lain yang langsung tiada peruntukan enakmen sedemikian dibuat.

Perkara 11 Fasal 4 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa undang-undang Persekutuan boleh menyekat perkembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan antara agama dikalangan orang-orang Islam. Jika diteliti maksud sebenar perkara tersebut, satu kelemahan dapat dikesan iaitu sekatan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Persekutuan itu hanya terhadap orang Islam yang melakukan penyebaran tersebut. Ia bukan terhadap orang bukan Islam. Berdasarkan peruntukan Perlembagaan sedemikianlah Enakmen negeri-negeri dibentuk. Disinilah titik kelemahan yang menyebabkan sehingga sekarang perundangan Islam gagal direalisasikan dalam bentuk yang lebih bermaruah.

Menurut Tan Sri Abdul Kadir Yusuf, bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara adalah sukar untuk membentuk satu undang-undang yang dapat menghukum orang-orang murtad terutamanya di negeri-negeri yang mempunyai ramai Ahli Dewan Undangan Negeri yang bukan Islam. Ini kerana setiap undang-undang tidak boleh berkuatkuasa sehinggalah ianya diterima oleh badan Perundangan negeri tersebut (ADUN). Menurut beliau lagi satu cara lain untuk merealisasikan undang-undang murtad seperti itu ialah dengan meminda Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 11. Ini adalah kerana jika seseorang Islam telah murtad maka dengan sendiri ia terkeluar dari bidangkuasa Perundangan pihak berkuasa agama Islam. Dengan demikian beliau tidak boleh didakwa oleh mana-mana Mahkamah Syariah.<sup>104</sup>

---

<sup>104</sup> Nor Azilah Abdul Ghani (1999). *Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Lebih menyedihkan, ia turut memberi kesan kepada pelaksanaan undang-undang syariah. Contohnya apabila seorang muslim dituduh berzina atau minum arak mereka boleh melepaskan diri daripada tuduhan tersebut dengan menyatakan keluar dan Islam Mahkamah Syariah terpaksa membebaskan individu terbabit kerana Mahkamah Syariah tidak lagi dibenarkan membicara atau menghukum apa-apa saja kesalahan dan jenayah yang dilakukan oleh individu yang bukan beragama Islam.<sup>105</sup> Perkara ini telah berlaku sejak tahun 1983.

Zulkifli Nordin, seorang peguam bela, peguam cara dan peguam syarie, di pejabatnya di Kuala Lumpur. Memberi satu lagi contoh kes yang berlaku pada tahun 2005 di Mahkamah Syariah Terengganu, di mana seorang wanita berusia awal 50-an, Kamariah Ali, salah seorang pengikut Ayah Pin dan juga bekas seorang ustazah berkelulusan Universiti Al-Azhar telah dikenakan pertuduhan mengamalkan ajaran sesat. Wanita tersebut telah membuat satu surat sumpah mengisyiharkan dirinya keluar dari Islam dan kes perbicaraannya ditangguhkan hingga ke hari ini. Menurut Zulkifli, apa yang berlaku hari ini merupakan rentetan beberapa kes yang pemah berlaku di akhir tahun 80-an. Katanya, dia tidak akan lupa bila seorang pemuda Melayu bertindak memeluk Ikristian dan telah ditabalkan menjadi paderi di sebuah gereja di Kuala Lumpur. Lelaki tersebut kemudiannya telah mengkristiankan ramai orang Melayu. Pihak polis telah menahan paderi ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan kes ini telah dicabar di Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan memberitahu pihak polis, di dalam Perlembagaan Persekutuan terdapat jaminan kebebasan beragama dan akhirnya paderi tersebut telah dibebaskan. Kesannya, sama ada kita sedar atau tidak, sehingga ke hari ini, pihak polis tidak boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak walaupun kegiatan tersebut akan memudaratkan umat Islam dan mengganggu ketenteraman.<sup>106</sup>

---

<sup>105</sup> Aninah Janang, Mastika (November 2006), Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd, ms. 52

<sup>106</sup> *Ibid.*

#### vi. Pemerintahan / Pentadbiran Negara

Sesetengah masyarakat ada yang memikirkan terlalu banyak sekatan dalam agama Islam itu sendiri. Ini jelas terbukti apabila khutbah-khutbah dan ceramah-ceramah di masjid-masjid di Malaysia ini perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa. Ini menyebabkan para khatib bukannya berkhutbah seperti yang sepatutnya akan tetapi hanya sekadar membaca teks khutbah yang mana ini boleh dilakukan oleh kebanyakan orang. Bagaimana mereka hendak tertarik pada Islam apabila khatib-khatib tidak pandai untuk memberikan khutbah berdasarkan isu semasa dan keadaan setempat. Bayangkan isi khutbah yang di bandar turut sama di baca di tanah-tanah perancangan, sedangkan keadaan di luar bandar tidak semestinya sama dengan di bandar.<sup>107</sup>

Berlainan sekali dengan agama selain daripada agama Islam, di mana tiada larangan dan halangan untuk pendeta-pendeta mereka memberikan ceramah. Sudah pasti ada remaja Melayu yang tertarik kerana senario begitu berbeza sekali apabila di rumah-rumah ibadah bukan Islam, pendeta-pendeta mereka bebas dan petah untuk berceramah ada perjumpaan mingguan sedangkan khatib-khatib di masjid hanya boleh berceramah menggunakan teks yang diluluskan. Maka tidak hairanlah pada hari Jumaat apabila khatib sedang berkhutbah, ramai dikalangan para jemaah yang tersengguk-sengguk menahan ngantuk ataupun mungkin ada yang terlena akibat bosan.<sup>108</sup>

Rasa kesal dengan sikap ketidak prihatinan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, wakil rakyat, orang-orang kaya dan masyarakat sekeliling menjadikan golongan yang memerlukan pertolongan dari sudut kewangan, tempat tinggal, pekerjaan seperti saudara baru, ibu tunggal, anak yatim dan sebagainya berasa putus asa. Sudahlah bantuan sukar diperoleh, lebih menyediakan adakalanya mereka dihina oleh orang yang seagama dengan mereka. Kesannya apabila ada bantuan yang diberikan oleh golongan bukan Islam seperti gerakan missionari memberikan bantuan, mereka dengan mudahnya menerima

---

<sup>107</sup> <http://www.malaysiakini.com/letters/36404> / 50,000 remaja Melayu mohon murtad? Rozmal Malakan , May 25, 05 1:14pm

<sup>108</sup> *ibid*

bantuan tersebut tanpa memikirkan strategi dakwah golongan ini. Di Terengganu misalnya, Salmah (bukan nama sebenar) turut mendapat bantuan dari gerakan tersebut menganggarkan lebih kurang 20 orang lagi wanita sekitar Terengganu telah dibiayai kehidupan mereka oleh pihak rumah ibadat tersebut lantaran hidup susah dan miskin. Apabila ditanya jumlah sebenar, Salmah enggan memberitahu. Dia juga tidak dapat memberitahu jumlah sebenar wanita Islam yang sudah menukar agama bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku ke atas dirinya.<sup>109</sup>

Selain itu, Lee (bukan nama sebenar) melahirkan rasa kecewanya terhadap beberapa buah Jabatan Agama yang memberikan layan yang begitu buruk terhadap saudara baru sepertinya. Sememangnya tidak dinafikan apabila seseorang baru memeluk agama Islam, mereka akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antaranya mereka akan dipinggirkan oleh ahli keluarga sendiri, masalah tempat tinggal, ekonomi dan sebagainya. Dalam keadaan sebegini, kebanyakan saudara baru akan pergi ke Jabatan Agama untuk mendapatkan bantuan dari sudut kewangan memandangkan mereka layak untuk mendapat zakat. Ada juga yang berusaha untuk tidak bergantung harap kepada bantuan zakat itu sahaja, sebaliknya berusaha untuk mendapatkan pekerjaan tetap dan sebagainya. Hal inilah yang cuba dilakukan oleh Lee (bukan nama sebenar). Lee cuba untuk mendapatkan pekerjaan untuk menyara hidupnya. Lee cuba meminta bantuan dari sebuah jabatan agama. Baginya memadailah kalau hanya pekerjaan sambilan sahaja sementara dia mencari pekerjaan tetap. Malangnya, dia telah dihina oleh seorang ustaz. Menurut ustaz tersebut, jika dia memeluk agama Islam hanya untuk dapatkan bantuan, tak payahlah hendak menjadi orang Islam.

Sehingga sampai ke satu masa, Lee berhadapan dengan satu lagi 'kejutan'. Dia telah dilayan dengan buruk oleh sebuah pihak berkuasa. Waktu itu, Lee sedang menguruskan dokumentasi mengenai penukaran agama dan statusnya. Lee ditanya, adakah dia memeluk Islam sebab hendakkan kepentingan-kepentingan tertentu. Mereka menyoalnya seolah-olah mereka ragu kehendaknya untuk memeluk Islam.

---

<sup>109</sup> Sahidan Jaafar, Mastika (November 2006), *Kami Perjudikan Akidah Untuk beri Makan Anak-Anak!*, Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd.ms. 40

Ada yang bertanya, adakah sebab hendak berkahwin dan sebagainya, sedangkan dia tidak ada kepentingan untuk memeluk Islam.

Selain itu terdapat pihak-pihak tertentu yang pilih kasih di kalangan mualaf sepertinya. Misalnya, jika golongan saudara baru itu datang dari golongan yang berada, mereka akan dilayan dengan baik sekali, sedangkan orang yang sebatang kara sepertinya tidak dipedulikan. Berbeza dengan orang-orang dalam agama asalnya yang saling bantu membantu, tidak timbul syak wasangka, dan mereka ikhlas bekerjasama.

Kesan dari kejadian tersebut menyebabkan Lee mulai berfikir, jika ini yang terjadi kepada dirinya, apa bezanya agama Islam dengan agama yang lain? Pada ketika itu Lee mula menganggap semuanya sama sahaja, agama itu hanya panduan, dan penganutnya yang menjadi nilai sesuatu agama itu. Konflik-konflik itulah yang akhirnya menyebabkan Lee mengambil keputusan untuk kembali kepada agama asalnya.<sup>110</sup>

#### vii. Sistem Pendidikan

Sistem pendidikan merupakan satu wadah yang penting untuk membangunkan sesuatu masyarakat dalam kehidupan. Tanpa pendidikan seseorang itu mudah mudah terpengaruh dengan persekitaran. Keadaan ini juga dapat dilihat dalam gejala murtad.

Menurut Zulkifli Nordin, sistem pendidikan yang ada sekarang wajar diperhalusi lagi. Ibu bapa sekarang perlu peka terhadap pendidikan anak-anak. Ibu bapa wajib menyerapkan roh dan semangat Islam dalam jiwa anak-anak dan tidak sekadar tertumpu dalam menjagar prestasi akademik semata-mata.

---

<sup>110</sup> *Ibid* ms. 61

Masyarakat perlu menyedari hakikat bahawa, undang-undang sahaja tidak boleh menyelesaikan masalah murtad yang berlaku sekarang. Sebaliknya masyarakat mestilah bertindak pulihkan akidah dengan menguatkan pendidikan agama.<sup>111</sup>

Selain itu, kewujudan sekolah-sekolah agama sekurang-kurang dapat membantu merebaknya gejala murtad. Guru-guru agama di sekolah mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menjelaskan keburukan murtad. Walaupun perlu dingatkan gerakan Missionari telah mula memasuki sekolah-sekolah agama. Oleh itu pihak sekolah perlu mengawasi pelajar-pelajar supaya berhati-hati dengan dakyah golongan ini. Menceritakan tentang murtad dari segi kacamata Islam adalah salah satu cara awal menyekat gejala murtad dari meresap masuk di sekolah-sekolah.<sup>112</sup>

### viii. Dakwah Kurang peranan

Dakwah merupakan tugas seluruh para utusan Allah. Para utusan ini mengajak kaum mereka supaya beriman dengan Allah dan hanya mengabdikan diri kepada Allah. Akan tetapi, tiada pengecualian dalam hal ini. Allah S.W.T memberi penghormatan kepada umat Islam untuk berkongsi memikul tugas ini bersama Rasulullah s.a.w. ini jelas menunjukkan bahawa orang yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah ini ialah setiap orang Islam lelaki dan mahupun wanita kerana mereka umat Islam<sup>113</sup>

Akan tetapi, keadaan berlakunya sebaliknya segelintir masyarakat tidak mengambil endah akan persekitarannya. Seperti dalam masalah gejala murtad ini, sikap tidak memberi nasihat dan tidak mengambil endah menyebabkan seseorang itu lalai dalam Islam dan seterusnya keluar daripada Islam.

Selain itu, bagi seseorang yang masuk Islam seharusnya masyarakat Islam sentiasa menolong mereka dan memberi dakwah tentang Islam. Umat Islam

<sup>111</sup> *Ibid* ms. 52

<sup>112</sup> [alumnigayonguia.tripod.com/artikel/murtad.htm](http://alumnigayonguia.tripod.com/artikel/murtad.htm), 4 jun 2007, 12.30pm.

<sup>113</sup> Dr.Abdul KarimZaidan.(2002). *Islam & Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd. ms.346.

seharusnya meletakkan tanggungjawab tersebut pada pihak yang bertanggungjawab sahaja seperti contoh PERKIM. Sekiranya dakwah ini kurang memainkan peranannya, maka tidak mustahil sekiranya mereka ini kembali kepada agama asalnya.

#### **ix. Diskriminasi (saudara baru)**

Golongan ini bukan sahaja tidak mendapat pembelaan daripada umat Islam tetapi dibiarkan hidup tersisih. Apa yang mereka pelajari tentang Islam jauh berbeza dengan hakikat yang terpaksa mereka hadapi. Persaudaraan yang ditekankan oleh Islam tidak membezakan penganutnya Setiap umat Islam adalah bersaudara dan kemuliaan sebenar atas dasar keimanan, ketakwaan serta ketinggian akhlak. Tetapi kewujudan saudara baru ini dianggap sebagai satu kelompok individu asing, terpisah daripada umat Islam yang lainnya. Mereka diberikan pelbagai gelaran dan panggilan yang boleh mendiskriminasikan mereka dengan umat Islam lain. Sama ada disedari ataupun tidak sebaran ini menyebabkan perasaan merendah diri di kalangan saudara baru semakin kuat. Akhirnya mereka akan bergaul dan bercampur sesama mereka sendiri menyebabkan integrasi serta komunikasi mereka dengan umat Islam lain terputus.

Apabila keadaan ini berlaku, ia menyebabkan seseorang saudara baru itu mudah hanyut dan membawa haluan diri masing-masing. Masyarakat Islam seharusnya membimbang, memandu dan memimpin mereka supaya akidah yang baru bertunas itu dapat bertapak serta membentuk tapak yang kukuh di dalam hati mereka. Tanpa mendapat bimbingan yang sempurna, saudara baru ini akan terus tersisih daripada masyarakat Islam serta jahil tentang agama Islam.

Apabila seseorang saudara baru dibiarkan tanpa usaha susulan untuk membantu dan membimbangnya akan menyebabkannya mudah hanyut dibawa oleh arus perubahan serta perkembangan persekitarannya. Ada di antara mereka masih lagi beragama Islam tetapi mengamalkan cara hidup yang tidak Islamik. Bagi yang

golongan yang berputus asa dengan keadaan dirinya akan mengambil tindakan yang iaitu untuk keluar daripada agama Islam

## 2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, isu murtad dalam kalangan umat Islam tidak boleh dipandang ringan. Hal ini merupakan satu isu besar yang harus ditangani oleh semua pihak. Soal akidah umat Islam merupakan satu perkara besar yang harus ditangani oleh semua pihak. dan tidak harus menjadi alat kepada umat lain untuk menyamaratakan taraf agama Islam seperti agama lain atas dasar kebebasan beragama. Oleh itu gejala murtad perlu dibendung lebih awal agar umat islam tidak mudah dipesongkan oleh musuh Islam.

Oleh yang demikian, agama Islam adalah satu-satunya agama yang dapat menyelamatkan umat manusia di dunia dan akhirat. Tidak ada agama yang paling sempurna selain Islam dan tidak ada ajaran dan pegangan yang paling baik dan indah selain yang ada dalam Islam, Islam sahajalah agama yang diperakui oleh Allah Taala. FirmanNya:

إِنَّ الْدِينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أُتُوا الْكِتَابَ إِلَّا  
مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرْ بِعَايَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ  
سَرِيعُ الْحِسَابِ

*Maksudnya: Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam. dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) Yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan Yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki Yang ada Dalam kalangan mereka. dan*

(ingatlah), sesiapa Yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

(Surah al-Imran :19)

FirmanNya lagi:

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ  
الْخَسِيرِينَ

*Maksudnya: Dan sesiapa Yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang Yang rugi.*

(Surah al-Imran :85)

Justeru itulah sejak dari awal lagi Rasulullah s.a.w sejak sahabat lagi telah bersama ara sahabat bersungguh-sungguh berkorban jiwa dan harta mengajak manusia memeluk Islam agar mereka selamat dan sejahtera. Kemudian membimbing mereka agar teguh dan tidak rela meninggalkan agama ini (Islam) walau dalam apa keadaan sekalipun.

## BAB III

### KEDUDUKAN MURTAD DALAM FATWA DAN PERUNDANGAN

#### 3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, penyelidik menganalisis data yang diperolehi dan memberi tumpuan kepada realiti gejala murtad di Malaysia dan kaedah penyelesaian yang telah dilakukan dalam usaha menangani masalah murtad ini daripada terus berleluasa. Bab ini juga turut menghuraikan tentang statistik permohonan serta persoalan-persoalan yang timbul hasil dari kajian ini.

#### 3.2 Pendapat Ulama' Berhubung Hukuman Murtad

Terdapat beberapa keraguan dan kesamaran, dalam syari‘at Islam. Antara yang masyhur adalah berkenaan hukuman hudud bagi kes murtad iaitu:

Syubhat Pertama: Hukum Murtad Tidak Terdapat Dalam al-Qur'an.

Ini adalah syubhat yang paling masyhur. Sesungguhnya syari‘at Islam tidak hanya terkandung dalam al-Qur’ān tetapi kedua-dua al-Qur’ān dan al-Sunnah. Umat Islam bukan sahaja disuruh mentaati Allah tetapi juga mentaati Rasulullah s.a.w. Orang yang membezakan antara Allah dan Rasulullah, membezakan antara al-Qur’ān dan al-Sunnah, lalu mengingkari Rasulullah dan al-Sunnah, maka mereka bakal ditimpa fitnah yang besar atau diazab oleh Allah SWT dalam firmanNya:

فَلَيَحْذِرُ الَّذِينَ تُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ

عَذَابٌ أَلِيمٌ

*Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya (Rasulullah), beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

(Surah al-Nur 24:63)

Tanda-tanda orang yang mempunyai kecacatan iman dalam diri mereka ialah orang yang enggan menerima keputusan hukum Rasulullah s.a.w dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Sebagaimana firman Allah SWT:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا

يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

*Maka demi Tuhanmu! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.*

(Surah al-Nisa :65)

Oleh itu, setiap orang Islam hendaklah berhati-hati agar tidak membezakan sama ada sesuatu perintah larangan atau hukum, sama ada berkenaan hukuman murtad atau selainnya sebagaimana yang terkandung dalam al-Qur'an atau al-Sunnah.

#### Syubhat Kedua: Dalil Hukum Murtad Adalah Sebuah Hadis Ahad.

Terdapat pendapat yang mengatakan Hadis Ahad tidak dapat dijadikan dalil dalam persoalan akidah. Begitu juga pendapat yang mengatakan Hadis Ahad juga tidak boleh dijadikan dalil dalam persoalan hukum hudud.

Semua ini hanya alasan untuk menjatuhkan hadis daripada syari'at Islam. Menurut Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) Hadis Ahad menjadi dalil dalam semua persoalan agama. Ada pun perbincangan sebahagian ahli usul zaman terkemudian berkenaan peranan Hadis Ahad, sama ada ia dapat dijadikan dalil atau tidak, maka perbincangan mereka hanya ditujukan kepada Hadis Ahad yang berdiri dengan sendirinya. Sebaliknya jika Hadis Ahad tersebut memiliki pembuktian (*qarinah*) atau sudah terkenal dan menjadi amalan orang ramai, maka ia adalah dalil yang pasti tanpa sebarang perbincangan lagi. Imam al-Syaukani *rahimahullah* (1250H) menjelaskan:

*Ketahuilah bahawa perbezaan pendapat yang kami sebut pada awal perbahasan ini berkenaan Hadis Ahad sama ada menghasilkan ilmu yang berupa sangkaan atau kepastian, ia hanyalah berlaku apabila Hadis Ahad tersebut tidak disertai dengan pembuktian yang menguatkannya. Adapun jika ia disertai dengan pembuktian yang menguatkannya atau ia sudah masyhur atau dikenali secara terperinci, maka perbezaan tersebut tidak berlaku.*

Merujuk kepada hadis-hadis berkenaan hukum murtad, ia adalah hadis yang masyhur sepanjang sejarah Islam dan para ilmuan Islam telah bersepakat untuk menjadikan dalil berdasarkannya. Berkata Syaikh Wahbah al-Zuhaili *hafizhahullah* ketika mengupas hukum bagi orang murtad:

*Ulama' bersepakat tentang wajibnya hukuman bunuh ke atas orang murtad berdasarkan sabda Nabi s.a.w: Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia.*

#### Syubhat Ketiga: Hadis Hukum Murtad Memiliki Kelemahan.

Ada juga yang berpendapat, hadis berkaitan hukum murtad merupakan Hadis Ahad yang memiliki kelemahan dalam sanadnya. Seorang penulis bernama Nawab Azam Yar Jang dalam bukunya *Proposed Political, Legal and Social Reforms Under Muslim Rule* meragui kesahihan hadis “*Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia*” dengan berkata:

*“.....there is a gap between Ikramah and Ibn Abbas and again between the latter and the Prophet, in the chain of narrators. (Rangkaian perawinya terputus antara Ikramah dan Ibn Abbas, juga antara Ibn Abbas dan Nabi s.a.w)*

Ini merupakan satu penilaian yang agak aneh kerana sanad yang terdiri dari rangkaian perawi Ikrimah, daripada Ibn Abbas, daripada Rasulullah s.a.w adalah amat masyhur lagi jelas kesambungannya. Ikrimah adalah budak suruhan Ibn Abbas manakala Ibn Abbas adalah anak saudara kepada Rasulullah s.a.w. Masing-masing saling bertemu, pernah hidup bersama dan meriwayatkan hadis dengan jumlah yang banyak.

#### Syubhat Keempat: Hukum Murtad Bertentangan Dengan Konsep Tiada Paksaan Dalam Agama.

Ramai yang mendakwa atau bertanya, bukankah hukum murtad bertentangan dengan firman Allah SWT:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ<sup>ص</sup>

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur).*

(Surah al-Baqarah 2:256)

Sesungguhnya hukuman murtad tidak memiliki apa-apa kaitan dengan ayat di atas. Ini kerana hukuman murtad tidak ditujukan kepada pilihan agama seseorang, tetapi ditujukan kepada sikap seseorang yang menzahirkan pilihannya untuk murtad dari agama Islam. Penzahiran itulah yang menyebabkan hukuman dijatuhkan bagi mengelak pilihannya itu daripada menimbulkan fitnah kepada Islam dan umatnya.

Syubhat Kelima: Hadis Arab Badwi Yang Menarik Bai‘ahnya.

Dalam *Shahih al-Bukhari* terdapat sebuah hadis seperti berikut:

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ جَاءَ أَعْرَابِيُّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَأْيَعَهُ عَلَى الْإِسْلَامِ فَجَاءَ مِنَ الْغَدِ مَحْمُومًا قَالَ: أَقْلِنِي.  
فَأَبَى ثَلَاثَ مِرَارٍ. قَالَ: الْمَدِينَةُ كَالْكِيرَ تَنْفِي خَبَثَهَا وَيَنْصَعُ طَيْبُهَا

*Daripada Jabir (bin 'Abdillah) radhiallahu 'anhu, seorang Arab Badwi datang kepada Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan membai‘ah baginda di atas Islam. Kemudian dia datang pada esok harinya dalam keadaan menderitai demam yang berat, lalu berkata: "Perkenankan untuk aku menarik bai‘ahku." (Rasulullah) enggan mengembalikannya. Dia mengulangi permintaannya sebanyak tiga kali. Akhirnya Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya Madinah adalah seumpama alat peniup api seorang tukang besi, ia mengeluarkan yang tidak baik dan membiarkan yang baik".*

Dalam *Shahih Muslim*, ianya adalah seperti berikut:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ أَعْرَابِيًّا بَأْيَعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَصَابَ الْأَعْرَابِيَّ وَعَلَّكَ بِالْمَدِينَةِ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ! أَفْلَنِي بَيْعَتِي. فَأَبَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ جَاءَهُ فَقَالَ: أَفْلَنِي بَيْعَتِي. فَأَبَى. ثُمَّ جَاءَهُ فَقَالَ: أَفْلَنِي بَيْعَتِي. فَأَبَى. فَخَرَجَ الْأَعْرَابِيُّ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا الْمَدِينَةُ كَالْكِيرِ تَنْفِي خَبَّئَهَا وَيَنْصَعُ طَيْبُهَا

*Daripada Jabir bin 'Abdillah r.a, bahawasanya seorang Arab Badwi membai'ah Rasulullah s.a.w. Kemudian dia menderitai demam yang berat di Madinah. Lalu dia mendatangi Nabi s.a.w dan berkata: "Wahai Muhammad! Perkenankan aku untuk menarik bai'ah aku." Rasulullah s.a.w enggan mengembalikannya.*

*Kemudian dia datang lagi dan berkata: "Perkenankan aku untuk menarik bai'ah aku." Rasulullah s.a.w tetap enggan mengembalikannya. Kemudian dia datang lagi dan berkata: "Perkenankan aku untuk menarik bai'ah aku." Rasulullah tetap enggan mengembalikannya. Akhirnya Arab Badwi tersebut pergi.*

*Maka Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya Madinah adalah seumpama alat peniup api seorang tukang besi, ia mengeluarkan yang tidak baik dan membiarkan yang baik".*

Orang yang meragui hukum murtad berhujah, dalam hadis di atas Rasulullah s.a.w tidak menjatuhkan hukuman murtad ke atas Arab Badwi yang ingin menarik balik bai'ahnya. Bahkan Baginda membiarkan Arab Badwi tersebut pergi begitu sahaja. Hujah ini ditolak dengan dua cara:

Pertama: Mungkin yang ingin ditarik balik oleh Arab Badwi tersebut adalah bai'ahnya untuk memeluk Islam. Jika ini kesnya, maka perhatikan bahawa dia memeluk Islam hanya selama sehari tanpa sempat mendalaminya apa-apa ilmu berkenaan Islam. Justeru dia termasuk dalam kategori orang jahil dan di sisi Ahli Sunnah wal-jamaah,

orang yang jahil tidak dikenakan hukuman hudud atas sesuatu jenayah yang dilakukannya.

Kedua: Mungkin yang ingin ditarik balik oleh Arab Badwi tersebut adalah bai‘ahnya untuk bersama Rasulullah s.a.w berhijrah dan tinggal di Madinah. Namun sesampainya dia ke Madinah, dia jatuh sakit dan tidak sanggup menderita ujian tersebut. Maka dia pergi berjumpa Rasulullah dan meminta untuk menarik bai‘ahnya berhijrah dan tinggal di Madinah. Rasulullah enggan mengembalikan bai‘ahnya sekali pun dia mengulangi permintaannya sebanyak tiga kali. Akhirnya dia tetap pergi juar.

Melihat yang sedemikian, Rasulullah menerangkan keistimewaan Madinah yang hanya menerima Muslim yang benar lagi teguh imannya dan mengeluarkan Muslim yang lemah imannya, munafik atau masih jahil. Oleh itu Rasulullah s.a.w tidak menjatuhkan hukuman murtad kerana Arab Badwi tersebut tidak murtad. Dia tidak meminta untuk meninggalkan Islam tetapi sekadar untuk meninggalkan Madinah.

Syubhat Keenam: Kisah Ahli Kitab Yang Beriman Kemudian Murtad.

Orang yang meragui hukum murtad juga berhujah dengan kisah sekumpulan Ahli Kitab yang beriman pada waktu pagi, kemudian murtad pada waktu petang. Rasulullah s.a.w tidak menjatuhkan hukuman murtad kepada mereka. Kisah sekumpulan Ahli Kitab tersebut terdapat dalam al-Qur'an:

وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِيمَنُوا بِالَّذِي أُنْزِلَ عَلَى الَّذِينَ  
إِيمَنُوا وَجْهَ اللَّهَارِ وَأَكْفَرُوا إِعْرَاهِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

*Dan berkatalah segolongan dari Ahli Kitab (sesama sendiri):  
“Berimanlah kamu kepada al-Quran yang diturunkan kepada orang-*

*orang yang beriman itu pada sebelah pagi dan kufurlah pada petangnya, supaya mereka (merasa ragu-ragu, lalu) kembali menjadi kafir semula.”*

(Surah Al-Imran :72)

Hujah ini dijawab bahawa Rasulullah s.a.w tidak menjatuhkan hukuman murtad kerana sekumpulan Ahli Kitab tersebut pada asalnya tidak pernah memeluk Islam. Mereka hanya melakukan tipu daya untuk mengelirukan umat Islam dengan cara berlakon sebagai seorang Muslim pada waktu pagi dan kembali kepada agama asal pada waktu petang. Jika sekali pun hendak dikategorikan perbuatan sekumpulan Ahli Kitab tersebut sebagai murtad, ia hanya murtad dari sudut bahasa, tidak dari sudut syarak.

Syubhat Ketujuh: Pendapat Imam Ibrahim al-Nakha'e dan Imam Sufyan al-Tsauri.

Imam 'Abd al-Razzaq *rahimahullah* (211H) dalam kitabnya *al-Musannaf*, telah mengemukakan pendapat seorang tokoh *al-Salaf al-Shalih* yang bernama Imam Ibrahim al-Nakha'e *rahimahullah* (95H) bahawa orang yang murtad diminta untuk bertaubat selama-lamanya. Ini juga merupakan pendapat Imam Sufyan al-Tsauri *rahimahullah* (161H). Pendapat kedua-dua tokoh ini dijadikan hujah oleh mereka yang meragui hukum murtad, bahawa orang yang murtad hanya diminta untuk bertaubat tanpa dijatuhkan hukuman bunuh.

Pendapat kedua-dua tokoh *al-Salaf al-Shalih* di atas telah dianalisa oleh para tokoh terkemudian. Jika hendak difahami secara zahir, sebagaimana ulas Imam Ibn Qudamah *rahimahullah* (620H), ia adalah pendapat yang menyelisihi sunnah dan ijma'. Melainkan yang dimaksudkan oleh kedua-dua tokoh tersebut adalah, orang yang murtad ditangguhkan hukumnya selagi mana ada harapan untuk dia bertaubat. Demikian jelas Syaikh al-Islam Ibn Taimiyah *rahimahullah* (728H). Jika tiada harapan untuk bertaubat, hukuman bunuh tetap dijatuhkan.

### Syubhat Kelapan: Murtad Masuk Dalam Kategori Takzir Dan Bukan Hudud.

Orang yang ingin menabur kesamaran dalam hukuman murtad juga berhujah bahawa terdapat sebahagian ilmuan Islam yang meletakkan jenayah murtad dalam kategori takzir dan bukannya hudud.

Hujah ini dijawab, bahawa:

1. Hukuman takzir tersebut hanya merujuk kepada jenayah murtad dalam Kategori Kedua.
2. Hukuman takzir tersebut hanya dalam tempoh sementara menunggu orang murtad tersebut bertaubat dan kembali kepada Islam. Sementara menunggu dia bertaubat, hakim boleh menjatuhkan hukuman takzir seperti mewajibkan kaunseling, kuarantin, penjara dan sebagainya. Akan tetapi setelah berlalunya tempoh tertentu dan dia masih enggan bertaubat atau tiada harapan untuk bertaubat, maka hukuman bunuh (hudud) tetap dijatuhkan.

Justeru sekali lagi ditegaskan, hukuman takzir yang dimaksudkan hanya dalam tempoh sementara menunggu orang murtad tersebut bertaubat dan kembali kepada Islam. Jika dia enggan bertaubat, maka hukuman hudud tetap dilaksanakan.<sup>1</sup>

### 3.3 Fatwa, Pewartaan Serta Hukum Murtad

Secara umumnya fatwa bermaksud suatu penerangan mengenai hukum syarak berhubung masalah-masalah yang tidak mempunyai nas atau perbincangan di dalam kitab-kitab fiqh.<sup>2</sup> Penerimaan dan penolakan sesuatu fatwa itu banyak bergantung kepada peribadi orang yang memberi fatwa atau Mufti. Secara amalannya, masyarakat

---

<sup>1</sup> www.al-ahkam.net/ 4 jun 07.

<sup>2</sup> Ahmad Hidayat Buang. (2004). *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. ms. 163.

Islam ataupun pemerintah akan meminta fatwa daripada mereka yang benar-benar berwibawa dan mempunyai kepakaran di dalam bidang agama Islam. Maka dengan itu, jarang berlaku permasalahan tentang penolakan terhadap sesuatu fatwa.

Di Malaysia, kegiatan fatwa sudah lama berkembang. Masyarakat Islam mahupun pihak pemerintah telah meminta golongan ulama memberi fatwa yang menyentuh kepentingan dalam kehidupan masyarakat dan negara. Dari aspek sejarah fatwa merupakan satu dokumen yang penting bagi melihat perkembangan pemikiran umat Islam di negara ini terutama dalam konteks Perlembagaan Islam.<sup>3</sup>

Catatan awal berkaitan dengan penggunaan fatwa di Malaysia telah dikesan semasa pemerintahan Sultan Kedah; Sultan Muhamad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II (1710M-1778M). Selain mengadakan peraturan dan undang-undang termasuk hukum syarak, baginda juga telah mewujudkan Jabatan Mufti dengan melantik Sheikh Abdul Jalil sebagai mufti.<sup>4</sup> Selain Kedah, negeri-negeri lain juga turut mewujudkan Jabatan Mufti.

Di Kelantan, jawatan mufti mula diperkenalkan pada tahun 1845 apabila Tuan Sheikh Daud b. Sheikh Muhammad al-Bahrain dilantik sebagai mufti pertama (1845–1855M).<sup>5</sup> Jawatan mufti di Pahang telah diwujudkan kira-kira pada tahun 1806, semasa pemerintahan Bendahara Ali (1806 – 1857M) apabila Tuan Hj. Abdul Shukur dilantik ke jawatan ini.<sup>6</sup> Berdasarkan fakta-fakta ini, hasil daripada pengkajian sejarah berkaitan fatwa didapati bidang tugas berkaitan dengan fatwa dan Jabatan Mufti telah mula diperkenalkan serta diguna pakai sejak abad ke 18 lagi.

---

<sup>3</sup>Ahmad Hidayat Buang (2004), *Penulisan dan Kajian Fatwa*, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed), *op. cit.*, ms. 2.

<sup>4</sup>Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad (1968), *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms. 26-27. Lihat juga Buyong Adil (1980), *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms. 29.

<sup>5</sup>Ihsan Hardiwijaya Ibaga, *Ulama dan Sistem Pondok Di Kelantan Abad Ke 19*, dalam majalah *DIAN* (Bil. 120, Mei 1979), Kota Bharu, ms. 23.

<sup>6</sup>Linehan (1936), *History Of Pahang* dalam JRASMB London, vol. xiv, Bahagian II, ms 60.

Fatwa merupakan satu keputusan yang mesti diikuti oleh semua lapisan masyarakat Islam. Ia merupakan satu keputusan yang dibuat berpandukan nas al-Quran, hadis dan ijma ulama. Oleh itu, masyarakat Islam mesti diberi pendidikan dan penerangan berkaitan fatwa sebagai satu perkara yang wajib diikuti. Di Malaysia, fatwa hanya dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mahupun Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri.

Walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan hanya boleh mengeluarkan fatwa tetapi fatwa tersebut tidak boleh dijadikan undang-undang kerana fatwa yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mesti dibawa untuk diputuskan oleh negeri-negeri. Manakala negeri-negeri mempunyai Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri yang akan membuat keputusan sama ada menerima keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan atau sebaliknya. Dinegerilah fatwa ini akan diwartakan dan negerilah yang akan menguatkuasakannya. Bila negeri tidak mewartakan fatwa maka ia tidak boleh menjadi undang-undang yang membolehkan tindakan diambil.<sup>7</sup>

Secara umumnya, pihak berkuasa negara telah mengeluarkan berbagai bentuk laporan, risalah, bahan bacaan dan penerangan kepada masyarakat berkaitan bahaya gejala murtad di kalangan umat Islam. Selain itu, peruntukan undang-undang juga diguna pakai bagi menghalang berlakunya gejala murtad. Fatwa berkaitan dengan murtad tidak didapati disemua negeri. Hanya beberapa buah negeri yang telah mengeluarkan fatwa berkaitan isu murtad. Dalam fatwa Dalam fatwa yang dikeluarkan oleh keputusan Fatwa Negeri Selangor umpamanya telah memperuntukan tentang isu murtad yang mana Jawatankuasa Syariah telah menerima dan bersetuju tentang hukum ikrar bagi seseorang yang akan murtad. Maka jawatankuasa Perunding Hukum syara' (fatwa) terlah membincangkan keputusan perkara tersebut:

*“Ikrar seseorang lelaki yang akan murtad jika jika tidak bernikah dengan seorang perempuan yang diminatinya, hukumnya murtad pada*

---

<sup>7</sup>Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan Datuk Dr. Ismail Ibrahim, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan pada 16.04.03.

*ketika dia melafazkan ikrar tersebut. Oleh itu hendaklah dia bertaubat dan mengucap dua kalimah syahadah bagi memperbaharui Islamnya*”.<sup>8</sup>

Selain itu, fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Negeri Kedah telah membuat keputusan tentang hukum tukar nama setelah muratd.di dalam kad pengenalan. Majlis Fatwa negeri kedah menjelaskan bahwa:

*“Keluar dari agama Islam, bercita-cita bercadang keluar dari agama Islam malah murtad waliya zu billah iaitu perbuatan yang dikutuk dan amat besar dosanya disisi Allah Taala. Segala tindakan yang memboleh atau menyokong atau menggambarkan atau menyetujui seseorang keluar dari islam adalah tindakan yang boleh memurtadkan dengan itu tiada harus pada syarak dibenar atau dibuat apa-apa sokongan benar ubah nama islam kepada nama bukan Islam kerana alasan murtad kerana yang demikian itu adalah merupakan perseujuhan kepada perbuatan murtad tadi”.*<sup>9</sup>

Keputusan fatwa negeri Perlis dalam masa;ah murtad hanya menjelaskan tentang masalah wanita yang memeluk agama Islam telah kembali kepada agama asalnya dan minta ditukarkan semula kepada nama asalnya (sebelum Islam) keputusan majlis fatwa negeri Perlis adalah seperti berikut:

*“Hukum wanita itu adalah murtad dan hendaklah disuruh “Istibab” (taubat dalam masa tiga hari). Dan jika masih juga tidak berbuat demikian, mengikut hukum Islam hendaklah dibunuh, tetapi kerana undang-undang Islam tidak dijalankan sepenuhnya di negara ini maka ianya tidak boleh dijalankan. Mengikut pandapat Imam Abu Hanifah orang itu hendaklah dipenjara hingga mati. Manakal masalah nama pula, jika telah keluar Isalm maka hilanglah tanggungjawab Islam pada perkara ini”.*<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> [http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa\\_search\\_result.asp?keyID=1127](http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=1127)

<sup>9</sup> [http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa\\_id=8](http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa_id=8)

<sup>10</sup> Op.cit

### 3.4 Realiti Perundangan Islam di Malaysia

Di Malaysia semua Undang-undang yang dibentuk selepas kemerdekaan adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ia merupakan satu-satunya institusi atau sumber perundangan yang tetap dan tertinggi.<sup>11</sup> Jika sesuatu undang-undang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan maka bahagian yang bertentangan akan terbatal. Hal ini jelas dinyatakan dalam peruntukan Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan.<sup>12</sup>

Sebelum datangnya penjajah, undang-undang yang diikuti di negeri-negeri Melayu ialah undang-undang Islam yang telah menyerap dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Di dalam kes Ramah lwn Laton<sup>13</sup> majoriti Mahkamah Rayuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah memutuskan bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang tempatan dan undang-undang negeri. Akan tetapi kesan dari pengaruh British, undang-undang Inggeris telah dimasukkan melalui perundangan dan keputusan hakim ke Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Borneo dan akhirnya Akta Undang-undang Sivil, 1956, memperuntukkan bahawa jika tidak ada undang-undang bertulis yang berkenaan, mahkamah hendaklah memakai *Common Law* England dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England pada 9 April 1956 bagi Malaysia Barat, pada 1 Disember 1951 bagi Sabah dan 12 Disember 1949 bagi Sarawak.<sup>14</sup>

Akibatnya undang-undang Islam tidak lagi menjadi undang-undang asas di Malaysia dan tempatnya telah diambil alih oleh undang-undang Inggeris yang kini ditafsirkan dalam Perlembagaan Malaysia. Mahkamah Syariah telah diabaikan di zaman penjajah dan bidangkuasanya telah disekat hingga kini mempunyai bidangkuasa di dalam undang-undang diri dan keluarga serta sedikit sahaja di dalam undang-undang

---

<sup>11</sup> Mardiana Nordin, Hasnah Hussiin,(2001), *Pengajian Malaysia*, Shah Alam: Fajar Bakti, m.s 152.

<sup>12</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services. m.s 3.

<sup>13</sup> [1927], 6 F.M.S.L.R. 128; 2 J. 213. Lihat juga Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (1997), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, m.s 3.

<sup>14</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *ibid*, m.s 41.

jenayah. Mahkamah Syariah dianggap lebih rendah dari Mahkamah Sivil dan di dalam banyak kes keputusannya boleh diganggu dan diketepikan oleh Mahkamah Sivil.<sup>15</sup>

Pastinya ianya memberikan banyak impak yang besar kepada perlaksanaan perundangan Islam di Malaysia. Ini kerana ruang lingkup perbincangan tentang Islam dalam Perlembagaan tidak sama dengan perbincangan tentang Islam di dalam undang-undang Islam. Perbahasan mengenai kedudukan Islam di dalam Perlembagaan lebih bertumpu kepada peruntukan-peruntukan yang berkenaan; yakni tafsiran dan perbahasan mengenai ruang-lingkup dan implikasi peruntukan-peruntukan itu.<sup>16</sup>

Secara umumnya, di dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa Islam adalah agama persekutuan. Peruntukan berkenaan seperti yang ternyata dalam Perlembagaan adalah jelas bahawa hak kebebasan agama ini dinyatakan untuk menenangkan perasaan orang-orang bukan Islam; yakni kedudukan Islam sebagai agama persekutuan tidak akan mengancam hak mereka untuk menganut dan mengamalkan kepercayaan beragama.<sup>17</sup>

Selain itu meskipun kenyataan di dalam Perkara 11 (2) Perlembagaan Persekutuan<sup>18</sup> menyebut tentang wujudnya perlindungan dari paksaan untuk membayar cukai yang sebagianya akan digunakan untuk agama yang lain dari agama anutan seseorang, perlembagaan bagaimanapun menyebut bahawa pihak berkuasa boleh menggunakan wang awam untuk tujuan-tujuan agama Islam. Dengan kata lain Islam diberikan kedudukan yang lebih istimewa; yang tentunya berdasarkan kepada kenyataan sejarah negara ini.<sup>19</sup>

Perkara 11, yang merupakan peruntukan utama mengenai hak kebebasan beragama, seperti membayangkan bahawa ruang lingkup hak berkenaan meliputi aspek-

<sup>15</sup> R.H. Hickling (2001), *Malaysian Law, An Introduction to the Concept of Law in Malaysia*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, m.s 126. Lihat juga Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *ibid*, m.s 42.

<sup>16</sup> Abdul Aziz Bari (2005), *Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia and Publication, m.s 7.

<sup>17</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 12.

<sup>18</sup> *ibid*, m.s 12.

<sup>19</sup> Abdul Aziz Bari (2006), *Perlembagaan Malaysia : Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 166.

aspek menganut, mengamal dan mengembangkan agama-agama berkenaan. Bagimanapun hak mengembangkan agama tertakluk kepada peruntukan bahawa pengembangan agama-agama selain Islam tertakluk kepada sekatan undang-undang. Sekatan ini termasuklah larangan mengembangkan dokrin atau agama lain selain Islam kepada orang-orang Islam. Undang-undang yang menyekat penyebaran agama lain di kalangan orang Islam masih belum ada di negeri Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.<sup>20</sup>

Keperluan kepada undang-undang ini ialah untuk melindungi orang Islam daripada dipengaruhi kepercayaan lain. Seperti yang disebutkan, peruntukkan ini menunjukkan kelebihan yang diberikan kepada agama Islam. Keistimewaan ini sebenarnya berkait rapat dengan sejarah dan latar belakang negara. Walaupun ada kemungkinan tuduhan bahawa ianya tidak mengikuti prinsip kesamarataan, tetapi kesedaran bahawa orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam dan bukan Melayu telah diberikan hak-hak yang kebanyakannya berlandaskan kepada sejarah. Khususnya melibatkan tolak ansur semasa rundingan kemerdekaan pada 1956-1957.<sup>21</sup>

Dalam agama Islam hak kebebasan agama bermaksud bahawa Islam tidak memaksa orang bukan Islam menerima Islam. Ini bersesuaian dengan ajaran yang dibawa oleh agama Islam melalui firmanNya:-

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشُدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكُفُّرُ بِالظَّغْوَتِ  
وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ

عَلِيمٌ

<sup>20</sup> Memahami Artikel 11 (4), Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006.

<sup>21</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad : Kedudukannya di sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publication, ms 47.

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

(Surah al-Baqarah: 256)

Melalui ayat ini jelas menunjukkan bahawa tiada paksaan dalam pengajakan manusia kepada Islam, kerana sifat agama Islam itu menghormati kedudukan penggunaan akal dan penerimaan hati dalam diri manusia. Apa yang menjadi tugas Rasulullah s.a.w dan orang-orang yang beriman ialah menyebarkan kebenaran agama Islam kepada orang lain, membantu menggarap kebenaran agama Allah beserta bukti-buktinya dan seterusnya terserah kepada Allah untuk memberikan hidayah kepada sesiapa yang dikehendakiNya.<sup>22</sup>

Namun di negara kita kebebasan beragama ini boleh disekat melalui undang-undang. Perlembagaan dengan jelas menyatakan bahawa kebebasan ini tertakluk kepada undang-undang yang diluluskan bagi mengawal atau menyekat pengembangan agama yang lain daripada Islam di kalangan umat Islam.<sup>23</sup> Selain itu perlembagaan juga menyebut bahawa kebebasan agama tidak boleh digunakan untuk menyalahi undang-undang awam mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.<sup>24</sup>

Perlembagaan menyatakan bahawa kebebasan beragama adalah salah satu hak yang dijamin di bawah bab mengenai kebebasan asasi. Hak kebebasan agama ini juga kelihatan tidak boleh digantung; hatta di dalam hal-hal yang diletakkan dibawah kuasa subversif. Contoh terbaik dalam konteks ini ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960; sebuah statut yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan ini menarik kerana hak-hak lain di bawah bab mengenai

---

<sup>22</sup> 'Abdul'Azeez ibn 'Abdullaah ibn Baaz (1998), *Word of Advise Regarding Dak'wah*, translation by Bint Feroz Deen & Bin 'Abd al-Ghafoor, Birmingham United Kingdom: Al-Hidayah Publishing and Distribution, m.s 111.

<sup>23</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 12.

<sup>24</sup> Abdul Aziz Bari (2006) *Perlembagaan Malaysia : Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 162.

kebebasan asasi di dalam perlembagaan itu boleh digantung atau dinafikan oleh undang-undang yang diluluskan di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan.<sup>25</sup>

Dalam negara *common law* seperti Malaysia skima perlembagaan juga perlu dilihat dalam konteks keputusan mahkamah. Mahkamah telah membuat keputusan bahawa hak kebebasan beragama merangkum hak untuk memilih agama. Prinsip ini diputuskan di dalam kes Suzie Teoh.<sup>26</sup> Kes ini melibatkan pertikaian yang kontroversial yang berpunca daripada tindakan gadis di bawah umur (menurut undang-undang sivil) memeluk agama Islam. Tindakan itu memerlukan keluarga beliau yang kemudian membuat keputusan membawa pertikaian tersebut ke muka pengadilan.

Di Mahkamah Tinggi tindakan gadis tersebut diterima oleh mahkamah kerana beliau telah baligh. Bagaimanapun Mahkamah Agung melihat isu tersebut dalam konteks perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa agama bagi seseorang yang masih di bawah 18 tahun tertakluk kepada pilihan ibu bapa atau penjaganya.<sup>27</sup> Seterusnya, Ketua Hakim Negara pada masa tersebut iaitu Tun Salleh Abas telah membuat pengisytiharan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan yang tidak membenarkan seseorang menukar agamanya melainkan setelah cukup umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan beliau terhadap Islam, beliau menyimpan fail tersebut dan setelah berlalu tempoh dua tahun, beliau membuka semula kes tersebut dan memberi peluang kepada Suzie untuk mengisytiharkan agamanya sendiri dan seterusnya Tun Salleh Abas telah mengisytiharkan keislaman Suzie dengan namanya Nur Aini. Walaubagaimanapun, atas keprihatinan beliau inilah menjadi antara salah satu faktor pemecatannya sebagai Ketua Hakim Negara. Namun beliau telah berjaya menyelamatkan akidah Nur Aini walaupun terpaksa melakukan suatu pengorbanan yang besar.<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> Farid Sufian Ahuib (2005) *Murtad : Kedudukannya di sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, m.s 46.

<sup>26</sup> In Re Susie Teoh; Teoh Eng Huat Iwn Kadhi Pasir Mas & Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan (1986) 2 MLJ 228; Teoh Eng Huat Iwn Kadhi Pasir Mas & Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan (1990) 2 MLJ 306.

<sup>27</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 14.

<sup>28</sup> Riduan Mohamad Nor (2006), *Murtad Implikasi Hukum dan Fenomena*, Selangor: MHI Publication, m.s 39.

Walaupun secara zahirnya, Perlembagaan Persekutuan dilihat memelihara kebijakan semua kaum di Malaysia, namun realitinya Perlembagaan Persekutuan ini juga dilihat boleh menjadi satu bentuk ancaman terutamanya kepada akidah umat Islam. Perlu disebutkan bahawa belum ada terjemahan Perlembagaan yang sah di Malaysia dan adakala perkataan “*Islam is the religion of the Federation*” yang terdapat dalam Perlembagaan diterjemahkan salah sebagai “Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan”<sup>29</sup> sedangkan hakikatnya, perundangan Islam tidak dilaksanakan sepenuhnya di negara Malaysia.

Realitinya, Perlembagaan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Reid di mana kebanyakannya ahlinya terdiri daripada bukan Islam telah membentuknya sebegini rupa sehingga undang-undang Islam yang menjadi amalan majoriti penduduk kurang menjadi rujukan. Suruhanjaya Reid yang diberi tugas mencadangkan Perlembagaan bagi Malaysia telah menolak cadangan memasukkan peruntukan mengenai “Islam sebagai agama Persekutuan” itu. Dalam Laporan mereka di perenggan 169 mereka berkata maksudnya:<sup>30</sup>

*"Kami telah menimbangkan soal sama ada perlu diadakan kenyataan dalam Perlembagaan yang bermaksud Islam hendaklah menjadi agama Negara. Telah dipersetujui oleh semua pihak bahawa jika mana-mana peruntukan seperti itu dimasukkan dalam Perlembagaan hendaklah dijelaskan bahawa ia tidak sekali-kali menjejas hak-hak sivil orang-orang bukan Islam. Dalam memorandum yang dikemukakan oleh Perikatan telah disebut agama Persekutuan hendaklah Islam. Peruntukan prinsip ini tidak akan mengenakan apa-apa hilang upaya ke atas rakyat bukan Islam menganuti dan mengamalkan agama mereka sendiri dan tidak membayangkan bahawa negara bukan negara sekular. Tidak terdapat apa-apa dalam draft Perlembagaan itu yang menyentuh*

<sup>29</sup> www.islam.gov.my, *Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Ahmad Mohamed Ibrahim.

<sup>30</sup> *Suruhanjaya Reid* (Februari 1957), Government Press, Kuala Lumpur. m.s 73.

*penerusan keadaan dalam negeri-negeri mengenai periktirafan Islam atau yang menghalang pengiktirafan Islam dalam Persekutuan melalui perundangan atau cara-cara lain dalam apa-apa keadaan yang tidak memudharatkan hak-hak sivil individu bukan Islam. Majoriti kami berpendapat ada paling baik meninggalkan perkara itu atas dasar itu, memandang kepada kenyataan bahawa peguam bagi Raja-raja telah berkata kepada kami “Adalah pandangan yang telah dipertimbangkan oleh Duli-duli yang Maha Mulia bahawa tidak dikehendaki memasukkan perisyiharaan seperti yang dicadangkan bahawa ajaran agama Muslim atau ajaran agama Islam adalah agama yang ditetapkan bagi Persekutuan. Duli-duli yang Maha Mulia tidak menyokong perisyiharaan seperti itu dimasukkan dan ini adalah perkara arahan khusus dimana saya tidak banyak terlibat”.*

Perkara 3 (2) Perlembagaan memberi kuasa kepada Yang Di Pertuan Agung dan Raja-raja sebagai ketua agama Islam.<sup>31</sup> Sebagai ketua agama Islam sepatutnya kuasanya tidak terbatas kerana Islam itu sendiri lengkap meliputi semua bidang kehidupan. Kuasa yang diberi ini merupakan amanah Allah S.W.T kepada Raja-raja. Ini sebagaimana lafaz sumpah Yang Di Pertuan Agung seperti dinyatakan dalam Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan<sup>32</sup> telah berlaku konflik yang nyata antara tugas yang memestikan baginda menuruti Perlembagaan dan tugas baginda sebagai pemelihara kesucian agama Islam. Kedudukan Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam menjadi lebih sempit apabila setiap tindakan beliau dimestikan mendapat nasihat Jemaah Menteri atau menteri terlebih dahulu. Dalam hal Agama Islam dikhawatir baginda akan menuruti nasihat menteri yang jahil dalam hal agama.

Dalam sumpah yang sama menghendaki baginda melakukan dua perkara yang bertentangan. Pertama memastikan ketaatan kepada perlembagaan sementara yang lain memelihara kesucian Agama Islam. Hal ini berlaku kerana penggubal Perlembagaan

---

<sup>31</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 2.

<sup>32</sup> *Ibid*, m.s 277.

menggunakan kaedah agama yang lain bagi mengatur kedudukan agama Islam. Islam dalam Perlembagaan hanya sekadar hiasan dalam perlembagaan supaya semua keraian Persekutuan dibuat menurut Islam, dan tidak mempunyai kesan terhadap perundangan. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Hakim Dato Hashim Yeop Sani dalam bukunya *Our Constitution*.<sup>33</sup>

Peruntukan dalam Perkara 38 Fasal 2 (b) Perlembagaan Persekutuan<sup>34</sup> memberi kuasa kepada Majlis Raja-raja untuk menjalankan tugas bagi menyetujui apa-apa perbuatan atau amalan agama Islam meliputi seluruh Persekutuan. Sewajarnya peruntukan ini digunakan dengan sebaiknya oleh Raja-raja untuk mendesak direalisasikan Islam sepenuhnya di Malaysia.

Perlembagaan telah memisahkan antara badan Perundangan Persekutuan dan negeri. Sehubungan dengan ini, perundangan Islam yang meliputi undang-undang keluarga, peribadi dan sedikit undang-undang Jenayah diletakkan di bawah kuasa badan perundangan negeri. Walau bagaimanapun, keabsahannya tertakhuk kepada Perlembagaan Persekutuan. Akibatnya negeri juga tidak boleh menggubal satu undang-undang Islam yang lebih baik. Apatah lagi undang-undang lain yang lebih utama. Senarai Persekutuan menguasai semua perkara penting dalam urusan pentadbiran negara.

Satu lagi persoalan yang timbul ialah jika kuasa perundangan negeri dikuasai oleh orang bukan Islam, bagaimana kepentingan Islam dapat dijaga dengan baik. Contohnya kawalan terhadap dakyah agama lain terhadap umat Islam. Kuasa mengawal ini terletak di bawah kuasa perundangan negeri. Bagaimana badan perundangan negeri yang dikuasai oleh bukan Islam dapat menjaga kepentingan Islam ini? Inilah yang berlaku di Sabah apabila negeri tersebut dikuasai oleh PBS sebuah parti Kristian. Hal ini disokong oleh K.H. Hichling dalam *Malayan Law Journal*.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Hashim Yeop A. Sani (1980), *Our Constitution*, Kuala Lumpur: The Law Publishers (M) Sdn. Bhd, m.s 164.

<sup>34</sup> *op. cit.*, m.s 35.

<sup>35</sup> R.H Hickling (1987), *Malaysian Law, An Introduction to the Concept of Law in Malaysia*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, m.s 52.

Berdasarkan huraian di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Undang-undang Murtad agak sukar untuk direalisasikan kerana realiti perundangan Islam di Malaysia tidak mengamalkan Islam sepenuhnya. Namun begitu hasil dari pandangan serta kajian para cendekiawan Muslim yang cintakan agamanya beberapa peruntukan berkenaan undang-undang murtad masih boleh dibuat dengan menggunakan ruang-ruang yang ada dan dibenarkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa sekarang. Cuma persoalannya ialah kalangan yang mempunyai kuasa menggubal peraturan tersebut, samada mereka insaf atau tidak tentang keperluan terhadap undang-undang murtad itu.<sup>36</sup>

### **3.5 Kaedah Penyelesaian Yang Telah Dilakukan**

Kaedah penyelesaian ini meliputi kaedah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan serta masyarakat. Setakat ini, terdapat pelbagai usaha yang telah dijalankan dalam usaha menangani permasalahan murtad ini. Ianya meliputi undang-undang atau enakmen negeri, usaha yang dilakukan oleh kerajaan, NGO, masyarakat dan sebagainya. Antara kaedah yang telah dilaksanakan kini adalah seperti berikut:-

#### **i) Undang-undang / Enakmen Negeri**

Di sisi perundangan Islam, murtad dianggap sebagai jenayah *hudud*.<sup>37</sup> Dari sudut penguatkuasaan undang-undang, undang-undang murtad khususnya dan undang-undang Islam iaitu hukum *hudud* amnya masih belum dilaksanakan di Malaysia dewasa ini. Walaupun terdapat Mahkamah Syariah di Malaysia yang telah menguatkuasakan enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri, namun undang-undang yang dipakai masih

<sup>36</sup> Nor Azilah Abdul Ghani (1999). *Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

<sup>37</sup> Wahbah az-Zuhaili, terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al (2001), *Fiqh dan Perundangan Islam Jilid IV*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 175. Lihat juga Haron Din (1988), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd, m.s 305. Untuk pandangan yang berbeza, lihat el-Awa M. (1982), *Punishment in Islamic Law*, Indianapolis: American Trust Publications, m.s 1-2 dan 49-56. Lihat juga pandangan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Sisters In Islam, "Apostasy is Not Capital Crime", The Star, 24 Julai 1999, m.s 19.

belum berlandaskan undang-undang Islam terutamanya yang berkaitan dengan *hudud* dan *qisas*. Hanya undang-undang *ta'zir* sahaja yang dilaksanakan. Kesalahan *takzir* dan hukumannya mengikut budi bicara kerajaan dan hakim.<sup>38</sup>

Menurut peruntukan Butiran (1), Senarai Kedua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, penggubalan undang-undang Islam mengenai kesalahan-kesalahan bertentangan dengan rukun-rukun Islam terletak di bawah bidang kuasa badan perundangan negeri-negeri.<sup>39</sup> Maka persoalan penggubalan undang-undang jenayah Islam, termasuklah riddah, merupakan tugas dan tanggungjawab pihak badan perundangan negeri-negeri, kecuali bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, yang mana Parlimen merupakan badan yang bertanggungjawab membuat undang-undang Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.<sup>40</sup>

Di antara usaha melalui undang-undang yang boleh dianggap sebagai satu kaedah dalam usaha menyelesaikan masalah murtad ini dari terus menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia ialah seperti mana yang berlaku pada bulan Ogos 2006, di mana Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mengarahkan negeri-negeri yang masih belum mempunyai Undang-undang Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam supaya segera membawanya ke Dewan Undangan Negeri untuk dibahaskan.<sup>41</sup> Kesannya empat negeri berkenaan iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak berusaha mempercepatkan proses penggubalan undang-undang berkenaan melalui dewan perundangan masing-masing. Reaksi empat negeri itu adalah langkah yang sangat wajar kerana pada dasarnya, tiada apa-apa halangan atau alasan bagi negeri-negeri itu untuk tidak melaksanakan kuasa yang diturunkan kepada mereka oleh Perlembagaan Persekutuan itu. Alasan bahawa undang-undang itu dirasakan tidak perlu sebelum ini kerana tiada kontroversi agama

---

<sup>38</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), m.s 476.

<sup>39</sup> Perlembagaan Persekutuan (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 315.

<sup>40</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad: Kedudukannya Di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya, Intel Multimedia and Publication, m.s 22.

<sup>41</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, *Bahaya mainkan isu murtad di Malaysia*, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Utusan Malaysia, 9/11/2006

adalah dalih yang cukup lemah dan boleh dikatakan tidak mengambil kira perkembangan dan realiti semasa.<sup>42</sup>

Umumnya undang-undang mengenai murtad di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama melibatkan undang-undang substansif dan kategori kedua menyediakan undang-undang tatacara. Undang-undang substansif menjadikan murtad sebagai satu kesalahan jenayah serta sebagai satu kesalahan menghina agama Islam. Manakala undang-undang tatacara bermaksud undang-undang yang tidak menyediakan peruntukan untuk proses pendakwaan dan penghukuman ke atas orang murtad, sebaliknya mereka menyediakan tatacara yang perlu diikuti sekiranya seseorang mengaku hendak meninggalkan agama Islam.<sup>43</sup>

Terdapat tiga pendekatan bagi mereka yang murtad di Malaysia. **Pertama:** adalah menjadi kesalahan yang boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau disebat sehingga enam sebatan atau campuran mana-mana dari ketiga-tiga bentuk hukuman ini. **Kedua:** tahanan mandatori di Pusat Pemulihan Akidah sehingga 36 bulan. Kedua-dua pendekatan ini dikategorikan di bawah undang-undang substansif manakala bagi pendekatan **ketiga** dikategorikan di bawah undang-undang tatacara iaitu tiada sebarang bentuk hukuman tetapi diwajibkan melalui sesi kaunseling sebelum kebenaran keluar Islam diluluskan.<sup>44</sup>

Bentuk hukuman pertama dapat dilihat dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Negeri-negeri seperti di Perak, Terengganu, Melaka, Sabah, Pahang, Kedah dan Selangor:

- a) Seksyen 13 Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Perak, 1992 yang memperuntukkan bahawa:

---

<sup>42</sup> Noor Azam Shairi, *Memahami Artikel 11 (4)*, Mingguan Malaysia, 27 Ogos 2006.

<sup>43</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad: Kedudukannya Di Sisi Islam dan Perlombagaan Malaysia*, Intel Multimedia and Publication Petaling Jaya, m.s 22.

<sup>44</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlombagaan Persekutuan,:Satu Perbahasan*, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. m.s 17.

*“Seseorang Islam yang dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataaan atau dengan cara apa jua, mengaku hendak keluar daripada agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam adalah melakukan suatu kesalahan mempersendakan agama Islam dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.*<sup>45</sup>

- b) Seksyen 29 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Terengganu, 1996 memperuntukkan bahawa:

*“Barangsiapa yang berhasrat untuk meninggalkan agama Islam atau mengisyiharkan bahawa beliau telah meninggalkan agama Islam, boleh dikenakan denda sehingga RM 3,000.00 atau dihukum penjara tidak kurang dari setahun atau kedua-duanya sekali”.*<sup>46</sup>

Selain itu, Terengganu juga mempunyai satu Enakmen yang dikenali sebagai Enakmen sekitan pengembangan agama bukan Islam 1990. Namun begitu enakmen ini tidak begitu lengkap kerana pencegahan di sini hanya terhadap bukan Islam yang menjalankan dakyah agama asing kepada umat Islam.

Contohnya Sek 4 (1) Enakmen bagi negeri Terengganu. Ianya berbunyi;

*“Seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia memujuk, mempengaruhi atau menghasut seorang yang beragama Islam:*

---

<sup>45</sup> [www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslgl](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslgl)

<sup>46</sup> *ibid*

*a. Supaya menjadi penganut atau anggota suatu agama bukan Islam atau supaya cenderung kepada agama itu atau:*

*b. Supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam*

Sek 4 (2) pula memperuntukkan bahawa seseorang yang didapati bersalah boleh didenda RM10,000 ringgit atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali. Termasuk juga dalam Enakmen ini, jika seseorang bukan Islam berusaha mengadakan perjumpaan atau menghubungi dengan telefon seorang Islam yang lain bagi tujuan mendedahkan orang itu pada apa-apa ucapan atau pertunjukan mengenai apa-apa agama bukan Islam. Kesalahan ini boleh didenda sebanyak RM5,000 ringgit atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>47</sup>

Turut menjadi kesalahan ialah jika orang bukan Islam menggunakan apa-apa ucapan Allah, hadis, Kaabah, Haji, Ilahi, Iman, Solat serta kata-kata *Subhanallah, Alhamdulillah, Insyaallah* dan sebagainya. Sesiapa yang tidak melaporkan kejadian-kejadian tersebut kepada pihak berkuasa Agama boleh dihukum tidak lebih dari lima belas hari penjara.<sup>48</sup>

c) Seksyen 209 (1) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Melaka 1986 mempunyai peruntukan menghina agama Islam yang membawa denda tidak lebih RM3,000.00 atau satu tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Seksyen 209 (2) menambah:

*“Bagi maksud subseksyen ini, seseorang yang mengakui dirinya sebagai seorang yang bukan Islam adalah membuat hina terhadap agama Islam”.*<sup>49</sup>

---

<sup>47</sup> *ibid*

<sup>48</sup> *ibid*

<sup>49</sup> *ibid*

- d) Seksyen 55 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995 memperuntukkan:

*“Barang siapa secara lisan atau penulisan atau apa cara jua yang dianggap membawa maksud mempersendakan atau menghina agama Islam atau apa-apa perjalanan Mazhab atau pegawai agama yang dilantik, guru agama, Imam, fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau Mufti mengikut mana-mana peruntukan atau Enakmen ini adalah melakukan kesalahan, dan sekiranya disabitkan boleh didenda tidak lebih RM2,000.00 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya”.*<sup>50</sup>

Seksyen 55 (2) menambah:

*“Seseorang yang beragama Islam yang mengaku bahawa dia bukan lagi beragama Islam adalah melakukan kesalahan mengikut subseksyen (1), dan sekiranya disabitkan boleh dihukum mengikut hukuman tersebut”.*

- e) Seksyen 185 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1989) menyatakan:

*“Seseorang yang mengaku bahawa dia bukan lagi beragama Islam, sama ada melalui percakapan, penulisan atau apa-apa cara dengan apa-apa niat, adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak lebih RM5,000.00 atau penjara tidak kurang dari 3 tahun atau kedua-dua sekali, dan sebat tidak lebih dari 6 sebatan”.*<sup>51</sup>

---

<sup>50</sup> *ibid*

<sup>51</sup> *ibid*

f) Seksyen 4 (1) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kedah, 1988 memperuntukkan bahawa seseorang adalah melakukan kesalahan jika ia:-

*(a) memujuk, mempengaruhi, atau menghasut; atau*

*(b) mengadakan atau mengendalikan mana-mana aktiviti, pertunjukan, hiburan, atau persembahan di mana isi kandungannya atau maksudnya dibentuk untuk memujuk, mempengaruhi, atau menghasut, seorang lain yang beragama Islam:*

*(i) supaya menjadi penganut atau anggota suatu agama bukan Islam atau supaya cenderung kepada agama itu; atau*

*(ii) supaya meninggalkan atau tak suka kepada agama Islam.*

Seterusnya seksyen 4 (2) :-

*“Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen-kecil (1) apabila disabitkan, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi empat tahun, dan bagi kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun”<sup>52</sup>.*

g) Seksyen 6 (1) Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor 1988 menyatakan:-

*Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia:-*

---

<sup>52</sup> *ibid*

- (a) mengunjungi; atau
- (b) mengatur atau berusaha mengadakan suatu perjumpaan dengan; atau
- (c) dengan apa-cara lain pun menghubungi,

*seorang berugama Islam bagi maksud mendedahkan orang berugama Islam itu kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam.*

Seterusnya, Seksyen 6 (2) pula menyatakan:-

*Seseorang yang melakukan kesalalah di bawah seksyen kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.*

Bentuk hukuman yang kedua dapat dilihat pengaplikasiannya di negeri-negeri seperti Sabah, Kelantan dan Melaka, di mana orang yang murtad ditahan secara mandatori di Pusat Pemulihan Akidah. Bagi negeri-negeri Sabah dan Kelantan, seseorang Islam yang keluar Islam atau berhasrat untuk keluar Islam boleh ditahan di Pusat Pemulihan Akidah untuk suatu jangka masa tidak lebih dari 36 bulan atau tiga tahun, dan di Melaka hanya diperuntukkan penahanan selama 6 bulan.<sup>53</sup>

- a) Secara khususnya, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menggubal satu enakmen yang diberi nama: Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud) Negeri Kelantan. Mengenai kesalahan *irtidad* atau riddah telah dinyatakan seperti berikut<sup>54</sup>.

---

<sup>53</sup> *ibid.* Lihat juga Seksyen 63(1) Enakmen Undang-undang Jenayah Islam Sabah, 1995; seksyen 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan, 1994; seksyen 66 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Melaka, 1991.

<sup>54</sup> *Perlaksanaan Hukum Hudud di Kelantan* (1994), Kota Bharu: Telda Corporation Sdn. Bhd., m.s 112-113.

- (1) *Irtidad* ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut hukum Syarak adalah menjelaskan atau berlawanan dengan akidah agama Islam: dengan syarat bahawa perbuatan ini dilakukan atau perkataan itu disebutkan dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.
- (2) Perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan yang menjelaskan akidah itu ialah perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan mengenai atau bersabit dengan perkara-perkara asas yang dianggapkan mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang Islam sebagai pengetahuan umumnya kerana dia orang Islam seperti perkara-perkara mengenai Rukun Islam, Rukun Iman dan perkara-perkara halal dan haram.
- (3) Sesiapa yang disabitkan melakukan *irtidad*, hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman ke atasnya dikehendaki oleh Mahkamah supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati salah.
- (4) Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka Mahkamah hendaklah mengisyiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas untuk dipegang bagi keperluan Baitul Mal.

Dengan syarat bahawa sekiranya dia bertaubat sama ada sebelum dijatuhkan hukuman bunuh ke atasnya atau selepas dijatuhkan hukuman itu ke atasnya tetapi sebelum dijalankan lagi hukuman itu, maka hendaklah dia terlepas daripada hukuman bunuh, dan hartanya yang dihukum rampas itu hendaklah dipulangkan kepadanya. Dengan syarat selanjutnya bahawa dia hendaklah dipenjarakan selama tempoh yang

tidak melebihi lima tahun. Namun enakmen ini masih belum berkuatkuasa kerana dianggap bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.<sup>55</sup>

b) Seterusnya di Melaka, Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Syariah memperuntukkan mengenai percubaan murtad seperti berikut:-<sup>56</sup>

- 1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa pun, mengaku hendak keluar dari agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai seorang yang bukan Islam, mahkamah hendaklah, jika berpuas hati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukar iktikad dan kepercayaan agama Islamsama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.
- 2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah seksyen (1):-
  - a) Bertaubat dengan serta merta, mahkamah hendaklah setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut.
  - b) Jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, pegawai penjaga hendaklah melaporkan perkara itu, kepada mahkamah dan mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.
- 3) Pegawai penjaga hendaklah menyerahkan satu laporan kemajuan berhubung dengan orang yang ditahan itu kepada mahkamah pada setiap minggu.

---

<sup>55</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), m.s 530.

<sup>56</sup> *ibid*, m.s 532.

c) Peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan (Pindaan 2003)

Di Negeri Sembilan pula mengamalkan pendekatan yang ketiga bagi mereka yang membuat permohonan murtad di negeri tersebut. Peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan (Pindaan 2003) memperuntukkan bahawa sejurus apabila seseorang hakim di Mahkamah Tinggi Syariah mendengar permohonan tersebut secara *ex-parte*, pihak hakim hendaklah menangguhkan pendengaran kes berkenaan untuk suatu tempoh selama 90 hari dan pihak pemohon akan diserahkan kepada pihak Mufti untuk tujuan kaunseling. Sekiranya pemohon bertaubat dalam tempoh tersebut, Hakim akan merekodkan perkara tersebut dan pemohon akan dilepaskan. Tetapi sekiranya, selepas tamat tempoh tersebut dan pemohon masih berdegil dan tidak mahu bertaubat, ia akan dirujuk balik kepada Mahkamah. Mahkamah boleh membuat satu perisytiharan bahawa pemohon telah keluar Islam atau menangguhkan keputusan sehingga tempoh satu tahun. Sekiranya pemohon masih berdegil dan tempoh satu tahun tamat, hakim berkenaan boleh mengisyitiharkan bahawa pemohon berkenaan bukan lagi beragama Islam atau sebaliknya. Tiada sebarang bentuk hukuman atau penahanan mandatori diperuntukkan dalam Enakmen berkenaan.<sup>57</sup>

Bagi negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Sarawak, Pulau Pinang, dan Perlis tiada enakmen berkaitan murtad diperuntukkan dalam undang-undang. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa contoh kes yang berkaitan di negeri tersebut. Antara contoh kes dan kaedah penyelesaian bagi negeri tersebut adalah seperti berikut :

a) Wilayah Persekutuan

Sehingga kini, setiap pemohon yang mengemukakan permohonan untuk keluar Islam ditolak oleh Mahkamah Syariah justeru kerana tiada peruntukan berbuat demikian.

---

<sup>57</sup> [www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg). Lihat juga Seksyen 119, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (Pindaan 2003). Peruntukan baru ini menggantikan peruntukan dalam undang-undang lama iaitu Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan, 1991 (Pindaan 1995) di bawah Seksyen 90A.

Dalam satu kes yang tidak dilaporkan, *Rashidah bt Mohamad Myordin*,<sup>58</sup> pemohon telah dilahirkan sebagai seorang Islam. Semasa berusia tiga tahun pemohon telah diserahkan kepada keluarga angkat yang beragama Hindu dan dibesarkan mengikut ajaran agama Hindu. Pemohon memohon untuk keluar Islam di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan tetapi ditolak dengan alasan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian kerana tidak terdapat peruntukan keluar Islam. Walaupun begitu, Mahkamah menyatakan bahawa pemohon tidak pernah mengamalkan ajaran Islam dan justeru itu penganut adalah beragama Hindu mengikut Seksyen 2 (l) Akta pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan, 1993. Walaubagaimanapun, Mahkamah Syariah tidak boleh mengisytiharkan permohonan keluar Islam tersebut memandangkan mereka tidak mempunyai bidang kuasa tersebut.

### b) Sarawak

Tiada peruntukan bagi keluar Islam di negeri ini. Tetapi amalannya ialah melalui permohonan di Jabatan Agama Islam. Pihak yang memohon keluar Islam akan memasuki proses kaunseling dengan tujuan bertaubat. Sekiranya usaha ini gagal, pihak Jabatan Agama Islam akan mengeluarkan surat pengesahan tersebut. Dengan itu, pihak yang keluar Islam boleh memajukan permohonan tukar nama di Jabatan Pendaftaran, yang mana lazimnya tidak menghadapi sebarang masalah.<sup>59</sup>

### c) Pulau Pinang

Memandangkan tiada peruntukan untuk keluar Islam di Pulau Pinang, pemohon-pemohon telah pergi ke Mahkamah Sivil untuk mendapatkan *remidi*. Tetapi permohonan mereka ditolak justeru kerana Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa kerana bidang kuasa untuk menentukan sama ada seseroang itu seorang Islam atau sebaliknya

---

<sup>58</sup> Permohonan No. 14200-043-002-2003, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

<sup>59</sup> Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan YAA Tuan Haji Sham Haji Openg, Ketua Hakim JKSS pada 5 Ogos 2003.

adalah terletak di tangan Mahkamah Syariah. Apa yang menjadi amalan di Pulau Pinang ialah apabila terdapat permohonan keluar Islam, kes ini akan dirujuk kepada Mufti untuk sesi kaunseling dan taubat. Kedua-dua Hakim Mahkamah Syariah dan Mufti enggan membuat perisyntiharhan keluar Islam kerana tiada peruntukan berbuat demikian. Terdapat juga permohonan yang diajukan ke Jabatan Agama Islam Pulau Pinang tetapi tiada sebarang kelulusan dikeluarkan sehingga kini.<sup>60</sup>

#### d) Perlis

Perlis merupakan negeri yang pertama meluluskan Rang Undang-undang Pemulihan Akidah 2000 tetapi terpaksa menangguhkan hasrat tersebut. Ini kerana, melalui arahan dari Kerajaan Pusat, setelah menerima pelbagai memorandum bantahan dari pelbagai pihak, Rang Undang-undang yang telah diluluskan ditangguhkan penguatkuasaannya.<sup>61</sup>

Sesungguhnya, pada lewat tahun 1990an pihak Kerajaan Pusat melalui JAKIM telah menuahkan satu jawatankuasa bagi mendorong undang-undang mengenai murtad yang dikenali Rang Undang-undang Pemulihan Akidah dan bakal dibentangkan di Parlimen. Namun usaha ke arah itu terhenti kerana terdapat beberapa tentangan terhadap Rang Undang-undang tersebut yang menitikberat tahanan di Pusat Pemulihan Akidah selama 30 hari.<sup>62</sup>

Berkenaan bidangkuasa yang diperuntukkan untuk Mahkamah Syariah pula, memandangkan pada masa sekarang ini ia tidak diberikan peruntukan yang sewajarnya dalam Perlembagaan Persekutuan, maka dicadangkan agar undang-undang Islam juga disebutkan dalam tafsiran undang-undang di dalam Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan diadakan mengenai penubuhan Mahkamah Syariah, bidangkuasanya dan

---

<sup>60</sup> Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan YAA Dato' Che Yusof Puteh, Ketua Hakim JKSP pada 16 Ogos 2003.

<sup>61</sup> Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan Tuan Mat Zaraai Bin Alias, Penasihat Undang-undang Perlis (ketika itu) pada 18 Oktober 2001.

<sup>62</sup> Lihat [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 6 Oktober 2000; lihat juga *New Straits Time*, 6 Oktober 2000, m.s 2.

hakim serta pegawainya, penubuhan Pesuruhajaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah. Seperti yang disebut di atas bidangkuasa Mahkamah Syariah perlu diperluaskan supaya termasuk probet dan pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam, kuasa hendaklah diberi kepada pegawai penguatkuasa agama menjalankan kuasa menangkap dan menyiasat manakala Mahkamah Syariah diberi kuasa membicarakan dan menghukum kes-kes *qisas*, *diyah* dan *hudud*. Semua ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri.<sup>63</sup>

Selain itu, memandangkan pada masa ini juga tidak terdapat peruntukan khas di Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri bagi Perhakiman Syariah seperti yang terdapat bagi Perhakiman Sivil di Bahagian 9 Perlembagaan Persekutuan,<sup>64</sup> maka dicadangkan agar tindakan yang sama diberikan kepada Mahkamah Syariah. Ianya bersesuaian dengan kenyataan yang diutarakan oleh Professor Tan Sri, Datuk Ahmad Mohamad Ibrahim dalam bukunya Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia:<sup>65</sup>

*“Penulis berpendapat Perkara 121 (1A) adalah sebagai sesuatu permulaan dan bukan sebagai kesudahan dalam usaha menaikkan taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah”.*

Selain itu, oleh kerana kedudukan dan status Mahkamah-mahkamah Syariah dan pegawai-pegawaiannya telah dinaikkan dan diperbaiki, mungkin perlu diadakan peruntukan mengenai keanggotaan, kuasa, perlantikan dan tempoh memegang jawatan bagi mereka disebutkan dalam Perlembagaan dan ini akan menjadi lebih mudah dan berkesan jika Mahkamah-mahkamah Syariah ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.<sup>66</sup>

---

<sup>63</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), m.s 46.

<sup>64</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s 165.

<sup>65</sup> *op. cit*, m.s xvi.

<sup>66</sup> *ibid* m.s 47.

Jelas di sini menunjukkan bahawa banyak masalah Mahkamah-mahkamah Syariah mengenai status dan bidangkuasanya, perlantikan dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai kehakiman dan perundangan syariah boleh diselesaikan jika Mahkamah-mahkamah Syariah itu ditubuh sebagai Mahkamah Persekutuan, seperti Mahkamah Sivil. Pada permulaannya mungkin timbul keraguan di beberapa negeri, kerana negeri-negeri itu tidak mahu menyerahkan kuasanya dalam perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itulah dicadangkan langkah pertama diambil ialah menubuhkan Mahkamah-mahkamah Syariah Persekutuan dan Perkhidmatan Kehakiman serta Perundangan Syariah di Wilayah-wilayah dan negeri-negeri di mana Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Agama Islam.<sup>67</sup>

Selain itu, di Malaysia kerap terjadi pertentangan antara undang-undang di Malaysia dan hukum Islam dan juga antara keputusan kadi serta pendapat mufti dengan keputusan mahkamah awam. Mengikut undang-undang yang berlaku di Malaysia pada masa dahulu, apabila pertentangan itu terjadi, maka keutamaan diberi kepada undang-undang di Malaysia dan keputusan mahkamah awam. Untuk mengelakkan kejadian seperti itu dan mengagungkan semula hukum Islam, beberapa langkah harus diambil. Antaranya ialah memansuhkan Seksyen 3 dan 5 Akta Undang-undang Sivil, 1956.<sup>68</sup> Dengan memansuhkan peruntukan Akta itu, bermakna sistem perundangan di Malaysia tidak lagi bergantung kepada undang-undang Inggeris semata-mata. Ini kerana jikalau tidak ada undang-undang yang boleh dikenakan di Malaysia, dikehendaki merujuk kepada undang-undang Inggeris. Sedangkan seharusnya sistem perundangan di Malaysia harus bebas mencari panduan daripada undang-undang lain, khasnya daripada undang-undang Islam.<sup>69</sup>

---

<sup>67</sup> *ibid*, m.s 48.

<sup>68</sup> Akta Undang-Undang Sivil, 1956 (Akta 67). Lihat Ahmad Mohamed Ibrahim (1986), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s 4.

<sup>69</sup> *op.cit*, m.s 15.

Seterusnya hendaklah diadakan suatu Perkara di dalam Perlembagaan Malaysia seperti mana yang dicadangkan oleh Professor Tan Sri, Datuk Ahmad Mohamad Ibrahim dalam bukunya Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia iaitu:<sup>70</sup>

*“Mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakat mana ia bertentangan itu”.*

Syarat seperti ini juga sebenarnya telah diadakan dalam Perlembagaan Pakistan<sup>71</sup>. Jika ianya dikuatkuasa di Malaysia, maka pastinya tidak akan berlaku pertentangan dengan undang-undang Islam itu sendiri.

Selain itu, perundangan di Malaysia juga boleh mewujudkan syarat di semua kanun dan akta bahawa jika tidak ada peruntukan di dalam kanun atau Akta itu mahkamah hendaklah merujuk kepada undang-undang Islam.<sup>72</sup> Ini kerana undang-undang Islam perlu dilihat sebagai penyelesai masalah masyarakat terutamanya apabila masyarakat tersebut terdiri dari kalangan individu Islam.

Natijahnya, undang-undang di Malaysia masih mempunyai keterikatan dengan undang-undang sivil yang dipelopori oleh masyarakat bukan Islam. Kesannya, undang-undang Islam tidak dapat diamalkan sepenuhnya di negara ini kesan dari pertentangan yang wujud di antara kedua-dua sistem perundangan ini. Walaubagaimanapun, keadaan boleh berlaku sebaliknya jika semua pihak bekerjasama dalam usaha memastikan perundangan Islam terlaksana di Malaysia di mana majoriti rakyatnya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Negara-negara Islam seperti Arab Saudi, Pakistan dan sebagainya yang mengamalkan sistem perundangan Islam boleh dilihat sebagai contoh yang mana kesannya sehingga kini, perundangan Islam yang dilihat sebagai ‘sangat berat’ perlaksanaannya hanya sekadar undang-undang sahaja bermula dari rasa gerun

---

<sup>70</sup> *ibid*, m.s 15.

<sup>71</sup> Perlembagaan Pakistan, Perkara 227.

<sup>72</sup> *op.cit*, m.s 15.

masyarakat terhadap ketegasan sistem perundangan Islam itu sendiri dalam membanteras jenayah, tidak terkecuali dari sudut jenayah riddah. Ianya seperti yang dinyatakan oleh Dr. Maarof al-Dawalibi yang berucap dalam perbincangan yang telah diadakan di antara ahli hukum Saudi dan juris Barat di Riyadh pada tahun 1972 iaitu:<sup>73</sup>

*“Saya telah tinggal di negara ini tujuh tahun dan saya pernah melihat atau mendengar ada tangan yang dipotong kerana mencuri. Ini kerana kesalahan itu jarang berlaku. Apa yang tinggal dari hukuman itu ialah kejamnya, yang telah membolehkan semua orang tinggal di dalam kesejahteraan dan kesentosaan dan bagi mereka yang ingin hendak mencuri terus mempunyai tangan yang tidak dikudungkan. Dahulunya apabila tempat-tempat ini mengikut undang-undang mengikut Kanun Keseksaan Perancis di bawah empayar Ottoman, jemaah haji yang berjalan antara Mekah dan Madinah tidak merasa aman harta dan nyawa mereka, kecuali jika mereka mempunyai pengawal yang kuat. Akan tetapi apabila negara ini menjadi kerajaan Saudi dan undang-undang al-Quran telah dikuatkuasakan, jenayah terus lenyap. Seseorang boleh berjalan bukan sahaja antara Mekah dan Madinah, akan tetapi juga dari Dahran di Teluk ke Jeddah di tepi Laut Merah dan melalui jauh lebih dari seribu lima ratus kilometer menyeberang padang pasir seorang diri atau dengan kereta pakainya dengan tidak khuatir keselamatan dirinya atau hartanya sama ada harta itu berjuta-juta ringgit atau ia seorang asing.”*

---

<sup>73</sup> *ibid*, m.s 29.

## ii) Kerajaan

Malaysia merupakan antara salah sebuah negara yang mengamalkan doktrin pengasingankuasa. Ia dapat dilihat dalam kes Loh Kooi Choon lwn Govt. Of Malaysia,<sup>74</sup> Hakim Raja Azlan Shah berkata:

*“Perlembagaan Malaysia telah menggunakan doktrin pengasingan kuasa sebagai asas di dalam pembentukan Perlembagaannya.”*

Walaubagaimanapun, doktrin yang diamalkan di Malaysia berbeza dengan doktrin yang asal di mana Malaysia mengamalkan doktrin yang mengutamakan kuasa relatif antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman.<sup>75</sup> Menerusi badan kehakiman, mahkamah Syariah perlu diberikan hak dan kuasa yang sewajarnya dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia. Antaranya ialah pada tahun 1988, satu pindaan telah dibuat di Parlimen terhadap Perkara 121 (1A) dengan menambah fasal (1A). Perkara 121 (1) menyebut :

1) *Maka hendaklah ada dua mahkamah Tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya iaitu:-*

a) *Satu di Negeri-negeri Tanah Melayu yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di mana-mana tempat di Negeri-Negeri Tanah Melayu yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan*

---

<sup>74</sup> (1977), MLJ 187.

<sup>75</sup> Hapriza Ashari (2003), *Prinsip Undang-undang Malaysia*, Batu Caves, Selangor, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, m.s 27.

b) Satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di mana-mana tempat di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, sebagaimana ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.<sup>76</sup>

Profesor Ahmad Ibrahim pernah menyatakan bahawa salah satu impak besar dari pindaan ini ialah kuasa mahkamah Sivil dikeluarkan dari mendengar kes-kes yang melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah serta untuk mengelakkan percanggahan di masa hadapan terhadap kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Sebelum ini, Mahkamah Sivil mempunyai kuasa untuk menyemak semula keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah. Kesan dari pindaan ini pastinya dapat menyelesaikan masalah pertindihan bidang kuasa di antara kedua-dua mahkamah ini.<sup>77</sup>

Selain itu, kerajaan juga berusaha bersungguh-sungguh memastikan keistimewaan Melayu-Islam tidak diganggu gugat oleh kaum lain. Misalnya, suatu masa dahulu sebuah NGO yang dikenali sebagai kumpulan *Interfaith Council* (IFC) yang mempunyai perancangan terliti untuk merosakkan agama Islam. Ia merupakan sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran akibat desakan pengikut agama lain. Kelompok ini juga turut mengemukakan 14 tuntutan orang-orang bukan Islam yang dibuat melalui IFC yang secara jelasnya mengancam kedudukan agama Islam di Malaysia.<sup>78</sup> Selain itu, wujudnya Kumpulan Artikel 11 yang membangkitkan isu berkaitan Artikel 11 dan Artikel 121 (A) Perlembagaan Persekutuan serta berkempen di seluruh negara atas alasan kononnya untuk menyedarkan rakyat mengenai kebebasan beragama.

---

<sup>76</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), International Law Book Services, Petaling Jaya, m.s 165.

<sup>77</sup> Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (1997), Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia, m.s 41-43. Lihat juga Ahmad Ibrahim, "The Ammendment to Article 121 (1A) of the Federal Constitution: Its Effect on the Administration of Islamic Law" (1989), 2 MLJ, m.s xvii-xxii.

<sup>78</sup> Riduan Mohammad Nor (2006), *Murtad Implikasi Hukum dan Fenomena*, Selangor: MHI Publication. m.s 44

Namun kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussien pada Perhimpunan Agong UMNO pada akhir tahun 2006 berjaya meredakan konflik yang berlaku:

*“Jangan sewenang-wenangnya mempermainingkan, mempertikai dan mencabar kedudukan orang Melayu dan agama Islam di negara ini, sebarang gerakan apa sekalipun, hatta atas nama kebebasan beragama, kebebasan bersuara atau kebebasan media tidak akan dibiarkan mencabar hak dan kedudukan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara”.*

Selain itu, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussien juga turut menyatakan:

*“Pemuda berpendapat bahawa apa-apa persoalan dan isu berkaitan dengan agama Islam hendaklah didengar dan diadili oleh Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivil sesuai dengan artikel 121 (A) Perlembagaan Persekutuan”.*<sup>79</sup>

Selain itu, dari sudut tafsiran ‘agama bukan Islam’ yang terkandung dalam Enakmen Negeri juga sudah boleh digunakan untuk menafsirkan golongan yang membawa ajaran selain ajaran Islam yang sebenarnya. Misalnya Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1989 Negeri Pahang dalam mendefinisikan istilah agama bukan Islam sebagai agama Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, Yahudi, Bahai dan lain-lain agama yang tidak diakui oleh agama Islam atau apa-apa variasi, versi, bentuk, atau cabang mana-mana agama tersebut, dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi, falsafah, atau apa-apa amalan atau penunaian, yang mana salah satu daripada sifat-sifatnya ialah menyembah suatu wujudan atau kuasa spiritual atau ghaib, sama ada benar atau yang disangkakan, atau yang mengakui bahawa tujuannya

---

<sup>79</sup> Milenia Muslim (Disember 2006), *IFC tiada tempat di negara ini-Pemuda UMNO*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) m.s 5.

atau salah satu daripada tujuan-tujuannya ialah pencapaian pengajaran spiritual, perlindungan spiritual, atau kewujudan spiritual, iaitu suatu pegangan ideologi, falsafah, atau amalan atau penunaian yang tidak diakui oleh agama Islam sebagai berunsur Islam.<sup>80</sup>

Kalau diteliti takrifan itu dengan mendalam, ia juga membawa maksud apa-apa ajaran yang bertentangan dengan mazhab Ahli Sunah wal-jamaah yang diterima pakai sebagai kepercayaan dan amalan umat Islam di negara ini. Ini bermakna bahawa enakmen yang digubal mengikut kuasa Artikel 11(4) itu boleh terpakai dalam pengembangan agama Islam itu sendiri, misalnya ajaran Syiah atau apa-apa ajaran yang disifatkan menyeleweng daripada mazhab yang empat.<sup>81</sup>

Peguam Pawancheek Marican dalam satu tulisannya yang mengupas dengan panjang lebar mengenai Artikel 11(4) membuat pemerhatian bahawa takrifan itu mencakupi kepercayaan pagan dan animisme, serta apa-apa kepercayaan dan amalan yang tidak diakui oleh Islam.

*“Ini tentunya merangkumi ajaran Ayah Pin, ketua pertubuhan haram yang dikenali sebagai Kerajaan Langit di Terengganu yang mendapat liputan meluas oleh akhbar dan majalah, dalam dan luar negara,”* tulisnya.<sup>82</sup>

Maknanya undang-undang inilah yang boleh dipakai bagi membendung pengembangan ajaran-ajaran sesat yang difatwakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, dan bukannya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

---

<sup>80</sup> [www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg)

<sup>81</sup> Memahami Artikel 11 (4), Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006.

<sup>82</sup> *Ibid.*

Misalnya, serangan ke atas perkampungan ‘Kerajaan Langit’ di Hulu Besut, Terengganu pada pertengahan Julai tahun 2005, banyak pihak termasuklah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin dan Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria mendesak kerajaan supaya menahan Ayah Pin di bawah ISA. Ini kerana sebelum ini pihak eksekutif kerajaan Malaysia menggunakan akta yang sama dalam menahan kegiatan militan Islam yang didakwa ganas dan mengancam keselamatan negara.<sup>83</sup> Kesannya, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Bakri Omar pula kemudian membuat kenyataan bahawa Ayah Pin atau nama sebenarnya Ariffin Mohamad boleh ditahan di bawah ISA, tertakluk kepada arahan Menteri Keselamatan Dalam Negeri.<sup>84</sup>

Semua desakan itu kemudiannya reda apabila Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (ketika itu), Datuk Noh Omar menjelaskan bahawa kerajaan tidak akan menggunakan ISA untuk menahan Ayah Pin. Walaupun beliau mengatakan peruntukan undang-undang sedia ada masih mampu untuk membendung kegiatan itu, Datuk Noh Omar tidak bercakap mengenai enakmen yang digubal di bawah Artikel 11(4) sebaliknya Enakmen Jenayah Syariah Negeri Terengganu. Walaupun sehingga kini Ayah Pin masih tidak dapat dikesan, namun akhirnya ajaran Ayah Pin itu telah difatwakan sesat oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu mengikut Seksyen 25 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986.<sup>85</sup>

Begitu juga dalam kes Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lawan Jamaludin @ Yeshua Jamaludin bin Othman<sup>86</sup>, ia melibatkan permohonan *habeas corpus* seorang pemuda Melayu yang didakwa memeluk agama Kristian dan terlibat dalam gerakan menyebarkan agama tersebut di kalangan orang-orang Melayu. Kedua-dua Mahkamah

---

<sup>83</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad, Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, m.s 50.

<sup>84</sup> *op.cit.*

<sup>85</sup> [www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg)

<sup>86</sup> Menteri Hal Ehwal dalam Negeri lawan Jamaluddin bin Othman (1988) 1 Malayan Law Journal (MLJ), m.s 369 dan 418.

Tinggi dan Mahkamah Agung memutuskan bahawa ISA tidak boleh digunakan bagi membendung kegiatan penyebaran agama Kristian di kalangan orang Melayu. Menurut mahkamah, kebebasan seseorang individu untuk menganut dan mengamalkan agamanya yang dilindungi oleh Perlembagaan tidak boleh dihalang melalui ISA.<sup>87</sup> Dalam kes itu, Jamaludin yang telah keluar Islam dan berjaya mengkristiankan enam orang Melayu telah ditahan di bawah ISA dalam Operasi Lalang pada Oktober 1987. Mahkamah Tinggi kemudian membebaskan paderi Melayu itu atas alasan beliau mempunyai hak untuk menganut agamanya seperti yang dijamin melalui Artikel 11(1).<sup>88</sup>

Bagaimanapun keputusan kes itu bukanlah bermakna kebebasan beragama di bawah Artikel 11(1) itu merupakan satu kebebasan yang mutlak. Kebebasan itu masih terikat kepada Artikel 11(5) iaitu hendaklah tidak berlawan dengan mana-mana undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak.<sup>89</sup>

Kedudukan ini diakui oleh mahkamah dalam kes Ahmad Yani b. Ismail dan Anor lwn Ketua Polis Negara, ketika mana ia menolak permohonan *habeas corpus* dua pengikut Jemaah Islamiah (JI) yang ditahan di bawah ISA. Dalam kes itu, Hakim Datuk Heliliah Mohd. Yusoff menegaskan, kuasa yang diberikan kepada Parlimen dan dewan-dewan undang negeri untuk menggubal undang-undang menyekat penyebaran agama bukan Islam melalui Artikel 11(4) itu jelas menunjukkan bahawa hak yang diberikan di bawah Artikel 11(1) itu bukanlah sesuatu yang mutlak.<sup>90</sup> Ini kerana dalam Perlembagaan Malaysia, pengembangan agama selain Islam tidak boleh disebarluaskan dengan sewenang-wenangnya kepada penganut agama Islam.<sup>91</sup>

---

<sup>87</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad, Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, m.s 50.

<sup>88</sup> Abdul Aziz Bari (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, m.s 43.

<sup>89</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), Petaling Jaya: International Law Book Services, m.s13.

<sup>90</sup> *Memahami Artikel 11 (4)*, Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006.

<sup>91</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), *op.cit.*

Selain itu, menurut pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob menyatakan, kerajaan juga sudah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Keagamaan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk dijadikan forum pelbagai isu oleh mana-mana pertubuhan agama. Jawatankuasa ini boleh digerakkan secara optimum untuk meningkatkan kefahaman masyarakat umum. Cuma diingatkan supaya jangan mengambil kesempatan dialog untuk kepentingan kumpulan tertentu. Katanya lagi:<sup>92</sup>

*“Semua pihak perlu mendahulukan kepentingan negara mengatasi yang lain barulah negara selamat. Kita mesti meletakkan kasih sayang kepada negara di tempat utama dan jangan cuba mengambil kesempatan melakukan sesuatu yang boleh merosak dan menjelaskan kestabilan dan keharmonian. Ini penting kerana kita akan mewariskan keadaan itu kepada generasi akan datang.”*

Bagi negeri yang mana kuasa perundangan negeri dikuasai oleh orang bukan Islam, seperti yang berlaku di Sabah apabila negeri tersebut dikuasai oleh PBS sebuah parti Kristian, maka kedudukan agama Islam itu diperjuangkan dengan tertubuhnya USIA atau Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (*United Sabah Islamic Assosiation*) pada tahun 1969. Kehadiran tokoh-tokoh agama sama ada Islam atau Kristian ini menjadikan sistem demokrasi di Sabah didukung oleh semangat agama.<sup>93</sup> Semangat agama ini jugalah yang berperanan mempertahankan akidah umat Islam di sana dari terjebak dengan gejala murtad.

Seterusnya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranannya dalam menangani isu ini. Antara cara terbaik yang dicadangkan oleh JAKIM bagi mengatasi masalah murtad ini ialah:<sup>94</sup>

---

<sup>92</sup> *Jangan Permain isu Agama*, Utusan Malaysia, 17 Oktober 2006.

<sup>93</sup> Ismail Yusof (1997), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), m.s 80-81.

<sup>94</sup> [baheis.islam.gov.my/web/musykil.nsf](http://baheis.islam.gov.my/web/musykil.nsf) 11 jun 2007.

- 1) Jika seseorang itu murtad kerana akidahnya maka jabatan yang bertanggungjawab wajib memulihkan akidah pesalah dengan terlebih dahulu mengasingkannya dan memberi bimbingan yang berterusan dengan masa yang secukupnya supaya pesalah dapat memahami kesilapannya atau kesalahannya. Sekiranya pesalah masih ingkar dan tidak menerima ajaran yang sebenar bolehlah dikenakan hukuman penjara dengan memberi bimbingan dengan tujuan memulihkan akidahnya. Sekiranya masih lagi murtad terpulanglah kepada pihak berwajib untuk menjalankan hukuman yang sebenar iaitu hukuman bunuh.
- 2) Dalam menangani masalah ini, JAKIM dan semua Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sentiasa memainkan peranan dalam mengatasi gejala sosial yang berlaku di Malaysia khususnya isu murtad. Di antaranya, JAKIM dan semua agensi kerajaan telah mengadakan beberapa program atau taklimat isu semasa atau isu ajaran salah kepada masyarakat.

Selain itu, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggesa kerajaan memberi kuasa dan menambah bilangan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memantapkan fungsi agensi itu sebagai perancang pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah negara ini. Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Datuk Mohd Nakhaie Ahmad berkata, langkah tersebut perlu memandangkan badan itu kini sudah terlalu ‘tertekan’ dengan cabaran dengan tuntutan masa.<sup>95</sup>

Selain itu, terdapat juga individu-individu yang berautoriti dalam kerajaan yang mencadangkan beberapa kaedah penyelesaian dalam usaha menangani masalah murtad ini dari terus berleluasa. Misalnya, menurut Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang juga Ketua Hakim Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman

---

<sup>95</sup> Khairun Nizam dan Mohammad Yusuff, *Beri Kuasa, Tambah Kakitangan JAKIM- NGO*, Utusan Malaysia, 8 November 2006.

menjelaskan betapa pentingnya akta perlindungan akidah diwujudkan di Malaysia bagi mengatasi masalah ini. Ianya dinyatakan menerusi kenyataannya iaitu:

*“Akta Perlindungan Akidah perlu diwujudkan di semua peringkat bagi menangani gejala murtad di kalangan umat Islam negara ini”.*<sup>96</sup>

Seterusnya menurut Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria berkata, JAKIM sepatutnya bersikap proaktif dengan menjalankan kajian dan siasatan berhubung masalah murtad di negara ini kerana isu itu satu perkara yang serius bagi umat Islam. Katanya, jabatan itu sepatutnya telah bertindak menjalankan kajian mengenai isu itu tanpa perlu menunggu laporan daripada mana-mana pihak. Katanya:

*“Mereka tidak serius dengan isu ini... satu kes murtad pun sudah cukup serius. Apa nak tunggu sampai 100,000 orang.”*

*“Ini seolah-olah anggap perkara ini bukan masalah serius di kalangan umat Islam,” katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.”*

Ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Mustafa Abdul Rahman supaya pihak yang menjalankan kajian dan mendapati 100,000 orang Islam murtad supaya menyerahkan laporan kepada jabatan itu, Harussani berkata, beliau sedia memberikan laporan. Harussani juga berkata, adalah lebih baik bagi JAKIM memulakan kajian dan siasatan untuk menangani masalah itu kerana pendedahan telah dibuat.<sup>97</sup>

### iii) NGO

Kelompok NGO di Malaysia terdiri dari pelbagai pertubuhan. Ada yang ditubuhkan disebabkan persamaan dari sudut agama, aliran pemikiran dan sebagainya.

---

<sup>96</sup> *Wujud Akta Lindungi Akidah*, Utusan Malaysia, 16 Julai 2006.

<sup>97</sup> *Mufti Perak kata JAKIM tak Serius dalam Isu Murtad*, Utusan Malaysia, 10 Julai 2006.

Kelompok ini mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam masyarakat. Peranan yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan ini juga sangat besar kerana ia mampu merubah aliran pemikiran masyarakat semasa. Kelompok ini juga bebas mengadakan program, kempen dan pelbagai aktiviti selagi mana ia tidak bertentangan dengan undang-undang.

Namun, muktahir kini, kelompok NGO terutamanya pertubuhan bukan Muslim dilihat semakin giat mengadakan program yang mempertikaikan kedudukan agama Islam di Malaysia. Malah lebih membimbangkan, program sebegini turut disertai dan disokong oleh NGO yang terdiri dari ahli beragama Islam tetapi berpemikiran liberal. Misalnya dalam isu IFC, Artikel 11, malah dalam isu murtad juga dilihat oleh mereka sebagai kebebasan individu dalam beragama.<sup>98</sup>

Kesannya, pada bulan Ogos 2006, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah mengarahkan supaya perdebatan isu-isu keagamaan diberhentikan di arena awam. Sesungguhnya pertubuhan bukan kerajaan Muslim seperti *Muslim Professionals Forum* (MPF) mengalu-alukan saranan Perdana Menteri ini. Selain itu, dalam isu berkenaan penubuhan IFC, ia turut mendapat tentangan yang hebat dari kelompok NGO Islam di Malaysia. Kesannya ia membawa kepada penubuhan ACCIN (*Allied Coordinating Committee Of Islamic NGOs*). Gabungan ini ditubuhkan bertujuan untuk mempertahankan akidah umat Islam dan Islam yang semakin berani dicabar dan di debat secara terbuka oleh orang-orang bukan Islam. Walaupun kebebasan berfikir dan kebebasan bersuara merupakan hak asasi yang mencernakan sebuah masyarakat yang demokratik dan bertamadun, namun demikian, suasana keterbukaan yang dipraktikkan kini oleh kerajaan telah disalah guna oleh beberapa pihak untuk mengutuk Islam di bawah naungan kebebasan beragama.<sup>99</sup>

Ia bermula dengan isu penguatkuasaan moral, usaha ke arah pembasmian Artikel 121(1A), kes Allahyarham Moorthy, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah

---

<sup>98</sup> *Jangan Pertikai Perkara 121 (A)*, Utusan Malaysia, 25 Julai 2005.

<sup>99</sup> Mazeni Alwi, *Hentikan Debat Isu Agama*, Utusan Malaysia, 11 Ogos 2006.

Persekutuan), kes murtad Azlina Jelani (Lina Joy) dan yang terbaru ialah forum ‘Memeluk Islam’,<sup>100</sup> anjuran Majlis Peguam Malaysia yang mengakibatkan berlakunya bantahan keras dari pelbagai pihak. Kesemuanya mempamerkan nuansa penghinaan terhadap agama Islam. Ini termasuk merendahkan martabat ajaran agama Islam, mengaibkan syariat Islam, memandang rendah kuasa alim ulama dan institusi-institusi Islam.<sup>101</sup>

Seterusnya, wakil-wakil NGO yang beraspirasikan Islam juga seringkali mengadakan perbincangan khas bagi merangka sikap dan gerak kerja bersama untuk menangani pelbagai isu-isu berkaitan dengan kedudukan Islam di Malaysia. Misalnya satu perbincangan khas yang telah diadakan pada 16 Julai 2006. Kesannya mesyuarat tersebut memutuskan untuk menubuhkan gabungan yang dinamakan Pertubuhan-Pertubuhan (NGO) Pembela Islam (PEMBELA) sebagai rangkaian gerak kerja bersama pertubuhan-pertubuhan tersebut.<sup>102</sup>

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil lebih 50 buah pertubuhan beraspirasikan Islam termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Peguam Pembela Islam (PPI), Wadah Pencerdasan Umat (WADAH), Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Muslim Professional Forum (MPF), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Teras Pengupayaan Melayu (Teras), MUAFAKAT, badan-badan pelajar dan lain-lain Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Ia turut dihadiri oleh wakil-wakil taman perumahan, surau, masjid, para peguam, individu-individu yang mendokong aspirasi yang sama, selain para peguam yang terlibat secara langsung mengendalikan kes-kes berkenaan permohonan keluar Islam di negara ini.

---

<sup>100</sup> Zulkifli Jalil, *Amaran Kepada Semua-Jangan Anjur Lagi Forum Sentuh Sensitiviti Kaum, Agama – Perdana Menteri*, Utusan Malaysia, 12 Ogos 2008.

<sup>101</sup> *Op.cit*

<sup>102</sup> [www.abim.org.my/](http://www.abim.org.my/) *Perbincangan khas NGO-NGO Islam mengenai Lina Joy dan isu semasa*

Di dalam mesyuarat tersebut, PEMBELA telah bersepakat bahawa isu murtad di negara ini sudah berada di tahap yang membimbangkan dan kesal dengan usaha berterusan pihak-pihak tertentu yang bertujuan menggugat kedudukan Islam di Malaysia melalui saluran perundangan. PEMBELA melihat persoalan status keislaman dan permohonan untuk keluar dari Islam adalah persoalan yang harus diadili oleh para hakim yang memahami perundangan Islam di Mahkamah Syariah; dan bukan di Mahkamah Sivil terutama apabila ia melibatkan para hakim bukan Islam. Gabungan tersebut mengajak semua pihak terutama kerajaan melihat masalah murtad secara jujur dan serius.<sup>103</sup> Mereka percaya masalah tersebut boleh ditangani tanpa menimbulkan sebarang kekecohan sekiranya ditangani dengan bijak. Pihak PEMBELA bersedia untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan serta mana-mana NGO yang turut berminat bagi mengatasi masalah tersebut.

Manakala Presiden Front Bertindak Anti Murtad Negara (FORKAD), Wan Sukairi Wan Abdullah, menegaskan pada malam merdeka pada tahun 2006, FORKAD telah berusaha mengedar 80 ribu keping poster kepada umat Islam. FORKAD juga mengadakan majlis penerangan secara besar-besaran dan menyampaikan mesej supaya orang Islam berhati-hati. Kesannya, mesej FORKAD telah sampai kepada orang Islam. Ada penerima bantuan daripada agama lain sanggup bersemuka dengan mereka. Secara berterus terang Wan Sukairi mengakui FORKAD tidak memiliki sumber dana yang besar seperti pihak agama lain. FORKAD diwujudkan hanya dengan kesedaran untuk menyelamatkan akidah orang-orang Islam. Apa yang termampu dilakukan hanyalah menyediakan kaunseling dan teleinfo bagi memudahkan orang ramai membuat aduan.<sup>104</sup>

---

<sup>103</sup> www.myislamnetwork.net/, 4 jun 07

<sup>104</sup> Kami Perjudikan Akidah Untuk Beri Makan Anak-Anak, Mastika, November 2006 m.s 40.

#### iv) Orang Awam

Melihat kepada fenomena penularan gejala murtad di kalangan umat Islam, masyarakat perlu disedarkan betapa pentingnya sikap prihatin terhadap isu dan permasalahan ini. Walaupun satu ketika dahulu mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Dr. Abdullah Md. Zin pernah menyangkal dakwaan bahawa golongan murtad di Malaysia dikatakan telah mencecah ke 250,000 orang dan dakwaan tersebut dikatakan datang daripada sumber Internet yang diusahakan oleh pendakwah Kristian,<sup>105</sup> tetapi masyarakat harus berwaspada mengeninya. Ini kerana dalam era kehidupan yang penuh mencabar ini, amat wajar bagi kita memastikan akidah diri, ahli keluarga serta masyarakat Islam secara keseluruhannya tidak tergadai dalam apa jua keadaan sekalipun. Sebagai seorang Muslim yang beriman, dalam apa jua keadaan ataupun sesibuk mana sekalipun, sama ada sebagai pekerja atau pelajar, kita seharusnya tidak melupakan peranan dalam mengukuhkan akidah dalam diri.<sup>106</sup>

Selain itu, golongan yang berhajat untuk memeluk Islam perlu difahamkan dengan pengertian Islam yang sebenar. Walaupun tiada paksaan dalam Islam bagi usaha mengajak penganut agama lain memeluk Islam, namun apabila seseorang telah memeluk Islam, maka tiada istilah keluar Islam bagi penganutnya. Soal murtad dilihat bermasalah oleh orang yang melihatnya dari sudut pandangan keluar-masuk, kerana murtad difahami sebagai keluar Islam. Walau bagaimanapun, undang-undang tetap mempunyai fungsi yang tersendiri. Undang-undang patut digubal bagi menghukum orang yang menghina agama Islam dengan membuat ikrar palsu bagi mencapai tujuan-tujuan peribadi. Undang-undang dan peraturan patut digubal bagi memastikan hanya yang yakin dengan kebenaran Islam dan benar-benar mahu ‘jadi Muslim’ akan diterima ‘masuk Islam’.<sup>107</sup>

---

<sup>105</sup> Angka Murtad dalam SMS Tidak Betul, Utusan Malaysia, 9 November 2006.

<sup>106</sup> A. Mohd Rahimin Sihat, *Kepentingan Memelihara Akidah*, Utusan Malaysia, 21 Julai 2006.

<sup>107</sup> Apabila Bergelar Muslim, Utusan Malaysia, 14 Julai 2006.

Selain menguatkuasakan undang-undang yang sudah wujud di sesetengah negeri sejak 25 tahun yang lalu, satu perkara lagi yang mesti diberikan perhatian ialah usaha-usaha mendidik orang ramai dan khususnya pihak berkuasa bagi meningkat kesedaran terhadap undang-undang berkenaan. Bagi tujuan perbincangan ini, perlulah melihat kepada Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) Selangor, 1988. Haruslah diketahui bahawa ia bukan satu undang-undang syariah sebaliknya undang-undang sivil. Enakmen berkenaan memperuntukkan kesalahan jenayah di bawah undang-undang itu dibicarakan di hadapan majistret. Kesemua kesalahan dan kes di bawah enakmen berkenaan juga dianggap sebagai kesalahan dan kes boleh tangkap (*seizable*) yang mana seseorang yang disyaki melakukan kesalahan boleh ditangkap tanpa waran.<sup>108</sup>

Tidak menafikan hukuman yang telah ditetapkan dalam kanun syariah bagi golongan yang murtad adalah sangat berat. Namun dalam usaha ingin mengajak masyarakat supaya menangani isu murtad dengan dengan lebih berhemah lagi, maka peranan dakwah, kaunseling, ziarah harus dilaksanakan.<sup>109</sup> Pandangan fuqaha' juga menyarankan orang murtad itu diberi tempoh untuk kembali ke pangkuan Islam.<sup>110</sup>

Sesungguhnya menjauhkan diri daripada golongan murtad akan memburukkan lagi keadaan dan mungkin ada pihak lain yang akan mengambil kesempatan. Dari sudut pergaulan tidaklah salah, kerana hubungan adik-beradik seperti air, tidak akan putus biarpun dicincang. Malah bergaul dengan golongan ini juga tidak akan membawa ke neraka. Firman Allah:

---

<sup>108</sup> *Memahami Artikel 11 (4)*, Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006

<sup>109</sup> Mohd. Farid Ravi Abdullah, *Jangan Sisihkan Orang yang Murtad*, Utusan Malaysia, 10 November 2006.

<sup>110</sup> Said Ibrahim (1998), *Jinayah Murtad, Dari Sudut Hukum Syarak dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, m.s 14.

مَنْ أَهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضْلُلُ عَنْهَا وَلَا تُرِكَ  
 وَازِرَةٌ وِزَرَ أُخْرَى وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَقًّا نَّبَعَثُ رَسُولًا ﴿١٥﴾

*Sesiapa yang beroleh hidayah petunjuk (menurut panduan Al-Quran), maka sesungguhnya faedah petunjuk yang didapatinya itu hanya terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya kesan buruk kesesatannya hanya ditanggung oleh dirinya juga. dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja). dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).*

(al-Isra': 15).

Seterusnya, umat Islam juga dilihat perlu berjihad. Antara jihad yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam di negara ini ialah mendidik anak, isteri, keluarga dan juga masyarakat tentang kefahaman al-Quran, menjadi seorang mukmin yang sejati, mempunyai kesedaran jati diri, iman yang tinggi, mempunyai semangat membela agama dan saudara seagama. Ibu bapa merupakan tonggak penting dalam perlaksanaan jihad ini. Golongan ini perlu memainkan peranan sebagai pendakwah untuk menyebar, menyampaikan dan menerapkan nilai-nilai Islam terhadap anak-anak dan isteri.<sup>111</sup>

### 3.6 Kesimpulan

Konklusinya, setiap kaedah penyelesaian ini tidak akan mencapai keberkesan yang menyeluruh jika tidak mendapat kerjasama dari semua pihak dalam usaha menangani masalah jenayah murtad ini. Sistem perundangan Islam yang berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah perlu dilihat sebagai sumber utama dalam menangani masalah ini dan perlu diaplikasikan perlaksanaannya dalam masyarakat. Pihak kerajaan yang dilihat

<sup>111</sup> Wan Mohd. Hafiz Wan Hamzah, *Anak VIP bertaubat selepas Murtadkan 500 Orang Melayu*, Mastika, Disember 2006 terbitan Utusan karya Sdn. Bhd, ms 106.

sebagai badan eksekutif dalam pentadbiran negara perlu memainkan peranan sebagai penggerak dan pemantau dalam memastikan perundangan ini dilaksanakan. Manakala masyarakat perlu memainkan peranan melaksanakan tanggungjawab tersebut, bukan sekadar diamalkan untuk diri sendiri malah saling mengingatkan antara satu sama lain tentang bahayanya jenayah riddah ini dan betapa pentingnya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan seharian.

## BAB IV

### ANALISIS KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, penyelidik mengemukakan penilaian ringkas terhadap draf akta murtad terbaru serta menganalisis kaedah penyelesaian yang telah dikemukakan dalam bab III dalam usaha menangani masalah murtad ini daripada terus berleluasa. Bab ini juga turut menghuraikan tentang statistik permohonan serta persoalan-persoalan yang timbul hasil dari kajian ini.

#### 4.2 Statistik permohonan murtad bagi tahun 2000 hingga 2006

Statistik permohonan murtad yang didapati di JAKIM hasil daripada kajian fail menunjukkan peningkatan yang tinggi pada tahun 2004 hingga 2006. Sejumlah 46 kes pada tahun 2004 dan 2005 manakala 41 kes pada tahun 2006 berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Ia seperti yang termaktub dalam jadual di bawah:-

Bilangan Pemohon Di Seluruh Malaysia Mengikut Tahun			
Tahun	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah
2000	5	2.8	2.8
2001	5	2.8	2.8
2002	16	9	9.1
2003	17	9.6	9.7
2004	46	25.8	26.1
2005	46	25.8	26.1
2006	41	23	23.3
Jumlah	176	98.9	100
Rekod tidak lengkap	2	1.1	
Jumlah	178	100	

Bilangan Pemohon Mengikut Negeri			
	Selangor	Wilayah Persekutuan	Johor
Frekuensi	26	18	4
Peratus	14.8	10.2	2.3
Peratus Sah	14.8	10.2	2.3

Jumlah Permohonan Pindaan Nama dan Agama Kerana Keluar Islam Di Seluruh Malaysia		
TAHUN	JUMLAH MOHON	JUMLAH LULUS
2000	158	38
2001	169	31
2002	100	37
2003	144	35
2004	168	34
2005	199	43
2006 (sehingga Oktober 2006)	126	8
JUMLAH	1064	226

\* Penyelidik tidak dibenarkan untuk mendapatkan data dan maklumat terperinci permohonan daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara disebabkan oleh sebab tertentu yang bersifat rahsia dan tertakluk di bawah akta rahsia rasmi (OSA).

#### **4.3 Penilaian Ringkas Terhadap Draf Akta Murtad Terbaru**

Rentetan peristiwa Lina Joy, Noraishah Bukhari dan Hartina Kamarudin yang dikatakan murtad telah menyebabkan banyak forum terbuka membincangkan isu tersebut diadakan seterusnya mendesak Kerajaan melakukan sesuatu. Pihak Kerajaan melalui JAKIM telah merangka satu Draf Rang Undang-Undang Murtad. Jawatankuasa tersebut yang melibatkan Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PPSM) telah menyatakan bidang kuasa yang jelas bagi mahkamah membicarakan kes-kes murtad. Walau bagaimanapun, sehingga kini draf tersebut masih belum dibentangkan di Parlimen kerana masalah teknikal. Semasa penyelidik cuba mendapatkan draf tersebut di JAKIM, penyelidik difahamkan bahawa draf itu adalah rahsia Kerajaan kerana belum diwartakan. Walaubagaimanapun, penyelidik dapat meneliti draf tersebut melalui penyelidikan yang telah dijalankan oleh Ab. Razak Aripin yang bertajuk Murtad: Penilaian dari Sudut Syariah dan Penyelesaiannya di Malaysia.

Draf ini mengandungi 13 fasal dan dinamakan sebagai Draf Rang Undang-Undang Murtad (Pencegahan dan Pemulihan) 1997 dan diperuntukan untuk Akta Kesalahan Syariah. Adalah menjadi harapan JAKIM untuk menyelaraskan undang-undang ini di setiap negeri. Kandungan rang undang-undang ini sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di bawah:<sup>1</sup>

FASAL	KANDUNGAN
-------	-----------

<sup>1</sup> Ab. Razak Aripin, *Murtad: Penilaian dari Sudut Syariah dan Penyelesaiannya di Malaysia*, Universiti Malaya, m.s 76.

Fasal 1	Tajuk ringkas pemakaian dan mula berkuatkuasa.
Fasal 2	Tafsiran.
Fasal 3	Kewajipan melaporkan percubaan murtad.
Fasal 4	Kewajipan Pegawai Penguatkuasa Agama menjalankan Kewajipan.
Fasal 5	Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama semasa menjalankan siasatan.
Fasal 6	Pengemukaan orang yang cuba murtad di hadapan Hakim.
Fasal 7	Kuasa Mahkamah untuk menahan dan sebagainya.
Fasal 8	Jika orang yang ditahan bertaubat.
Fasal 9	Jika orang yang ditahan enggan bertaubat.
Fasal 10	Kuasa Mahkamah merakamkan keengganan bertaubat.
Fasal 11	Kuasa Mahkamah memerintahkan penyelesaian tanggungan dan sebagainya.
Fasal 12	Salinan rakaman hendaklah diberi kepada Pegawai Penguatkuasa Agama.
Fasal 13	Kesalahan percubaan murtad.

Secara umumnya draf ini bertujuan untuk mengetatkan proses undang-undang untuk keluar Islam. Dalam fasal 13 ada menyatakan :

*“Mana-mana orang yang melakukan percubaan murtad adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tidak melebihi tiga tahun”.*

Jika sabit kesalahan seseorang itu cuba untuk murtad, maka hukumannya adalah tiga tahun penjara yang mana sebelumnya mereka terlebih dahulu diminta bertaubat dan sesi kaunseling selama 30 hari.

Penyelidik berpandangan, draf ini hanya semata-mata untuk melambatkan proses kemurtadan dan hanya untuk cubaan murtad. Ia tidak lagi dianggap sebagai hukum hudud serta tidak menepati syarak secara total. Draf ini juga masih menjadikan

Mahkamah Syariah tetap di takuk yang lama di mana mereka tidak mempunyai kuasa mutlak dalam menyelesaikan masalah ini. Tiada jaminan orang yang telah murtad juga dikenakan tindakan di bawah draf ini. Tiada jaminan juga draf ini akan diluluskan cepat kerana sehingga kini masih belum dibentangkan di parlimen. Draf ini juga memperlihatkan usaha Kerajaan yang cuba menangani isu murtad dengan penguatkuasaan undang-undang.

#### **4.4      Analisis Kaedah Penyelesaian Yang Telah Dilakukan**

Walaupun sembilan negeri sudah mempunyai undang-undang tersebut, penguatkuasaannya masih lemah. Walau bagaimanapun tindakan kerajaan serta pihak NGO menggubal undang-undang serta melakukan kempen-kempen tertentu boleh dianggap sebagai satu usaha berterusan dalam mengatasi masalah ini dari terus menular dalam masyarakat. Berikut merupakan analisis Kaedah Penyelesaian bagi kaedah-kaedah berikut:

##### **i)      Undang-undang / Enakmen Negeri**

Umumnya undang-undang mengenai murtad di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama melibatkan undang-undang substantif dan kategori kedua ialah menyediakan undang-undang tatacara. Undang-undang substansif menjadikan murtad sebagai satu kesalahan jenayah serta sebagai satu kesalahan menghina agama Islam. Manakala undang-undang tatacara bermaksud undang-undang yang tidak menyediakan peruntukan untuk proses pendakwaan dan penghukuman ke atas orang murtad, sebaliknya mereka menyediakan tatacara yang perlu diikuti sekiranya seseorang mengaku hendak meninggalkan agama Islam.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad: Kedudukannya Di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Intel Multimedia and Publication Petaling Jaya, m.s 22.

Di Malaysia, terdapat beberapa buah negeri yang mengamalkan undang-undang substantif. Jika dibandingkan dengan undang-undang tatacara, maka undang-undang substansif dilihat sebagai satu tindakan yang tegas kerana menghukum pesalah murtad, Misalnya di Melaka, sekiranya seseorang itu mendakwa dirinya bukan lagi seorang Islam, individu tersebut boleh didakwa dan seterusnya disabitkan di bawah seksyen 63 kerana mempersenda agama Islam. Huraian kepada seksyen 74(1) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966 juga memberi kesan yang sama. Jalan penyelesaian yang terdapat dalam peruntukan ini bersifat sementara kerana status agama seseorang itu tidak ditentukan oleh mahkamah.<sup>3</sup>

Mengisyiharkan diri sebagai seorang bukan Islam bagi mengelak dari didakwa di Mahkamah Syariah merupakan kesalahan di Terengganu<sup>4</sup>, Selangor<sup>5</sup>, Negeri Sembilan<sup>6</sup> dan Perak<sup>7</sup>. Peruntukan itu secara literalnya tidak menjadikan murtad sebagai satu kesalahan. Namun begitu sekiranya murtad dilakukan dengan niat untuk mengelak dari didakwa di mahkamah Syariah, maka perlakuan murtad itu adalah satu kesalahan atau jenayah.<sup>8</sup>

Undang-undang di Kelantan, Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Perak dan Wilayah Persekutuan memperuntukkan murtad sebagai satu kesalahan menghina agama Islam. Enakmen di negeri-negeri Melaka<sup>9</sup>, Sabah<sup>10</sup> dan Perak<sup>11</sup> memperuntukkan bahawa, seseorang yang mengisyiharkan dirinya sebagai seorang bukan Islam telah melakukan kesalahan menghina agama Islam. Begitu juga huraian kepada subseksyen (1) seksyen 74 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966. Huraian tersebut menyatakan, sekiranya A, seorang yang beragama Islam, berkata bahawa dia

<sup>3</sup> *ibid*, m.s 26.

<sup>4</sup> [www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg). Lihat juga Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu), 2001.

<sup>5</sup> *ibid*... Lihat juga Seksyen 5 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995.

<sup>6</sup> *ibid* ...Lihat juga Seksyen 48 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 1992.

<sup>7</sup> *ibid* ...Lihat juga Seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Perak), 1992.

<sup>8</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad: Kedudukannya Di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Intel Multimedia and Publication Petaling Jaya, m.s 27.

<sup>9</sup> *op.cit*...Lihat juga Seksyen 63 (2) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Melaka), 1991.

<sup>10</sup> *ibid* ... Lihat juga Seksyen 55 (2) Enakmen Jenayah Syariah 1995 Negeri Sabah.

<sup>11</sup> *ibid* ...Lihat juga Seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Perak), 1992.

bukan lagi seorang Islam, dia adalah bersalah di bawah seksyen ini kerana menghina agama Islam.

a) Kelantan

Secara khususnya, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menggubal satu enakmen yang diberi nama: Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud) Negeri Kelantan. Namun enakmen ini masih belum berkuatkuasa kerana dianggap bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Antara pertentangan tersebut ialah hukuman bunuh ke atas orang murtad seperti yang termaktub dalam Seksyen 23 (Ceraian 94), dianggap bertentangan dengan hak kebebasan beragama yang diberi di bawah perkara 2 Perlembagaan Persekutuan berkaitan Kebebasan Asasi.<sup>12</sup> Selain itu, hukuman merampas harta orang yang murtad dalam seksyen 23 Ceraian (4), dianggap bertentangan dengan hak terhadap harta yang diperuntukkan di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.<sup>13</sup>

Walaupun masih belum dikuatkuasakan, namun enakmen itu boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan undang-undang Islam yang berkaitan dengan hudud, kerana ia menyamai hukum hudud yang asal. Di dalam enakmen tersebut diperuntukkan kesalahan murtad dan hukumannya dan perkara tersebut dinyatakan di dalam Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud) Negeri Kelantan.<sup>14</sup>

b) Terengganu

Jika diterliti Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Bukan Islam 1980 Negeri Terengganu, secara keseluruhannya, enakmen ini tidak begitu lengkap kerana pencegahan di sini hanya terhadap bukan Islam yang menjalankan dakyah agama asing kepada umat Islam. Persoalan yang timbul ialah enakmen ini tidak memperuntukan

---

<sup>12</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), International Law Book Services, Petaling Jaya, m.s 5.

<sup>13</sup> *ibid*, m.s 14.

<sup>14</sup> *Perlaksanaan Hukum Hudud di Kelantan* (1994), Kota Bharu, Telda Corporation Sdn. Bhd., , m.s 112-113.

hukuman-hukuman bagi mereka yang murtad itu sendiri. Jadi apabila seorang Islam murtad dengan kerelaan dirinya sendiri tanpa pujukan atau dakyah sesiapa, maka tiada suatu hukuman pun dapat dijatuhkan ke atasnya kerana tiada peruntukan dalam Enakmen tersebut. Begitu juga kesalahan-kesalahan lain seperti mengikuti upacara keagamaan agama lain dan sebagainya, jika orang Islam melakukan perbuatan ini dengan sukarela tiada juga hukuman yang dapat dijatuhkan.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun tindakan Kerajaan Terengganu ini boleh dianggap sebagai positif kerana setidak-tidaknya suatu enakmen berkenaan murtad telah digubal bagi negeri tersebut.

### c) Pahang

Murtad merupakan kesalahan jenayah di negeri Pahang. Menerusi Enakmen Undang undang Pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1989), ianya memperuntukkan hukuman yang paling maksima yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia.<sup>16</sup> Apa yang menariknya, undang-undang ini menjadikan sebatan sebagai hukuman mandatori sabit kesalahan dan ianya juga merupakan satu-satunya peruntukan mengenai akidah Islam di Malaysia yang mengenakan hukuman mandatori.<sup>17</sup>

Misalnya dalam satu kes di Temerloh (PP lwn Krishnan a/l Muthu, 2002),<sup>18</sup> mangsa/pengadu Maziah Jusoh telah berkenalan dan bercinta dengan Orang Kena Tuduh (OKT) selama tujuh tahun. OKT mempunyai seorang isteri yang benama Marimuthu a/p Subramaniam. Apabila mangsa tidak mempunyai tempat tinggal, beliau telah memohon kebenaran OKT dan isteri untuk tinggal bersama. Berlaku beberapa siri pertengkaran antara OKT dan mangsa sehingga membawa kepada pergaduhan fizikal. Mangsa pernah diugut supaya keluar dari agama Islam dan memeluk agama Hindu. Mangsa juga pernah disuruh bersumpah dengan tokong Hindu dan pernah dilarang dari mendirikan solat.

<sup>15</sup> [www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg)

<sup>16</sup> *ibid*

<sup>17</sup> Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad: Kedudukannya Di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Intel Multimedia and Publication Petaling Jaya, m.s 27.

<sup>18</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, *Bahaya mainkan isu murtad di Malaysia* Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, Utusan Malaysia, 9 September 2006

Dua pertuduhan telah dibawa ke hadapan Majestret, dan OKT telah dijatuhi hukuman di bawah seksyen 325 Kanun Kesiksaan di mana beliau telah dikenakan denda sebanyak RM2,000.00, dan seksyen 4(2) (i) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Negeri Pahang 1989 di mana OKT telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM 1,500.00 dan dipenjara selama 20 hari. Ini merupakan kes pertama yang didakwa di bawah Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam di Malaysia yang diputuskan di Mahkamah Majistret Temerloh.

Walau bagaimanapun, negeri-negeri lain tidak mempunyai peruntukan yang sama. Namun begitu, kebanyakan negeri menerusi peruntukan Enakmen Jenayah Syariah menjadikan perbuatan menghina dan mengejek agama Islam, al-Quran dan al-Sunnah, menghina amalan Islam, undang-undang Islam, dan menghina ungkapan-ungkapan Islam sebagai kesalahan jenayah. Adalah relevan disebut di sini bahawa perbuatan menghina amalan-amalan Islam adalah kesalahan di semua negeri. Kesemua keslaahan ini merupakan ciri-ciri kesalahan murtad, walaupun tidak dinyatakan secara jelas oleh undang-undang tersebut. Justeru, sekiranya kesalahan ini disabitkan ke atas seseorang yang mengakui dirinya sebagai menganut agama Islam, dia sebenarnya telah melakukan kesalahan murtad dan menjadi kafir seperti yang telah disebut di atas.<sup>19</sup>

Seterusnya, setakat ini hanya tiga buah negeri yang menjalankan undang-undang tatacara, yang secara jelasnya menyebut tentang tatacara untuk keluar agama Islam. Negeri-negeri itu ialah Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun, negeri Kelantan juga turut menyediakan undang-undang substansif bagi golongan yang murtad ini. Pada tahun 2000 kerajaan negeri Perlis telah membentangkan Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah di Dewan Undangan Negeri negeri itu, namun setelah mendapat reaksi negatif dari pelbagai pihak, termasuklah para peguam Muslim, Rang

---

<sup>19</sup> *Op.cit...m.s 28.*

<sup>20</sup> *ibid...m.s 22.*

Undang-Undang tersebut belum lagi diluluskan. Dilaporkan perkara yang sama berlaku di Wilayah Persekutuan.<sup>21</sup>

a) Negeri Sembilan

Jika diterliti Seksyen 90A Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, Pindaan 1995, tidak menyebut tentang elemen-elemen atau perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya murtad. Ianya juga tidak meletakkan garis panduan yang menentukan bidang kuasa hakim untuk menggunakan budi bicara bagi menerima atau menolak permohonan keluar agama Islam. Selain daripada itu, tidak terdapat juga hukuman yang boleh dikenakan ke atas orang murtad. Oleh itu, justifikasi yang mungkin diberikan ialah, isu ini merupakan isu sensitif dan ianya berkait rapat dengan hak kebebasan beragama yang diiktiraf dan didokong oleh Perlembagaan Persekutuan.<sup>22</sup> Pada pandangan penyelidik, seperti yang telah dibincangkan di atas, murtad merupakan satu kesalahan jenayah berat. Oleh sebab itu, amat pelik jika kesalahan jenayah yang berat tidak dapat dihukum oleh mahkamah.

b) Melaka dan Kelantan

Setelah diamati peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Negeri Melaka dan Kelantan, terdapat satu situasi yang tidak dapat diselesaikan oleh peruntukan tersebut. Andainya setelah tamat tempoh bimbingan atau proses kaunseling ini, apakah yang akan berlaku sekiranya orang yang murtad itu masih lagi enggan bertaubat. Persoalan yang paling penting di sini ialah status agamanya. Keadaan ini rumit terutamanya dari segi pentadbiran undang-undang umum di Malaysia. Adakah individu tersebut merupakan seorang Melayu yang diiktiraf oleh Perlembagaan serta adakah dia tertakluk kepada undang-undang Syariah negeri. Ketidaktentuan status agama juga akan merumitkan

---

<sup>21</sup> *ibid...*m.s 41.

<sup>22</sup> *ibid...*m.s 23.

kehidupan peribadi seseorang, contohnya tentang kesan pertukaran agama kepada perkahwinan dan perwarisan harta.<sup>23</sup>

Seterusnya, jika Mahkamah Syariah diberi kuasa menjatuhkan hukuman atau perintah *hudud*, *qisas* dan *diyah*, pindaan perlu dibuat kepada Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan memansuhkan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) itu.<sup>24</sup> Tujuan hukuman *hudud* dan *qisas* ialah untuk pencegahan kesalahan-kesalahan itu yang mana di antaranya ialah kesalahan murtad itu sendiri. Misalnya di negeri-negeri yang telah melaksanakan undang-undang jenayah Islam seperti Arab Saudi, hukuman *hudud* dilihat amat berkesan dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku di negara tersebut.

Di dalam satu perbincangan yang telah diadakan antara ahli hukum Saudi dan juris Barat di Riyadh pada tahun 1972, perwakilan Saudi telah berkata maksudnya<sup>25</sup>:-

*“Percurian kecuali kes-kes yang diragu seperti percurian disebabkan oleh kelaparan, adalah dihukum dengan potong tangan. Kami sedia mengaku, bersama ahli juris, bahawa hukuman itu adalah sangat berat, Akan tetapi sayugia diingati bahawa pencurian di negeri-negeri Barat biasanya dilakukan dengan kekerasan dan boleh menyebabkan pembunuhan mangsanya. Di dalam keadaan itu, tertanya-tanya mana yang lebih baik, menaruh kasihan kepada tangan si pencuri atau kepada nyawa mangsa yang diserang. Oleh kerana beratnya hukuman itu di dalam Islam, kedua-duanya iaitu tangan orang yang hendak mencuri dan nyawa mangsa diselamatkan pada masa yang sama dan kesejahteraan terjamin bagi semua orang. Perlaksanaan hukuman itu, jika diadakan di khalayak ramai, menjadi teladan kepada orang lain. Dengan cara ini, di Arab Saudi, di mana undang-undang Islam*

---

<sup>23</sup> *ibid...*m.s 26.

<sup>24</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (1997), Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia, m.s 39.

<sup>25</sup> *ibid...*m.s 29-30.

*dikuatkuasakan, wang kerajaan boleh dipindahkan dari satu bandar ke satu bandar lain dan dari satu bank kepada bank lain dengan kereta biasa, tanpa mengadakan pengawal atau pelindung selain dari pemandu kereta itu. Bolehkah terdapat di mana-mana negara Barat, wang boleh dipindah dari satu bank kepada satu bank lain, di bandar-bandar tuan-tuan dengan tidak memerlukan perlindungan kawalan pasukan polis yang kuat dan kereta-kereta kebal.”*

Satu lagi cara ialah dengan Parlimen di peringkat Persekutuan meluluskan Akta *Hudud*, *Qisas* dan *Diyah* bagi Wilayah-wilayah Persekutuan dan Akta boleh diperluaskan dan diterima pakai di negeri-negeri dalam Malaysia. Memandangkan kepada kedudukan Perlembagaan dan undang-undang di Malaysia, adalah dicadangkan diadakan Kompilasi Undang-undang Hudud, Qisas, Diyah dan Takzir untuk menerangkan undang-undang itu. Kompilasi itu boleh dibuat oleh Majlis Agama Islam dan diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong atau Sultan di negeri-negeri di Malaysia. Jika dibolehkan kompilasi itu dikanunkan sebagai Akta atau Enakmen, ia boleh diluluskan oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri akan tetapi dicadangkan penguatkuasaannya ditangguhkan sehingga semua yang perlu disiapkan untuk penguatkuasaan itu.<sup>26</sup>

Sungguhpun Mahkamah Syariah boleh dikatakan telah dibebaskan dari percanggahan dengan mahkamah Sivil tetapi apabila satu pihak orang Islam dan satu pihak lagi bukan Islam di dalam percanggahan undang-undang seperti ini, maka Mahkamah Sivil akan merujuk undang-undang sivil iaitu undang-undang pihak yang bukan Islam. Diharapkan Mahkamah Sivil juga akan merujuk kepada undang-undang Islam iaitu undang-undang pihak yang satu lagi dalam memutuskan perkara itu mengikut prinsip-prinsip yang dikenakan apabila terjadi percanggahan undang-undang iaitu memilih mana-mana undang-undang yang munasabah dan membawa kepada keadilan.

---

<sup>26</sup> *ibid...*m.s 39.

Sesungguhnya Malaysia pasti akan mendapat banyak manfaat sekiranya undang-undang Islam dijadikan sebagai undang-undang asas dan undang-undang negara ini.<sup>27</sup>

Walaupun Islam tidak dijadikan asas perlembagaan, namun Perlembagaan Persekutuan boleh ditafsirkan dengan suatu cara yang boleh menguntungkan Islam. Berbeza dengan bidang-bidang perundangan yang lain, pendekatan dalam pentafsiran perlembagaan tidak harus *rigid*: ia harus fleksibel dan mengizinkan pertimbangan-pertimbangan tertentu termasuk sejarah dan suasana yang wujud. Mahkamah termasuk hakim dan peguam dan juga sarjana undang-undang yang melaksanakan tanggungjawab di tengah-tengah masyarakat Islam haruslah melihat dalam konteks ini, kerana ia tidak harus ditafsir dengan melupakan hakikat sebenar kebebasan beragama dalam Islam itu sendiri.<sup>28</sup>

Jika ditinjau kembali Perkara 11, terdapat satu peruntukan yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Peruntukan itu ialah Fasal 3(a) di mana ianya memberi hak kepada tiap-tiap kumpulan agama untuk menguruskan hal ehwal agamanya sendiri. Dengan menggunakan pendalihan ini iaitu pentafsiran perlembagaan tidak harus *rigid*, maka undang-undang murtad boleh dibentuk oleh pihak berkuasa agama. Undang-undang murtad tersebut boleh diertikan sebagai hak menguruskan hal ehwal agama seperti yang telah diperuntukan dalam Perlembagaan.

Perkara 73(b) memberi peruntukan kepada negeri-negeri untuk membuat undang-undang bagi negeri tersebut. Peruntukan sebegini seharusnya digunakan sepenuhnya oleh badan perundangan negeri yang majoriti ahlinya terdiri dari kalangan Muslim untuk membentuk satu undang-undang pencegahan murtad bagi menghalang seterusnya membasmi gejala tersebut.

---

<sup>27</sup> *ibid...*m.s 18.

<sup>28</sup> *ibid...*m.s 166

Seterusnya konsep kebebasan beragama juga perlu ditangani dari beberapa sudut: kedudukannya dalam Perlembagaan Persekutuan, skop atau ruang lingkupnya di sisi undang-undang dan akhir sekali kedudukan hak ini perlu dilihat dari perspektif atau kedudukan Islam dalam perlembagaan. Ini kerana kebebasan beragama adalah salah satu aspek dari hak-hak yang dijamin oleh perlembagaan dalam bab mengenai kebebasan asasi.<sup>29</sup>

Walaubagaimanapun, di dalam sesetengah kes, mahkamah bertindak tidak menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan kebebasan beragama. Sedangkan di dalam tradisi *Common Law*, mahkamah berperanan menyelesaikan masalah, yang sekaligus menjelaskan prinsip undang-undang. Misalnya dalam kes Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lwn Jamaludin bin Othman<sup>30</sup> Mahkamah seakan-akan tidak mengambil kira keakraban antara Melayu dan Islam apabila ia membenarkan seorang Melayu menukar agamanya. Ini sudah tentu berbahaya kerana orang Melayu amat sensitif dengan persoalan murtad. Malah perlembagaan juga telah menetapkan Islam sebagai suatu unsur yang perlu ada sekiranya seseorang itu mahu dianggap Melayu.<sup>31</sup> Oleh itu, dalam konsep kebebasan beragama khususnya apabila ia menyentuh umat Islam, perlu dilihat dalam konteks Islam sebagai agama persekutuan. Dengan kata lain, Islam perlu dilebihkan berbanding agama-agama lain berdasarkan kedudukannya, dalam kerangka perlembagaan dan berdasarkan kenyataan sejarah negara.<sup>32</sup>

Kuasa yang diberikan oleh Artikel 11(4) itu juga adalah antara peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang sebenarnya perlu diperhalusi dan diberi takrifan yang khusus kerana kebebasan beragama tidak berlaku sekiranya seseorang telah menganut agama Islam. Sebaliknya peruntukan tersebut hanya untuk memberi jaminan kepada golongan bukan beragama Islam untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing selagi mana ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan itu

---

<sup>29</sup> Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia, Asas-asas dan Masalah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s 162.  
<sup>30</sup> [1989] 1 MLJ 418

<sup>31</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), International Law Book Services, Petaling Jaya, m.s.238.

<sup>32</sup> Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia, Asas-asas dan Masalah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s 164.

sendiri.<sup>33</sup> Ini kerana dalam menangani masalah murtad, Islam mempunyai alasan untuk mengambil langkah dan hukuman tertentu termasuk mengenakan hukuman bunuh. Sepatutnya hukuman ini tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang sangat kejam sedangkan dalam masa yang sama, hukuman mati mandatori dikenakan untuk pengedar dadah dan juga kesalahan memiliki senjata api (walaupun ianya tidak digunakan untuk membunuh).<sup>34</sup>

Selain itu, konsep perundangan Islam itu sendiri perlu diperbesarkan skop serta pengaplikasiannya dalam sistem perundangan di Malaysia. Ini bersesuaian dengan sejarah serta latar belakang sosiopolitik negara Malaysia yang pada asalnya mengamalkan sistem perundangan Islam sebelum kedatangan British. Misalnya, dalam hal ini, apa yang diputuskan oleh Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas pada ketika itu dalam kes Che Omar bin Che Soh lawan *Public Prosecutor*<sup>35</sup> bahawa Artikel 3(1) Perlembagaan itu hanya meletakkan Islam setakat hal ehwal ibadat dan diberi tempat semasa majlis-majlis rasmi. Walaubagaimanapun, menurut beliau, apabila tiba masanya nanti, akta tersebut pastinya akan disemak semula.<sup>36</sup>

Jelas di sini menunjukkan bahawa kita hendaklah menghormati dan menerima undang-undang Islam di dalam semua bidang. Bagaimanapun langkah tidak boleh diambil tergesa-gesa dan orang Islam sendiri hendaklah mempelajari dan meyakini dengan ketinggian taraf dan keindahan undang-undang Islam itu sendiri. Hukuman Islam adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang diwahyukan oleh Allah S.W.T iaitu al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Beberapa prinsip dari al-Quran dan Sunnah, meliputi undang-undang jenayah seperti *hudud*, *qisas* dan *diyat*.<sup>37</sup>

<sup>33</sup> *Op.cit...* m.s.12.

<sup>34</sup> *Op.cit...*m.s 166-167.

<sup>35</sup> Che Omar bin Che Soh lawan Public Prosecutor (1988) 2 Malayan Law Journal m.s 55. Lihat komen kes ini dalam L.A Sheridan, "Religion of the Federation" (1988) 2 MLJ viii.

<sup>36</sup> Memahami Artikel 11 (4), Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006

<sup>37</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (1997), Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia, m.s viii.

## ii) Kerajaan

Kerajaan Malaysia mempunyai pelbagai peruntukan undang-undang dalam usaha mewujudkan keharmonian masyarakat Malaysia. Dalam konteks mengawal Pengembangan Agama dan memastikan kesucian agama Islam terjaga, maka Enakmen Sekatan dan Pengembangan Agama Bukan Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah diwujudkan. Dengan adanya enakmen ini, secara tidak langsung ia membantu dalam menyekat Pengembangan Agama lain di kalangan masyarakat Islam.

Walaubagaimanapun, di dalam beberapa kes yang pernah dibicarakan dalam Mahkamah seperti kes ‘Ayah Pin’, banyak pihak termasuklah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin dan Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria mendesak kerajaan supaya menahan Ayah Pin di bawah ISA. Sedangkan kes tersebut sepatutnya dibicarakan di bawah Enakmen Sekatan dan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Enakmen Sekatan dan Pengembangan Agama Bukan Islam itu hampir tidak diketahui kewujudannya bukan saja di kalangan orang awam, malah termasuk di kalangan pihak berkuasa. Malah tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa dalam semua perbincangan mengenai ajaran sesat di media selama ini, masyarakat hampir tidak pernah mendengar soal Enakmen Sekatan dan Pengembangan Agama Bukan Islam itu dibangkitkan oleh mana-mana pihak. Inilah masalah yang lebih besar yang perlu dihadapi iaitu kerajaan mempunyai undang-undang tetapi tidak dilaksanakan. Sesuatu permasalahan tidak merujuk kepada enakmen sekatan dan pengembangan agama-agama bukan Islam sebaliknya cepat menyebut tentang ISA.<sup>38</sup>

---

<sup>38</sup> Farid SufianShuaib (2005), *Murtad, Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Intel Multimedia and Publication,Petaling Jaya, m.s 50.

Selain itu, antara perkara yang boleh mendatangkan kebimbangan ialah walaupun sesuatu kes berkenaan murtad ini berjaya dibawa ke Mahkamah tetapi cara pendakwaannya menyalahi undang-undang. Kesannya, seseorang yang telah murtad tidak dihukum atas kesalahannya dan akan memberikan kemenangan yang mudah pada individu serta kelompok tersebut. Misalnya dalam kes Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Iwn Jamaludin bin Othman<sup>39</sup> Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa tahanan responden adalah menyalahi undang-undang. Ini kerana menteri tersebut tidak boleh mendakwanya di bawah ISA, kerana ia menyekat hak responden menganuti dan mengamalkan agamanya, iaitu agama Kristian, selepas ia memeluk agama itu. Sebaliknya responden boleh didakwa di bawah Enakmen Sekatan dan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Terengganu.

Selain itu, isu yang berlaku pada bulan Ogos 2006, di mana Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi mengarahkan negeri-negeri yang masih belum mempunyai Undang-undang Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam supaya segera membawanya ke Dewan Undangan Negeri untuk dibahaskan.<sup>40</sup> Kesannya empat negeri berkenaan iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak berusaha mempercepatkan proses penggubalan undang-undang berkenaan melalui dewan perundangan masing-masing. Setakat ini tidak ada mana-mana pihak yang mempersoalkan kewajaran arahan Perdana Menteri kepada empat negeri itu. Itulah yang sewajarnya kerana peruntukan dalam Perlembagaan itu telah dipersetujui oleh para pemimpin terdahulu ketika mereka menggubal Perlembagaan Persekutuan yang merupakan dokumen yang menjadi peta dan kompas yang menentukan hala tuju perjalanan negara ini.

---

<sup>39</sup> [1989] 1 MLJ m.s 418

<sup>40</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, *Bahaya mainkan isu murtad di Malaysia* Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, Utusan Malaysia, 9/11/2006

Selain itu, memandangkan Malaysia mempunyai institusi beraja di mana Yang Di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara merangkap Ketua Agama Islam,<sup>41</sup> maka secara automatik kuasanya tidak terbatas kerana Islam itu sendiri lengkap meliputi semua bidang kehidupan, serta keintiman hubungan Islam dengan institusi kesultanan telah wujud sekian lama.<sup>42</sup> Kuasa yang diberi ini merupakan amanah Allah S.W.T kepada Raja-raja. Walaubagaimanapun, lafaz sumpah Yang Di Pertuan Agung seperti dinyatakan dalam Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan<sup>43</sup> telah berlaku konflik yang nyata antara tugas yang memestikan baginda menurut Perlembagaan dan tugas baginda sebagai pemelihara kesucian agama Islam. Kedudukan Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam menjadi lebih sempit apabila setiap tindakan beliau dimestikan mendapat nasihat Jemaah Menteri atau menteri terlebih dahulu. Dalam hal Agama Islam dikhuatiri baginda akan menuruti nasihat menteri yang jahil dalam hal agama. Oleh yang demikian, bidangkuasa Yang Di-Pertuan Agong ini perlu diperhalusi dan semestinya ia mesti berpihak kepada kebaikan agama Islam itu sendiri.

Seterusnya, pihak pembangkang khususnya PAS telah mengemukakan rang undang-undang persendirian di Parlimen. Bagaimanapun ia gagal mendapat sokongan meskipun orang-orang Islam mempunyai undi majoriti di Parlimen. Oleh kerana perlembagaan hanya mengizinkan penggubalan undang-undang untuk menyekat penyebaran agama lain di kalangan orang Islam. Oleh kerana Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri maka terpulanglah kepada pihak berkuasa negeri berkenaan untuk berbuat demikian. Selain itu, oleh kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terhad, maka hukuman yang boleh dikenakan juga terhad.<sup>44</sup> Dalam erti kata lain, laluan yang diberikan oleh perlembagaan untuk menangani masalah murtad pada hakikatnya tidaklah begitu berkesan, kecuali jika satu rang undang-undang baru dibuat dan diterima oleh parlimen.

---

<sup>41</sup> *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 5 Mac 2008), International Law Book Services, Petaling Jaya, m.s 2.

<sup>42</sup> Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia, Asas-Asas dan Masalah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s 253.

<sup>43</sup> *Op.cit...*m.s 277.

<sup>44</sup> *Op.cit...* m.s 164.

#### **4.5 Permasalahan yang Perlu Penjelasan Daripada Pihak Bertanggungjawab (Dari Aspek Hukum Syarak Mahupun Undang-Undang)**

Terdapat beberapa permasalahan dan persoalan yang timbul hasil dari kajian ini dan seterusnya memerlukan penjelasan daripada pihak bertanggungjawab untuk menyelesaiannya. Ia meliputi dari aspek hukum syarak mahupun undang-undang. Antaranya ialah;

1. Seseorang yang lahir Islam tetapi telah dibesarkan dalam amalan agama lain dan tidak mengamalkan ajaran Islam.
2. seseorang saudara baru tidak pernah mengamalkan ajaran Islam telah memohon keluar Islam.
3. Seseorang yang mengamalkan perkara haram seperti minum arak, memakan babi, pergi ke kuil dan sebagainya adalah telah keluar Islam.
4. Seseorang Melayu telah memohon keluar Islam untuk berkahwin dengan lelaki agama lain sedangkan beliau tidak pernah amalkan ajaran Islam.
5. Seseorang Islam yang mengikuti fahaman asing seperti Black Metal atau ajaran sesat, adakah mereka ini tergolong dalam orang murtad?
6. Seseorang yang telah ditolak permohonan murtadnya dari Mahkamah Syariah, adakah mereka sudah murtad dan apa kesudahan kehidupanya?
7. Seseorang yang membuat surat akuan murtad dan diarahkan untuk menghadiri beberapa sesi kaunseling, adakah dia sudah terkeluar dari Islam?

Persoalan-persoalan ini timbul memandangkan tiada peruntukan undang-undang yang mengkhususkan kepada penyelesaian permasalahan ini. Jadi, ia memerlukan kerjasama dari pihak bertanggungjawab terutamanya pihak kerajaan dalam usaha menyelesaikan masalah ini.

#### **4.6 Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat dinyatakan dalam bab tiga ini adalah sesungguhnya peruntukan yang sedia ada dalam perundangan dan Perlembagaan Persekutuan ada yang boleh digunakan untuk dijadikan benteng perundangan bagi mengawal dan menyekat pengembangan iktikad agama lain ke dalam penganut Islam. Malangnya peruntukan perundangan yang sedia ada telah ditafsirkan sebaliknya dan perundangan tersebut tidak digunakan pada kes yang sepatutnya, misalnya dalam kes pendakwaan ‘Ayah Pin’ berhubung isu ajaran sesatnya. Akibatnya negeri-negeri terkapai-kapai dalam mencari jalan terbaik dalam menangani isu murtad ini.

## BAB V

## PENUTUP

### 5.1 PENGENALAN

Fokus utama perbincangan dalam kajian ilmiah ini ialah terhadap Kaedah Penyelesaian dalam Menangani Pertukaran Agama di Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada keseluruhan perbincangan dalam kajian ilmiah ini, jelas menunjukkan terdapat pelbagai sebab bertambahnya jumlah golongan murtad di negara ini.

Walaupun terdapat beberapa buah negeri yang telah mewartakan undang-undang murtad, namun golongan yang menyokong kepada kebebasan beragama di negara Malaysia ini begitu dominan dalam kelompok elit masyarakat sehingga mereka berkuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu bersalah dari sudut hukum syariah negara ataupun sebaliknya. Sehubungan dengan itu, dari perbincangan dalam bab pertama sehingga bab empat, dapatlah dirumuskan beberapa kesimpulan berikut:

## 5.2 KESIMPULAN

Perlembagaan Malaysia jelas memberi laluan untuk langkah-langkah menangani masalah murtad. Walaupun perlembagaan yang ada bukan perlembagaan Islam, namun ia membenarkan umat Islam hidup dan mempertahankan tradisi dan identiti Islam di kalangan masyarakat.

Umat Islam mempunyai hak untuk mengekalkan kedudukan yang ada kerana mereka adalah penduduk asal negara ini. Selain itu, apa yang dilihat sebagai menyalahi prinsip sama rata itu juga adalah sebahagian daripada tolak ansur semasa rundingan kemerdekaan dahulu. Malah pihak yang mempertikai langkah mengawal murtad atau cuba menghujah bahawa murtad dibenarkan oleh perlembagaan jelas telah terkeliru atau cuba memutarbelitkan peruntukan-peruntukan yang berkenaan. Pendekatan sedemikian sebenarnya tidak selaras dengan metodologi dan pendekatan dalam pentafsiran perlembagaan<sup>1</sup> yang menuntut bahawa sekiranya tidak ada kesamaran sesuatu peruntukan itu harus diberikan makna harfiahnya. Ini hanya boleh dikecualikan jika pendekatan harfiah itu menghasilkan sesuatu yang tidak logik dan zalim. Selain itu peruntukan mengenai kebebasan beragama jelas dimasukkan kerana ia selaras dengan sejarah negara. Tafsiran-tafsiran ganjil yang cuba mempertahankan gejala murtad jelas mempunyai kesan yang boleh mengganggu struktur dan kerangka perlembagaan; termasuk tafsiran Melayu di dalam perlembagaan.

Walaubagaimanapun, seharusnya negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi ini turut menjadikan sistem perundangan Islam sebagai sistem perundangan utama negara bersesuaian dengan jumlah majoriti penganut agama Islam di negara ini. Secara tidak langsung, masalah murtad ini dapat diselesaikan sehingga ke akar umbi.

Bagi orang yang murtad pula, bererti mereka telah turun ke martabat yang paling rendah. Manusia tidak layak berada dalam martabat ini. Jika mereka berada

---

<sup>1</sup> Abdul Aziz Bari (2003), *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*, Kuala Lumpur: The Other Press, m.s 227-238; Lihat juga Ahmad Ibrahim (1986), "Interpreting the Constitution – Some General Principles" dalam F.A Trindade & H.P. Lee (Ed.), *The Constitution of Malaysia: Further Perspective and Developments*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, , m.s 18-19; Lihat juga Farid Sufian Shuaib (2000), "The Courts and Approaches to Constitutional Interpretation" 8 IIUMLJ 151.

dalam ini maka kehidupannya tidak perlu dilindungi. Ini adalah kerana kehidupannya itu sama sekali tiada kebaikan dan tidak mempunyai tujuan yang mengarah kepada kebaikan.

Dalam aspek yang lain pula, Islam itu adalah jalan yang sempurna dalam kehidupan. Islam menjadi haluan yang mengatur semua perjalanan hidup manusia. Dengan demikian, Islam perlu dijaga, dipegang erat dan ditegakkan. Sesungguhnya setiap peraturan itu tidak akan dapat dikuatkuasakan jika tidak dijaga, dipegang erat dan ditegakkan. Penguatkuasaan ini bertujuan agar tidak ada yang mengingkari dan mengkhianati peraturan tersebut. Sesungguhnya pengkhianat itu adalah musuh yang sentiasa ingin menghancurkan peraturan itu.

Oleh yang demikian, orang yang keluar daripada Islam boleh dianggap sebagai pengkhianat terhadap peraturan-peraturan Islam. Jelasnya ialah tiada hukuman bagi pengkhianat kecuali hukuman yang telah ditetapkan. Semua manusia baik warga negara komunis mahupun kapitalis, apabila mengingkari perlombagaan negaranya tentu akan dituduh sebagai pengkhianat ulung terhadap negaranya. Dalam masalah ini, Islam menetapkan hukuman mati terhadap pengkhianat agama Islam apabila dia tidak mahu bertaubat dan tidak mahu kembali lagi ke dalam Islam.<sup>2</sup>

Dengan hujah-hujah dan dalil yang diberikan di dalam bab-bab sebelum ini, maka hukuman bunuh ke atas orang yang murtad adalah praktikal dan tidak berlawanan dengan praktikaliti semasa. Oleh itu, hukum ini tidak seharusnya dipertikaikan. Malahan hukum itu hendaklah dilaksanakan agar kesucian Islam tidak ternoda.

---

<sup>2</sup> Sayid Sabiq, *Fikih Sunnah*, jil. 9, m.s 168-169; Lihat juga Hashim Mehat, *Malaysian Law & Islamic Law On Sentencing*, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1991, m.s 214.

### **5.3 CADANGAN / SARANAN**

Di dalam bab ini juga turut dicadangkan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu. Semoga dengan adanya kajian ilmiah ini dapat memberi panduan kepada pihak-pihak berwajib agar gejala riddah dapat disekat dan seterusnya dihapuskan daripada terus menular di kalangan masyarakat.

#### **5.3.1 Individu**

Dalam menghadapi situasi riddah yang semakin berleluasa kini, sudah tentu pemerkasaan ilmu pengetahuan merupakan kewajipan ke atas setiap umat Islam. Walaupun hari ini setiap individu sudah diberikan peluang yang seluas-luasnya dalam menuntut ilmu, namun tanpa panduan agama yang kukuh, pastinya mereka akan mudah terpengaruh dengan pemikiran yang menyesatkan. Ilmu harus dibezakan dengan maklumat kerana skop ilmu yang lebih luas meliputi kepercayaan, pengenalan, fakta, kajian dan sebagainya. Oleh itu, penekanan terhadap ilmu-ilmu asas seperti ilmu-ilmu al-Quran, ilmu-ilmu hadis dan lain-lain tuntutan fardhu ain dipertingkatkan di samping tuntutan mempelajari ilmu-ilmu falsafah Islam dan Barat. Dalam erti kata lain, setiap individu Muslim perlu diberi kesedaran dan galakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam semua bidang.

Minda umat Islam juga perlu diasah bagi menghadapi serangan-serangan pemikiran yang pasti lebih mencabar mengikut peredaran zaman. Antaranya dengan meningkatkan kepekaan terhadap isu-isu semasa terutamanya berhubung dengan permasalahan yang boleh menggugat akidah. Ia bertujuan agar golongan individu yang mempunyai pendidikan tinggi ini mampu menjadi agen perubah masyarakat sekaligus sebagai jurubicara umat. Di peringkat akar umbi, berpesatuan perlulah digalakkan.

Selain itu, individu juga boleh berperanan dengan menulis artikel-artikel yang berkaitan dengan isu ini di akhbar, menulis di buku dan majalah untuk diedarkan kepada masyarakat. Malah individu juga boleh mengedarkan risalah-risalah yang berkaitan isu murtad di tempat-tempat awam seperti di pasaraya, terminal bas, pasar dan tempat-tempat umum yang difikirkan bersesuaian. Individu juga boleh menulis di laman sesawang dan blog-blog persendirian yang juga menjadi antara wadah baru dalam menyampaikan maklumat untuk tatapan umum. Kaedah ini terbukti berjaya kesan dari perkembangan teknologi dan globalisasi.

### **5.3.2 Kerajaan**

Sesungguhnya pihak berkuasa agama Negeri dan Mahkamah Syariah mempunyai autoriti tersendiri dalam usaha menangani masalah ini.<sup>3</sup> Antaranya ialah penguatkuasaan, pemantauan, khidmat nasihat dan sebagainya. Walaubagaimanapun mereka mempunyai keterbatasan tertentu disebabkan akta undang-udang di Malaysia yang mendaulatkan Perlembagaan Malaysia melebihi undang-undang lain, termasuk undang-undang Islam. Jika sesuatu undang-undang tersebut bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan maka bahagian yang bertentangan akan terbatal. Hal ini jelas dinyatakan dalam peruntukan Perkara 4(1) Perlembagaan.<sup>4</sup>

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bahawa struktur perlembagaan yang ada boleh digunakan untuk melaksanakan Islam sekiranya pindaan atau penyesuaian yang berkaitan dilakukan.<sup>5</sup> Peruntukan mengenai definisi murtad dan hukuman murtad mengikut perundangan Islam perlulah dilaksanakan agar jumlah golongan murtad ini dapat dihapuskan. Secara tidak langsung ianya telah memberikan kedudukan yang istimewa kepada agama Islam berbanding agama-agama lain. Kerana dari sudut sejarahnya, Islam begitu sinonim dengan Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Dalam mana-mana perlembagaan pun, alasan sejarah sudah mencukupi untuk berfungsi sebagai ‘brek’ kepada desakan-desakan yang mahukan

---

<sup>3</sup> Umat Islam diminta Pertahan Kedudukan Agama dalam Perlembagaan, Utusan Malaysia, 24 Julai 2006.

<sup>4</sup> Perlembagaan persekutuan (hingga 15hb September 2003) : Kuala Lumpur terbitan International Law Book Services, m.s 3.

<sup>5</sup> Abdul Aziz Bari (2005).*Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication. m.s116.

supaya agama-agama lain diberikan kedudukan yang sama. Adalah dicadangkan bahawa kedudukan ini perlu diambilkira dalam menangani masalah murtad khususnya dan persoalan-persoalan berhubung dengan hak terhadap kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan amnya.

Kerajaan juga perlu bertindak memerangi riddah ini sehingga ke peringkat akar umbi agar generasi akan datang memandang persoalan murtad sebagai sesuatu yang serius.<sup>6</sup> Ini kerana pihak kerajaan misalnya pihak berkuasa agama Negeri mempunyai banyak ruang jika mereka mempunyai kemauhan. Sebagai contoh kes ajaran sesat ‘ayah Pin’ di Batu 13, Hulu Besut, Terengganu yang telah menyebabkan banyak kes murtad berlaku kepada pengikut-pengikutnya. Ianya disebabkan pihak berkuasa agama terlalu berhati-hati dalam menangani isu ini di samping pertalian kekeluargaan yang terjalin antara ketua ajaran sesat ini dengan pemimpin-pemimpin politik di Terengganu.<sup>7</sup> Kesannya kumpulan ini berjaya mengumpulkan bilangan pengikut yang ramai dalam tempoh yang singkat. Lebih memeranjatkan ialah terdapat golongan profesional serta golongan terpelajar Melayu termasuk bekas pelajar Universiti al-Azhar yang turut terjebak dengan kegiatan kumpulan ajaran sesat ini. Sehubungan itu sikap pilih kasih dan mementingkan kroni dalam perlaksanaan undang-undang perlu disisihkan agar akidah umat Islam dapat dipelihara.

Selain itu, di Lembah Klang juga turut tidak terkecuali dari menjadi lubuk berleluasanya gejala murtad ini di samping menjadi tapak berkembangnya gerakan Islam Liberal, Black Metal dan gerakan Missionari selain gerakan ajaran sesat yang semakin menular di seluruh negara. Oleh yang demikian, pihak JAWI, JAIS malah JAKIM perlulah memperkasakan usaha dalam menangani perkembangan gerakan ini. Di samping itu, permantauan juga harus dibuat ke atas badan-badan NGO bukan beragama Islam yang menjadikan remaja Melayu sebagai sasaran mereka. Walaupun pada zahirnya mereka aktif dalam menjalankan kerja kebajikan, namun program-program seperti lawatan, program kecemerlangan pelajar dan sebagainya hanyalah

---

<sup>6</sup> Abdul Aziz Bari (2005), *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication. m.s: 131

<sup>7</sup> Riduan Mohamad Nor (2006), *Murtad, Implikasi Hukum dan Fenomena*, Selangor: terbitan MHI Publication. m.s: 54.

bertujuan untuk mengaburi aktiviti sebenar mereka iaitu memesongkan akidah remaja Melayu ini.

Selain itu, semua ahli Parlimen beragama Islam perlu diberi kesedaran tentang isu yang boleh menggugat akidah umat Islam ini. Manakala ahli Parlimen bukan Islam pula harus diberi peringatan agar menghormati sentimen masyarakat Islam dan tidak membuat pelbagai tuduhan terhadap agama Islam dengan sewenang-wenangnya. Contohnya semasa isu pemakaian tudung anggota polis wanita Polis Diraja Malaysia (PDRM) ketika berkawad, seorang ahli Parlimen wanita daripada DAP telah mempertikaikan arahan ini sebagai melanggar hak asasi wanita. Kesannya kelompok anti Islam dan NGO yang terlibat semakin berani menunjukkan kebiadapan mereka. Contohnya mereka telah berdemostrasi di hadapan bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana membantah Akta Kecil DBKL dalam isu berkelakuan tidak senonoh di khalayak awam. Slogan '*morality cannot be legislated*' cuba diterapkan dalam pemikiran masyarakat awam agar meniru gaya hidup Barat yang bertentangan dengan syariat Islam.

Selain itu, pihak kerajaan perlu menyediakan sumber dana yang besar bagi memudahkan pihak berkuasa menggempur tenaga memerangi gejala riddah dari terus berleluasa. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan penubuhan pusat bimbingan atau pemulihan akidah setiap negeri. Memandangkan kebanyakan golongan yang murtad merupakan golongan yang baru memeluk islam, maka kerajaan juga boleh menggunakan peruntukan yang ada untuk menyediakan program memantau golongan yang baru memeluk Islam ini. Jika peruntukan yang besar boleh disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk pembangunan infrastruktur negara, pastinya tidak sukar bagi kerajaan untuk menyediakan peruntukan untuk pembangunan dan pemberkualih taraf sosial masyarakat.

Kerajaan juga boleh menyediakan perkhidmatan kaunseling dan teleinfo bagi menuduhkan orang ramai membuat aduan. Di sini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh berperanan dalam hal ini. Secara tidak langsung, saluran penyampaian maklumat dan rekod data dapat dilakukan secara bersistem dan berkesan.

### **5.3.3 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terutamanya NGO Islam perlu menyusun strategi dakwah bersepada dalam usaha membasmi bilangan murtad ini dari terus meningkat. Misalnya, mereka boleh berperanan dalam memberikan kaunseling serta menganjurkan program-program yang bermanfaat seperti kelas fardhu ain, aktiviti rehlah, mukhayam dan sebagainya terutamanya untuk golongan yang baru memeluk Islam memandangkan kelompok ini merupakan kelompok yang paling ramai murtad.

NGO Islam juga perlu turut serta memainkan peranan dengan cara memantau serta melaporkan kepada pihak berkuasa agama atau kepada pihak istana sebagai ketua agama kerajaan Negeri dan Pusat. Selain itu, pertubuhan NGO juga boleh menjadi pengantara umat Islam dalam menyerahkan memorandum kepada Majlis Raja-Raja Melayu sebagai institusi tertinggi di negara ini yang bertanggungjawab menjaga kesucian agama Islam di negara ini.

NGO Islam ini juga digalakkan untuk mewujudkan *personal contact* dengan golongan pemimpin-pemimpin politik negara ataupun golongan professional yang berpengaruh pada masa kini. Ini kerana, jika dilihat antara faktor kejayaan gerakan missionari mahupun gerakan yang menggalakan kebebasan beragama di Malaysia seperti *Sisters In Islam* (SIS), Artikel 11, gerakan Islam Liberal dan sebagainya, mereka mempunyai hubungan yang akrab dengan golongan ahli politik negara di samping seringkali mengadakan kerjasama dengan pihak kerajaan dalam menjayakan sesuatu program. Oleh itu, NGO Islam ini juga perlu mempergiatkan usaha melalui kerjasama dengan golongan-golongan profesional masa kini.

### **5.3.4 Universiti**

Dalam menangani masalah riddah dari terus berleluasa di kalangan masyarakat kampus khususnya, maka setiap warga kampus seharusnya memainkan

peranan dalam menangani masalah ini. Misalnya, subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang merupakan subjek umum universiti boleh dijadikan platform oleh pensyarah untuk membentuk pola pemikiran yang tepat di kalangan pelajar berkenaan konsep Islam yang sebenar. Ini kerana di antara faktor gejala murtad kian berleluasa antaranya disebabkan faktor kejahilan mereka dalam memahami tuntutan agama Islam itu sendiri, budaya hedonisme dan strategi musuh-musuh Islam yang tersusun serta licik. Disebabkan itulah pendidikan agama Islam perlu disuburkan di setiap peringkat institusi sehingga ke peringkat pusat pengajian tinggi.

### **5.3.5 Golongan Ulama dan Intelek**

Golongan ulama perlu memainkan peranan yang lebih sinergi dalam mendidik dan memberi kefahaman kepada generasi baru berkaitan bahaya gejala yang merosakkan akidah ini terutamanya gejala murtad kini agar mereka lebih berwaspada dengannya. Golongan ini juga perlu turut bekerjasama dengan agensi-agensi Islam dalam memurnikan pemikiran umat Islam yang menyeleweng terutama tentang salah faham yang berlaku terhadap agama Islam hari ini. Segala perancangan jahat kumpulan kuffar ini terhadap umat Islam perlu dibongkar hingga ke akar umbi dan didedahkan kepada masyarakat supaya masyarakat mengetahui dan waspada terhadap dakyah yang disebarluaskan oleh mereka.

Jika dikaji suatu masa dahulu, masyarakat Melayu kaya dengan ulama yang menyandang pelbagai gelaran seperti maulana, sheikh, makhdum dan Tuan Guru. Selain itu, istana pula menjadi tempat berkumpul untuk menuntut ilmu sebagaimana yang ditulis dalam ‘*sulatus salihin*’ karya Tun Seri Lanang. Sekolah Pondok, madrasah serta tempat-tempat menuntut ilmu sentiasa menjadi tumpuan masyarakat pada masa tersebut, terutamanya di negeri-negeri Melayu utara seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Sebahagian dari lulusan pondok ini juga berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi di negara Arab seperti Mekah, Madinah dan Mesir. Sekembalinya mereka ke tanah air, mereka berkhidmat sebagai

pegawai agama di jabatan Agama serta menjadi guru-guru agama. Kesan dari faktor inilah menjadikan isu murtad ini cukup asing dan akan ditentang habis-habisan jika ianya terjadi dalam masyarakat kesan dari peranan yang dimainkan oleh golongan ulama ini. Ianya boleh dilihat apabila terjadinya kisah Natrah di Singapura pada tahun 1950.

Jika sebelum merdeka, orang Melayu takut untuk menghantar anak-anak mereka menuntut di sekolah Inggeris kerana khuatir akidah anak mereka akan terpesong atau murtad jika belajar di aliran sebegini. Sentimen sebegini terbukti berjaya mengekang masyarakat pada zaman tersebut dari terlibat dengan gejala murtad.

### **5.3.6 Masyarakat**

Ahli masyarakat seperti jawatankuasa komuniti kediaman perlu memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menangani masalah ini. Jika mereka boleh bersatu padu dalam menjaga keamanan kawasan kediaman, maka pastinya mereka juga mempunyai kekuatan dalam menjaga dan turut prihatin dengan masalah akidah masyarakat setempat. Di sini masjid, surau mahupun balairaya dilihat sebagai tempat yang paling ideal dalam membincangkan masalah-masalah yang berlaku di dalam masyarakat serta turut bersama-sama membincangkan cara mengatasi masalah murtad ini.

Selain itu, di antara strategi berkesan untuk menjadikan masyarakat turut serta proaktif dalam menangani masalah murtad ini dengan menjadikan isu murtad sebagai isu yang besar serta sentiasa diperkatakan dalam kelompok masyarakat.<sup>8</sup> Kesannya masyarakat akan merasa terpanggil dan bertanggungjawab untuk turut serta membasmi gerakan ini secara berkelompok atau secara peribadi. Pemikiran masyarakat juga perlulah diaktifkan dengan isu-isu terkini berkenaan gejala murtad ini agar masyarakat dapat turut serta dalam menangani masalah ini.

---

<sup>8</sup> Keluarga Aishah terima simpati, Utusan Malaysia, 23 Januari 1998.

Di antara modus operandi yang boleh dilakukan untuk meluaskan maklumat berkenaan isu ini ialah :

- i) Penglibatan pihak media massa dan media cetak dalam menyebarluas bahaya gejala murtad ini jika berkembang dalam masyarakat. Ini kerana media mempunyai kuasa dalam membentuk pandangan masyarakat umum. Program-program agama sama ada melalui media cetak atau elektronik sepatutnya diletakkan prioriti utama dengan meningkatkan jumlah program dan mengurangkan rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan seperti yang ditayangkan di kaca TV pada hari ini. Dalam hal murtad, pihak media wajar membantu dalam pendedahan yang meluas serta kefahaman tentang implikasi penukaran agama dan kehinaannya menurut Islam.<sup>9</sup>
- ii) Mengadakan konvensyen, wacana ilmu, seminar serta bengkel berkenaan isu murtad ini secara kolektif dan berterusan. Medan sebegini kebiasaannya berkesan untuk menarik golongan elit dan kelas pertengahan turut serta membincangkan permasalahan murtad ini.
- iii) Mengadakan ceramah, forum, kuliah serta tazkirah berkenaan tajuk murtad. Method ini biasanya menjadi kegemaran kelompok masyarakat biasa yang sudah biasa mengunjungi masjid, ceramah politik, surau, kelas-kelas pengajian agama.
- iv) Menaikkan kain rentang, bunting, poster dan mengedarkan stiker-stiker yang boleh ditampal di kereta untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya gejala ini.
- v) Penyerahan memorandum dan kutipan tandatangan untuk meraih publisiti dari pihak media. Contohnya kejayaan BADAJ (Badan Bertindak Anti IFC) yang berjaya menggagalkan seminar yang dianjurkan oleh kumpulan ‘*artikel 11*’ di Pulau Pinang. Ekoran tindakan BADAJ ini juga

---

<sup>9</sup> Masrinah bt Maslih (2008), *Persepsi pelajar Islam Fakulti Pendidikan Terhadap Isu Penukaran Agama (Murtad)*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia. m.s 109.

masyarakat mulai memperkatakan tentang gejala murtad dan ancaman IFC. Malahan kumpulan IFC ini juga telah memadamkan jadual *roadshow* mereka ke seluruh negara dalam laman sesawan kumpulan ini.

Selain itu haruslah diingat bahawa dengan autoriti kerajaan yang memerintah sahaja maka fenomena murtad ini berjaya dikekang dari terus menular dalam masyarakat. Oleh itu, masyarakat hendaklah mendesak ahli Parlimen kawasan masing-masing agar membawa usul ini ke Parlimen atau ADUN di peringkat negeri dan menjadikan isu murtad ini sebagai satu isu yang melangkaui sempadan parti dan politik.

Sejarah silam telah membuktikan bahawa perpaduan adalah senjata yang paling ampuh dalam membina sesebuah komuniti. Kesannya kini kelompok liberal dan hak asasi manusia semakin kukuh kedudukannya kesan dari kesepaduan yang telah mereka capai di kalangan mereka. Walaupun mereka berbeza agama dan kaum, namun demi menjatuhkan agama Islam, mereka bersatu padu dalam merealisasikan impian mereka ini. Sesungguhnya virus murtad tidak mengenal latar belakang keluarga, status mahupun taraf pendidikan seseorang kerana virusnya mampu merebak kepada individu yang mempunyai taraf pendidikan agama yang tinggi mahupun anak tokoh agama sendiri.

Sesungguhnya kedatangan Islam adalah untuk menghapuskan segala bentuk kepercayaan yang bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia. Allah S.W.T mencipta manusia dengan kelebihan akal yang berpandukan wahyu supaya manusia berfikir serta dapat membezakan yang hak dan batil. Jadi, akal perlu digunakan dengan sebaiknya untuk menilai sama ada sesuatu perkara itu diredhaiNya ataupun sebaliknya. Oleh yang demikian, mana-mana fahaman yang dibawa oleh gerakan Islam Liberal ini, walaupun logik akal dapat menerimanya, perlu ditolak sekiranya ia bertentangan dengan nas syarak.

#### **5.4 CADANGAN KAEDAH PENYELESAIAN DALAM MENANGANI MASALAH MURTAD**

Berdasarkan cadangan-cadangan di atas, penyelidik telah mengariskan beberapa kaedah penyelesaian yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia:

5.4.1 Kebanyakan mereka yang terdorong untuk menukar agama ini terdiri daripada golongan saudara kita, berpendidikan rendah mahupun yang berpendidikan tinggi tetapi cetek pengetahuan agama. Usaha-usaha memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan Islam kepada generasi muda adalah bersifat komprehensif. Oleh itu, ia tidak boleh dilakukan atau diletakkan di atas tanggungjawab JAKIM semata-mata. Semua badan dakwah, masjid, surau dan NGO Islam perlu mengambil inisiatif dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

Untuk melaksanakan setiap program kesedaran dan penyebaran ilmu pengetahuan ini, maka ia memerlukan kos yang tinggi. Justeru kekangan dana dalam mengimplimantasikan usaha ini menjadi faktor utama ianya tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, kerajaan, pihak swasta, masyarakat Islam serta NGO Islam perlu bergabung tenaga dalam menggumpulkan dana serta tenaga pakar untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam tentang kepentingan ilmu pengetahuan agama dan kekuatan akidah. Sesungguhnya hanya ilmu pengetahuan sahaja yang dapat menjadi benteng pertahanan umat Islam dalam menghadapi cabaran beragama era globalisasi ini.

5.4.2 Kerajaan serta umat Islam di Malaysia khususnya perlu kembali kepada sistem Undang-undang Jenayah Islam dalam kerangka Perlembagaan yang sedia ada. Pelbagai kaedah telah dibuat dan dilaksanakan sebelum ini tetapi masih belum menampakkan hasilnya bahkan gejala pertukaran agama di kalangan umat Melayu-Islam semakin meruncing. Sudah sampai masanya kerajaan kembali melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam dalam pentadbiran negara kerana telah terbukti sepanjang sejarah Islam bahawa undang-undang ini mampu menyelesaikan banyak

masalah termasuk masalah murtad. Sekiranya di zaman Jepun rakyat terpaksa tunduk kepada undang-undang yang dipakai oleh penjajah Jepun, begitu juga ketika mana penjajah British menguasai Malaysia; rakyat akur dengan undang-undang British maka sudah sampai masanya setelah 52 tahun negara merdeka dengan Malaysia dinobatkan sebagai negara Islam untuk menjadikan Undang-undang Jenayah Islam sebagai sistem perundangan negara.

5.4.3 Pihak kerajaan perlu meminda atau mengemaskinikan Perlembagaan yang ada dengan membuat akta atau enakmen yang boleh memperkuatkan kedudukan undang-undang Islam dan artikel 121 (A). Artikel 121(A) perlu memperuntukkan kuasa Mahkamah Syariah lebih tinggi kedudukannya daripada Mahkamah Sivil. Ia sebagaimana yang telah disarankan oleh Almarhum Profesor Dr. Ahmad Ibrahim yang mengatakan: <sup>10</sup>

*“Mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakat mana ia bertentangan itu”.*

Dengan meletakkan kedudukan Mahkamah Syariah lebih tinggi daripada Mahkamah Sivil sekaligus memperlihatkan pengukuhan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan menampakkan ketinggian kedudukan Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Agama di Malaysia. Ia juga menjamin kesejahteraan dan hak-hak umat Islam tanpa mengenepikan hak bukan Islam di Malaysia. Sewajarnya kedudukan Mahkamah Syariah ini ditingkatkan memandangkan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara Islam yang sudah mendapat kemerdekaan lebih daripada 52 tahun bahkan majoriti serta pemerintahnya terdiri daripada bangsa Melayu yang beragama Islam.

5.4.4 Penyebaran Islam perlu dilakukan melalui dialog secara terbuka. Walaupun dialog seumpama ini banyak dilakukan oleh badan-badan dakwah, tetapi dalam kalangan jabatan kerajaan mahupun NGO Islam yang berautoriti kurang dilakukan

---

<sup>10</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), m.s 15.

bahkan mereka gagal untuk turun padang bersama-sama melakukan tanggungjawab tersebut. Percambahan idea dan pandangan melalui dialog boleh menyelesaikan banyak masalah yang berhubung dengan perbezaan pandangan terhadap teologi, budaya, adat serta toleransi beragama. Kebanyakan dialog seumpama ini dianjurkan oleh NGO bukan Islam seperti IFC dan Majlis Peguam yang majoritinya dikuasai oleh orang bukan Islam sehingga mereka berani mencampuri hak orang Islam, termasuk mempertikai artikel 11 (4) berkenaan hak kebebasan beragama. Kesepakatan masyarakat Islam dalam mempertahankan kedaulatan agama Islam dan hak beragama umat Islam di Malaysia dituntut dan dialog seumpama ini mampu menjawab segala kekeliruan yang ditimbulkan oleh orang bukan Islam sekaligus menyedarkan masyarakat Islam tentang dakyah agama lain.

5.4.5 Kerajaan perlu meluaskan operasi mahupun mengemaskinikan pentadbiran pusat pemulihan akidah agar segala aktiviti dan program yang dibuat lebih tersusun dan berjaya mencapai objektif penubuhannya. Sistem pengoperasian yang lebih sistematik dan efisien dapat memulihkan keyakinan golongan yang ingin keluar daripada Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Oleh itu, memandangkan masalah berkaitan akidah umat Islam ini semakin meningkat, diharapkan pihak kerajaan pusat dapat membina pusat pemulihan ini di setiap negeri agar ramai lagi umat Islam yang bermasalah dari sudut akidahnya dapat dipulihkan berbanding sekarang.

5.4.6 Kerajaan juga turut diminta supaya memantau rancangan yang dipaparkan dalam media elektronik. Televisyen kerajaan mahupun swasta seharusnya tidak mengagungkan budaya Barat serta Bollywood hingga menyebabkan ramai umat Islam terpengaruh dengan budaya yang tidak sihat. Hiburan yang berunsur ganas dan percampuran antara lelaki dan wanita turut menjadi ikutan sebahagian remaja Islam sehingga akhirnya membawa kepada meninggalkan Islam sebagai pegangan hidup. Kesan daripada cara hidup Barat telah membawa pemikiran umat Islam di Malaysia lebih bersifat liberal, sekular, *free thinker* serta pelbagai fahaman yang bertentangan dengan Islam. Usaha TV9 yang membawa mesej Islam dalam kebanyakan programnya dilihat sebagai satu langkah bijak dan memperlihatkan bahawa program

bercorak keagamaan masih mendapat tempat di hati masyarakat bahkan sangat dialukan dalam situasi masyarakat yang semakin gawat hari ini.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim

Abdullah Basmeih (1992), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Jabatan Perdana Menteri: Bahagian Hal Ehwal Islam.

Buku-buku

'Abdul'Azeez ibn 'Abdullaah ibn Baaz (1998), *Word of Advise Regarding Dak'wah*, translation by Bint Feroz Deen & Bin 'Abd al-Ghafoor, Birmingham United Kingdom, Al-Hidayah Publishing and Distribution.

Abdul Aziz Bari (2003), *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*, Kuala Lumpur: The Other Press.

Abdul Aziz Bari (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Selangor, Intel Multimedia and Publication.

Abdul Aziz Bari (2006), *Perlembagaan Malaysia : Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Halim bin Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Karim Zaidan (2002), *Islam dan Dakwah*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Abdul al-Karim Zaydan (1994), *Al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar'ah*. Jil.5. Beirut: Mu'asasah al Risalah.

Abdullah bin Sulong. (2005), *Islam dan Isu-isu Semasa*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Abu Zahrah (1994), *Ushul Fiqih*, Jakarta: PT Pustaka Firdaus.

Ahmad Hidayat Buang (2004), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Adam Kuper & Jassica Kuper (1985), *The Social Science Encyclopaedia*, London: Routledge and Kegan Paul.

Ahmad Ibrahim (1986), “*Interpreting the Constitution – Some General Principles*” dalam F.A Trindade & H.P. Lee (Ed.), *The Constitution of Malaysia: Further Perspective and Developments*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ahmad Mohamed Ibrahim (1986), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Ahmad Mahdzan Ayub (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-A’zami (1990), *Manhaj al-Naqd ’inda al-Muhaddithin Nash’atuhu wa Tarikhuhu*, al-Mamlakat al-Arabiyat al-Su’udiyah: Maktabat al-Kawthar.

Al-Maqdisi (1367H), *al Mughni*, Jil. 8. Misr: Tab Idarah al-Manar.

Al-Asqalani (1989), *Fath al-Bari Sharh Sohih al-Bukhari*. Jil. 12. Beirut: Dar al Kutub al-Ilmiyah.

Al-Bahuti (1402H), *Kashshaf al-Qanna An Matn al-Iqna*. Jil. 4. Beirut: Dar al Fikr.

Al-Bakli (t.t.), *al-Ikhtiyati al-Fiqhiyah Min Fatawa Shaykh al-Islam Ibn Taymiyah*, Beirut: Dar al-Makrifah li al-Tiba’ah wa al-Nashr.

Al-Fakhr al-Razi (1357h), *Al-Tafsir al- Kabir*. Jil. 16. Qaherah: al-Matba’ah al-Bahiyah al-Misriyah.

Al-Fayruz Abadi (t.t.), *al-Qamus al Muhit*, Dar Ihya al-Turath al-Arabi, Beirut, vol. 1.

Al-Kasani. (1982), *Bada’i al- Sana’i fi Tartib al-Shara’i*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kitab Al-Arabi.

Al-Huli (1368H), *Shara’i al-Islam fi Masa’il al-Halal wa al-Haram*. Jil. 4. Qaherah: Matba’ah al-Qaherah.

Al-Husni (1995/1416h), *Kifayat Al-Akhyar fi hil Ghayat al-ikhtisar*, Dar al khayr, Beirut, jil.2.

al-Maqsidi (1367H), *Al-Mughni*. Jil. 8. Misr: Tab Idarat al-Manar.

Al-Razi (t.t.), *Mukhtar al-sihah*, Maktabah Lubnan, Beirut.

- Al-Sawi (1372H), *Hashiyah al Sawi ala al-Sharh al-Soghir li al-Dardir*. Jil. 2. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Sharbini (t.t.) *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil.4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily (1989/ 1409h), *al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuhu*, Dar al Fikr, Dimashq, jil.6.
- A-Shawkani (1994), *Nayl al-Awtar*. Jil.7. Beirut: Dar al Fikr.
- Arieff Salleh Rosman (2001), *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Awdah (1994/1415h), *al-Tashrik al-Jina'i al-Islami Muqarinan bi al-Qanun al wad'i*, Mu'assasah al-Risalah, Beirut, jil/1.
- Azzam (1990), *Al-Aqidah wa Atharuha fi Bina' al-Jil*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Baltarji (1994), *Al-Minhaj Fi Sharh Sohih Muslim bin al-Hajjaj*. Jil.1. Beirut: Dar al-Khayr.
- Buyong Adil (1980), *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- El-Awa M. (1982), *Punishment in Islamic Law*, Indianapolis, American Trust Publications.
- Farid Sufian Shuaib (2005), *Murtad : Kedudukannya di sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publication.
- Gharnati (t.t.), *Qawanin al-Ahkam al-Syariyah wa masa'il al-Furu al-Fiqhiyah*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Jama'ah min Ulama' al Hind. (1310h), *Al-Fatawa al-Hindiyah*. Jil.2. Misr: al-Matba'ah al-Amiriyyah.
- Hapriza Ashari (2003), *Prinsip Undang-undang Malaysia*, Batu Caves, Selangor, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haron Din (1988), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Hashim Mehat (1991), *Malaysian Law & Islamic Law On Sentencing*, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Hashim Yeop A. Sani (1980), *Our Constitution*, Kuala Lumpur: The Law Publishers (M) Sdn. Bhd.
- Hawwa (1992), Al-Islam: *Syahadah dan Perkara-perkara yang Membatalkannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Henry L. Manheim & Bredley A. Simon (1977), *Sociological Research: Philosophy And Methods*, Illinois: The Dorsey Press.

Ibn Abidin (1386h), *Rad al-Muhtar ala al-Dur al Mukhtar*. Jil. 4. Misr: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuhu.

Ibn Hazm (t.t.), *al Muhalla*. Jil. 11. Beirut: al Maktab al Tijari.

Ibn Kathir (1401H), *Tafsir al-Quran al-Azim*, Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram ibn Manzur al-Afriqi al-Misri (1968), *Lisan al Arab*, Jilid 12, Beirut: Dar Sadir Wa Dar Beirut.

Ibn Taymiyah (t.t.), *Al-Sorim al-Maslul a'la Shatim al-Rasul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.

Ismail Yusof (1997), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Jabran Mas'ud (1986), *al-Ra'id*, Dar al-Ilm al-Malayin, Beirut: jil.1.

Kamaruddin Ngah dan Roslin Md Akhir (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

---

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), Kuala Lumpur terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

---

*Kamus Za'ba* (2000), Kuala Lumpur terbitan Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.

Koentjaraningrat (ed.), (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia.

Mardiana Nordin, Hasnah Hussiin,(2001), *Pengajian Malaysia*, Shah Alam terbitan Fajar Bakti.

Mohd Salleh Abas (1985), *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Isa Selamat (1998). *Murtad, Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad (1968), *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Qutb (1977). *Salah Faham Terhadap Islam*. Gabungan Persatuan Mahasiswa Islam Antarabangsa.

- Muhammad Rashid Rida (t.t.) *Tafsir al Manar*, Jil. 1. Beirut: Dar al-Makrifah.
- \_\_\_\_\_  
*Perlaksanaan Hukum Hudud di Kelantan* (1994), Kota Bharu:  
 Telda Corporation Sdn. Bhd.
- Peter, A. Angeles (1981), *A Dictionary Of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers.
- Riduan Mohamad Nor (2006), *Murtad Implikasi Hukum dan Fenomena*, Selangor:  
 MHI Publication.
- R.H. Hickling (2001), *Malaysian Law, An Introduction to the Concept of Law in Malaysia*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Said Ibrahim (1998), *Jinayah Murtad, Dari Sudut Hukum Syarak dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Sayid Sabiq (1990), *Fikih Sunnah*, jil. 9, Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Shamrahayu Abdul Aziz *et.al* (2005), *Murtad dalam Perundangan Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Dan Tesis*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Wahbah az-Zuhaili, terj. Ahmad Shahbari Salomon *et. al* (2001), *Fiqh dan Perundangan Islam Jilid IV*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim, Ting Chiew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin (1980), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William L. Reese (1980), *Dictionary Of Philosophy And Religion Eastern And Westren Thought*, New Jersey: Humanities Press Inc.
- Zaydan, *al-Mufassal fi ahkam al Mar'ah*, jil. 5.
- \_\_\_\_\_. (t.thn), *Al-Mu'jam al Wasit*. Jil.2. Dar Imran.
- Kertas Kerja**
- Bahagian Penyelidikan (1991), '*Mengenal Ajaran Sesat Di Malaysia*', (Kertas Kerja di Pusat Islam Malaysia, 3 September 1991),
- Wilkinson, R.J. (1908), *'Papers on Malay Subjects' Law Part I*, Kuala Lumpur.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan,:Satu Perbahasan*, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.

Mohamad Kamil b. Abd. Majid (2004). *Penyelewengan Aqidah: Punca Dan Implikasinya Kepada Umat Islam*. (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Aqidah Peringkat Negeri Selangor, 7 Ogos 2004). Anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor.

### Tesis

Ab. Razak Aripin, *Murtad: Penilaian dari Sudut Syariah dan Penyelesaiannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Azahar bin Yaakub@Ariffin (2000) *Murtad di Kalangan Saudara Baru Keturunan India: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Masrinah bt Maslih (2008), *Persepsi pelajar Islam Fakulti Pendidikan Terhadap Isu Penukaran Agama (Murtad)*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Rozi Jidin (1994), *Riddah/murtad : Bidangkuasa Mahkamah di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nor Azilah Abdul Ghani (1999). *Murtad: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan*. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

### Enakmen/Undang-Undang

[1915], I.F.M.S.L.R 204.

[1927], 6 F.M.S.L.R. 128; 2 J 213

(1977), MLJ 187.

[1989] 1 MLJ 418

Ahmad Mohamed Ibrahim (1989), “*The Ammendment to Article 121 (1A) of the Federal Constitution: Its Effect on the Administration of Islamic Law*”, 2 MLJ.

Farid Sufian Shuaib (2000), “*The Courts and Approaches to Constitutional Interpretation*” 8 IIUMLJ 151.

\_\_\_\_\_ Akta Undang-Undang Sivil, 1956 (Akta 67)

\_\_\_\_\_ Che Omar bin Che Soh lwn Public Prosecutor (1988) 2 MLJ.

\_\_\_\_\_ *Laws of the Constitution of Terengganu* (1911), Malayan Constitutional Documents No.2.

- \_\_\_\_\_ Menteri Hal Ehwal dalam Negeri Iwn Jamaluddin bin Othman (1988) 1 Malayan Law Journal (MLJ).
- \_\_\_\_\_ **Perlembagaan Persekutuan** (Hingga 5 Mac 2008), Kuala Lumpur terbitan International Law Book Services, Petaling Jaya.
- \_\_\_\_\_ Perlembagaan Pakistan, Perkara 227.
- \_\_\_\_\_ **Suruhanjaya Reid** (Februari 1957), Kuala Lumpur, Government Press.
- \_\_\_\_\_ Undang-undang Mahkamah, Terengganu 1885.
- In Re Susie Teoh; Teoh Eng Huat Iwn Kadhi Pasir Mas & Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan (1986) 2 MLJ 228.
- Teoh Eng Huat Iwn Kadhi Pasir Mas & Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan (1990) 2 MLJ 306.
- L.A Sheridan, “*Religion of the Federation*” (1988) 2 MLJ.
- Permohonan No. 14200-043-002-2003, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Seksyen 5 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995.
- Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu), 2001
- Seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Perak), 1992.
- Seksyen 48 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 1992.
- Seksyen 55 (2) Enakmen Jenayah Syariah 1995 Negeri Sabah.
- Seksyen 63(1) Enakmen Undang-undang Jenayah Islam Sabah, 1995
- Seksyen 63 (2) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Melaka), 1991.
- seksyen 66 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam Melaka, 1991.
- seksyen 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan, 1994.
- Seksyen 119, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (Pindaan 2003).
- Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan YAA Tuan Haji Sham Haji Openg, Ketua Hakim JKSS pada 5 Ogos 2003.
- Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan YAA Dato' Che Yusof Puteh, Ketua Hakim JKSP pada 16 Ogos 2003.

Temubual Mohd Azam Mohd Adil dengan Tuan Mat Zaraai Bin Alias, Penasihat Undang-undang Perlis (ketika itu) pada 18 Oktober 2001.

Jurnal / Majalah / Surat Khabar

A. Mohd Rahimin Sihat, **Kepentingan Memelihara Akidah**, Utusan Malaysia, 21 Julai 2006.

Abu Bakar Ismail, Milenia Muslim (Januari 2006), **Tolak Suruhanjaya Agama**, Kuala Lumpur, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Abdul Monir Yaacob (Jun 1992), **Reformasi Undang-Undang Islam di Malaysia**, Jurnal Kanun, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Aninah Janang, Mastika (Disember 2006), **Tolong Selamatkan Gadis-Gadis Pulau Pinang, Kuala Lumpur**, Utusan karya Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ **Angka Murtad dalam SMS Tidak Betul**, Utusan Malaysia, 9 November 2006.

\_\_\_\_\_ **Islam itu sempurna, jangan samakan dengan agama lain. Rosak akidah kita nanti**, Harian Metro, 10 Julai 2006.

Ihsan Hardiwijaya Ibaga, majalah **DIAN** (Bil. 120, Mei 1979), “**Ulama dan Sistem Pondok Di Kelantan Abad Ke 19**”, Kota Bharu.

\_\_\_\_\_ **Jangan Pertikai Perkara 121 (A)**, Utusan Malaysia, 25 Julai 2005.

\_\_\_\_\_ **Keluarga Aishah Terima Simpati**, Utusan Malaysia, 23 Januari 1998.

Khairun Nizam dan Mohammad Yusuff, **Beri Kuasa, Tambah Kakitangan JAKIM-NGO**, Utusan Malaysia, 8 November 2006.

Linehan (1936), **History Of Pahang** dalam JRASMB London, vol. xiv, Bahagian II.

Mazeni Alwi, **Hentikan Debat Isu Agama**, Utusan Malaysia, 11 Ogos 2006.

Mohd Azam Mohamed Adil, **Bahaya Mainkan Isu Murtad di Malaysia**, Utusan Malaysia, 9 November 2006.

Mohd. Farid Ravi Abdullah, **Jangan Sisihkan Orang yang Murtad**, Utusan Malaysia, 10 November 2006.

Mohd. Radzi Mohd. Zin, **Jangan Permain isu Agama**, Utusan Malaysia, 17 Oktober 2006.

\_\_\_\_\_ Milenia Muslim (Disember 2006), ***IFC tiada tempat di negara ini-Pemuda UMNO***, Kuala Lumpur, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

\_\_\_\_\_ ***Mufti Perak Kata JAKIM Tidak Serius dalam Isu Murtad***, Utusan Malaysia, 10 Julai 2006.

\_\_\_\_\_ (t.t.). ***Murtad Barah Ummah***. Kuala Lumpur: Terbitan Badan Bertindak Anti- Murtad, Pusat Penyelidikan Pas Pusat

Noor Azam Shairi, ***Memahami Artikel 11 (4)***, Utusan Malaysia, 23 Ogos 2006

Norliza Abd. Rahman, ***SMS: Sultan perak Panggil MB, Musa Menghadap***, Utusan Malaysia, 9 November 2006.

Rusli Abdul Ghani (1989), ***Peristilahan Legasi Hippocrates Ars Longga, Vita Brevis***, Pelita Bahasa, bil. 9, November 1989, Kuala Lumpur terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahidan Jaafar, Mastika (November 2006), ***Kami Perjudikan Akidah Untuk beri Makan Anak-Anak!***, Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ ***Saya Tetap Islam: Azhar Mansor***. Berita Harian, 18 November 2006.

Sisters In Islam, “***Apostasy is Not Capital Crime***”, The Star, 24 Julai 1999.

\_\_\_\_\_ ***Umat Islam diminta Pertahan Kedudukan Agama dalam Perlembagaan***, Utusan Malaysia, 24 Julai 2006.

Wahbah az-Zuhaili, terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al (2001), ***Fiqh dan Perundangan Islam Jilid IV***, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd. Hafiz Wan Hamzah, Mastika (Disember 2006), ***Anak VVIP Bertaubat Selepas Murtadkan 500 Orang Melayu***, Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd.

Wan Mohd. Hafiz Wan Hamzah, Mastika (Disember 2006), ***Jadi Free Thinker, Hampir Murtad***, Kuala Lumpur, Utusan karya Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ ***Wujud Akta Lindungi Akidah***, Utusan Malaysia, 16 Julai 2006.

\_\_\_\_\_ ***Kebanyakkan yang Murtad Wanita***, Utusan Malaysia. 8 November 2006.

Zulkifli Jalil, ***Amaran Kepada Semua-Jangan Anjur Lagi Forum Sentuh Sensitiviti Kaum, Agama – Perdana Menteri***, Utusan Malaysia, 12 Ogos 2008.

*alumnigayongua.tripod.com/artikel/murtad.htm, 4 jun 2007, 12.30pm.*

[baheis.islam.gov.my/web/musykil.nsf](http://baheis.islam.gov.my/web/musykil.nsf) 11 jun 2007, 1.45pm

<http://www.e-fatwa.gov.my>

<http://www.malaysiakini.com/letters/36404> / *50,000 remaja Melayu mohon murtad?*  
Rozmal Malakan, May 25, 05 1:14pm

[http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa\\_id=8](http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa_id=8)

[ms.wikipedia.org/wiki/Agama](http://ms.wikipedia.org/wiki/Agama). 12 Jun 200. 11.50 am

[www.abim.org.my/](http://www.abim.org.my/) *Perbincangan khas NGO-NGO Islam mengenai Lina Joy dan isu semasa*

[www.al-ahkam.net/](http://www.al-ahkam.net/) 4 jun 07, 4.30 pm

[www.harakahdaily.net,](http://www.harakahdaily.net/) *Mufti Perak Dakwa 250,000 murtad di negara ini?* 14 Februari 2006.

[www.islam.gov.my,](http://www.islam.gov.my/) *Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia,* Ahmad Mohamed Ibrahim.

[www.malaysia-today.net/Blog-s/2006/06/respon-islam-terhadap-pluralisme.htm](http://www.malaysia-today.net/Blog-s/2006/06/respon-islam-terhadap-pluralisme.htm),  
2.00pm, 2 jun 07

[www.myislamnetwork.net/](http://www.myislamnetwork.net/), 4 jun 07, 5.55pm

[www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), 6 Oktober 2000

[www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/listsslg)

[your.sydneyanglicans.net/southerncross/articles/muslim\\_women\\_who\\_share\\_a\\_secret\\_love/](http://your.sydneyanglicans.net/southerncross/articles/muslim_women_who_share_a_secret_love/)